

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.
(Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

TIDAK HADIR (Dengan maaf)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali S.P.M., S.M.S (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Mohd Shamsudin Bin Lias D.P.M.S., J.S.M., S.S.A (Sungai Burong)

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali, P.P.T.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil Bin Sabiis
Encik Jamil Hasib Bin Abd Karim
Encik Mohd Redzuan Bin Adam
Encik Nilam Mesra Mansur Bin Osman

Pelapor Perbahasan

Encik Mohd Saifulnizam Bin Hasmawi

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 5 September 2018 dimulakan dengan bacaan doa.

Bacaan Doa

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan- pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 12

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Yang Berhormat Morib. Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan siasatan dan kajian yang telah dilaksanakan pihak JKR Selangor terhadap dua kejadian banjir kilat yang berlaku di pekan Kampung Permatang Pasir didapati berpunca daripada pelaksanaan Projek Tangki Air Bukit Jugra yang dilihat gagal untuk melaksanakan Pelan Kawalan Hakis dan Kelodak dengan izin *erosion and sediment control plan* dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang ditetapkan. Sistem perparitan sedia ada di kawasan tersebut adalah untuk menampung kapasiti aliran permukaan jalan sahaja dan didapati masih mencukupi. Ini dibuktikan dengan tiada berlaku sebarang kejadian banjir sebelum projek tangki air Bukit Jugra dilaksanakan. Selepas Pelan Kawalan Hakis dan Kelodak dilaksanakan dan diuruskan dengan baik maka didapati masalah banjir kilat berjaya diatasi. Sehingga kini pihak Kerajaan belum ada perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di Pekan Kampung Permatang Pasir. Walau bagaimanapun dengan mengambil kira jangkaan pertambahan aliran permukaan atau *surface runoff* dengan izin daripada pembangunan projek tersebut, pihak JKR Selangor telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menyelenggara sistem perparitan di kawasan ini. Bagi jangka masa panjang pihak JKR akan mensyaratkan kepada pihak pemaju yang berkaitan untuk menaik taraf sistem perparitan di Pekan Kampung Permatang Pasir. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Teratai.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Konsep *sponge city* adalah satu konsep untuk menyusup balik air hujan kembali ke dalam tanah. Konsep ini juga dibuktikan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat. Soalan saya adalah Kerajaan Selangor ada kajian untuk melaksanakan konsep ini dan konsep ini adakah Kerajaan Selangor akan melaksanakan di kawasan *development project* macam di daerah Hulu Langat, Selayang dan sebagainya.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Berhubung dengan cadangan untuk menyelesaikan untuk mengatasi banjir, antara kita perlu fahami bahawa apabila kadar hujan yang tinggi yang turun ada dua kaedah bagaimana air itu dapat di alirkan ke sungai atau satunya melalui sistem perparitan, ataupun longkang. Yang kedua adalah dengan penyerapan air itu ke dalam tanah. Disebabkan pembangunan yang tinggi menyebabkan serapan air ke dalam tanah itu menjadi agak kurang. Jadi kita telah berbincang perkara ini dengan pihak yang berkaitan termasuk pihak JKR dan JPS. Antara cadangan-cadangan kita selain daripada menyediakan kolam takungan banjir untuk menahan air itu ataupun *detention pond* menahan air sebelum dialirkan ke sungai selepas air dah surut ialah dengan menyediakan beberapa kemudahan lain termasuk teknologi yang terbaru ataupun termasuk yang telah sedia ada iaitu penggunaan mesra alam *parking* awam contohnya *parking* awam ini tidak menggunakan premix tapi dia menyediakan mesra alam maksudnya dia boleh menyerap air sebenarnya melalui *parking* ini dan juga jalan-jalan juga sebenarnya ada kaedah teknologi *road* yang boleh menyerap 30% air hujan di atas jalan itu. Jadi ini kaedah teknologi ini yang telah pun kita bincang dan kita akan mula laksanakan secara berperingkat-peringkat termasuk juga yang terbaru saya dapat makluman penggunaan *sponge* menyerap air daripada banjir dan apabila air dah surut maka dia macam *spongelah* dia boleh lepaskan air itu. Ini teknologi yang kita perlu laksanakan. Dan yang keduanya yang paling penting sekali ialah penyelenggaraan kolam takungan banjir dan juga longkang-longkang kita. Ini pun kalau kita bina dengan besar sekalipun kalau tidak diuruskan dibuat penyelenggaraan yang baik membuang kelodak-kelodak ini maka kita buat besar mana pun longkang tidak memadai. Ini pun sedang kita sedang bincang dan kita telah laksana pun berperingkat-peringkat di banyak tempat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung , tidak hadir.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap 24.2 boleh?

TUAN SPEAKER : Apa dia?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Peraturan Tetap 24.2.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER : Saya tak benarkan hari ini. Seterusnya Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan saya yang ke-14 Kota Damansara. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker. Kota Damansara bertanya berkaitan masalah perumahan di Kampung Bunga Raya Seksyen U6. Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran ini telah membuat semakan dan mendapati Kampung Bunga Raya di Seksyen U6 tidak termasuk dalam senarai statistik peneroka bandar yang dikeluarkan pentadbiran ini. Difahamkan juga, semakan pentadbiran ini melalui Pejabat Daerah dan Tanah Petaling juga Majlis Bandaraya Shah Alam mendapati bahawa ianya tiada di dalam senarai bancian peneroka bandar. Jadi saya menyarankan supaya serta lokasi alamat perumahan atau penempatan yang ingin dibangkitkan dinyatakan dengan lebih terperinci supaya kita boleh mengenal pasti apa yang dimaksudkan dan juga kumpulan penduduk di Bunga Raya ini sama ada statusnya peneroka bandar atau sebaliknya. Jadi jika Yang Berhormat ada maklumat yang lebih terperinci sila kemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling dan juga Majlis Bandaraya Shah Alam. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan tambahan. Tuan Speaker, Kampung Bunga Raya ini melibatkan penduduk asal di mana pembangunan Desa Subang Permai. Mereka secara fizikal mereka tinggal di situ sekarang. Jadi mereka dijanjikan untuk diberikan satu perumahan. Namun sehingga kini setelah dua penggal pun tidak ada sebarang penempatan diberi kepada mereka. Saya mengharapkan sangat supaya pihak terbabit menyediakan tempat sementara ataupun perumahan kekal untuk mereka. Keadaan mereka di situ amat tidak membaik sebab kita lihat bumbung mereka pun tidak sesuai, amat teruk situ. Saya harap pihak berkuasa yang terlibat dapat mengadakan lawatan di tempat itu dan dapat menyelesaikan mereka. Lebih daripada 70 penduduk keluarga terlibat di situ Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan dia?

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Saya minta adakah pihak Kerajaan dapat menyediakan baik sementara mahupun kekal sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan yang dahulu? Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Yang Berhormat Kota Damansara saya ambil maklum maklumat ini dan kita akan susulilah minta Yang Berhormat berikan maklumat tersebut secara terperinci kepada saya. Terima kasih.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER : Saya jemput Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Speaker, soalan nombor 15.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Tuan Speaker, soalan ini panjang jawapannya, saya akan cuba pendekkan kerana soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Bandar Utama soalan nombor 93, Yang Berhormat Semenyih soalan nombor 141, Yang Berhormat Bukit Gasing soalan 181, Yang Berhormat Taman Templer soalan 217 dan Yang Berhormat Sijangking soalan 225 berkaitan kes demam denggi di Negeri Selangor. Yang Berhormat Hulu Bernam dan yang lain-lain terhormat. Laporan denggi di Negeri Selangor secara kumulatif sehingga 25 Ogos 2018 telah merekodkan sebanyak 27,453 kes berbanding 35,343 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Jumlah kes denggi bagi tahun 2018 menunjukkan pengurangan sebanyak 31% berbanding dengan tahun 2017. Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 21 kes sehingga 25 Ogos 2018 berbanding 55 kes kematian pada tahun 2017 iaitu pengurangan sebanyak 62%. Sebenarnya saya ada jadual tetapi saya hendak menunjukkan bahawa mengikut daerah:

| BIL. | DAERAH | KES KEMATIAN TAHUN 2018 |
|---------------|----------------|------------------------------------|
| 1. | Petaling | 8 |
| 2. | Klang | 2 |
| 3. | Hulu Langat | 4 |
| 4. | Gombak | - |
| 5. | Selangor | 3 |
| 6. | Kuala Langat | 1 |
| 7. | Hulu Selangor | 1 |
| 8. | Kuala Selangor | 2 |
| 9. | Sabak Bernam | - |
| JUMLAH | | 21 KES |

Yang Berhormat Bandar Utama tanyakan jumlah kes denggi sejak 5 tahun lepas mengikut DUN saya tidak akan mengemukakan semuanya kerana maklumat ini boleh didapati daripada Pegawai Kesihatan Daerah di dalam Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah yang diadakan, sekiranya hendak juga saya boleh bagi penuhnya. Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan kadar penurunan kes denggi berbanding negeri lain. Berikut adalah keseluruhannya penurunan di seluruh Malaysia adalah 33.60%. Ada negeri yang meningkat, ada negeri yang menurun yang penting untuk Negeri Selangor memang menurun sebanyak 31.40%. Y.B. Sijangking pula bertanyakan jumlah kes demam denggi yang dikesan melalui Klinik-Klinik Panel Skim Peduli Sihat. Sehingga 27 Ogos 2018 sebanyak 238 kes denggi telah dikenal pasti melalui Klinik

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Panel Skim Peduli Sihat. Y.B. Bandar Utama pula bertanyakan peratus punca kes-kes denggi yang direkodkan. Banyak sebabnya tapi saya akan hanya membawa beberapa jenis premis di mana kita menjumpai pembiakan nyamuk aedes ini. Tanah lot kosong 18.8% daripada tanah lot kosong yang diperiksa positif, tempat pembuangan sampah 9%, projek rumah terbengkalai 6.5%, tapak binaan 2.7%. Tapi yang penting pemeriksaan rumah kediaman sebanyak 1,955,027.06 rumah menunjukkan 42,930 ataupun 2.2% rumah kediaman adalah premis pembiakan nyamuk aedes. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak lima juta untuk menampung perbelanjaan aktiviti pengawalan dan pencegahan denggi dan Pihak Berkuasa Tempatan juga menerima 1.2 juta disalurkan kepada mereka untuk pembelian racun serta peralatan dan keperluan dan Mesyuarat Tindakan DUN untuk Pegawai-pegawai Daerah juga diperuntukkan 350,000 untuk menangani isu berbangkit berkaitan dengan pembiakan denggi ini. Jadi bermula tahun ini 1.248 juta peruntukkan disalurkan kepada Ahli Majlis melalui PBT bagi bersama-sama melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing dan bagi ADUN-ADUN 10,000 daripada peruntukkan Khidmat Masyarakat mereka hendaklah digunakan untuk melaksanakan program-program gotong-royong ini. Semenjak tahun 2016, 2016 kerajaan memperuntukkan, Negeri Selangor memperuntukkan 1.5 juta, 2017 5 juta, 2018 5 juta. Saya kira peruntukkan ini sebenarnya mencukupi YB. Sekalian, kerana kita mempunyai mekanisme yang sangat rapi untuk memantaunya. Masalah utama kita, saya akan sebut hanya masalah utama sebab saya merasakan bahawa semua perkara yang patut dilakukan oleh pihak berkuasa Negeri dan Tempatan telah dilakukan. Halangan utama kita YB. Sekalian ialah sikap, halangan ialah sikap kita sendiri, sikap penduduk kita, rakyat kita di dalam membanteras kes denggi Selangor. Sikap tidak bertanggungjawab masyarakat dalam memainkan peranan membantukan segala usaha yang telah dilakukan diperingkat negeri. Masyarakat sepatutnya perlu memastikan keadaan rumah atau kawasan sekeliling sentiasa bersih dan bebas daripada menjadi kawasan pembiakan aedes. Usaha yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat kerjasama dari pihak masyarakat. Permasalahan masih berlaku secara berulang walaupun tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa. Lanjutan itu kempen bersama masyarakat sentiasa digiatkan bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam bersama-sama menangani kes demam denggi. Dan kali ini ahli-ahli Majlis kita letak KPI mereka mengadakan, mereka menjadi pengerusi di semua zon-zon di kawasan mereka untuk sama-sama dengan rakyat mengadakan aktiviti membanteras denggi. Tuan Speaker, terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih, tahniahlah kerana ada penurunan wabak peratus wabak denggi ni di Selangor tetapi walau bagaimanapun masih Selangor menjuarai wabak denggi di peringkat Malaysia. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah baharu maksud yang baru, ya, yang lebih *efficient* untuk menangani masalah ini sebagai langkah tambahan yang sedia ada ni. Apakah langkah-langkah yang baharu, soalan saya itulah Tuan Speaker. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih YB. Hulu Bernam. Ehm..sebenarnya semula langkah yang ada dalam buku ya terkini semua sudah diambil. Jadi yang tinggal yang perlu kita lakukan secara agresif ialah pendidikan dan kesedaran rakyat sendiri. Bagaimana mereka boleh membantu kerana denggi tidak mengenal siapa mangsanya, nyamuk boleh terbang daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Dan inilah yang kami, saya sendiri merasakan ADUN-ADUN sekalian memainkan peranan yang penting untuk mendidik rakyat dan memberi kesedaran kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B.TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: YB.Exco, selaras degan gagasan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan ataupun untuk membangunkan Negeri Sebagai sebuah Negeri Pintar apakah Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif selain daripada kaedah pencegahan yang konvensional terhadap pencegahan denggi. Apakah kita telah melaksanakan satu sistem pemantauan yang dinamik melalui termasuk melalui teknologi seperti *artificial intelligence* dan adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan sistem ini dengan segera. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih Gombak Setia. Saya nak sebut di sini pemantauan yang kita ada sekarang ni cukup rapi. Dan kita mendapat maklumat ni setiap minggu untuk maklumat terkini. Kalau kita adapun *artificial intelligence* untuk kita mengenalpasti kawasan wabak-wabak ini proses pencegahannya tetap sama dan ia berbalik kepada kita sebagai rakyat sama-sama untuk menjaga atau membenters apa ni pusat apa ni tempat-tempat pembiakan nyamuk itu sendiri. In sha Allah saya rasa kalau tanpa artificial intelligence ini pun sekarang ini maklumat kita sangat terkini tentang zon dan tempat-tempat wabak di mana itu semua ada *at the finger tips already* ya jadi sekarang ini adalah apa yang perlu dilakukan. Ya kita tidak boleh lagi mengharapkan pihak berkuasa untuk menjaga tempat-tempat pembiakan ini. Kita dictact dan sekarang ini peranan seperti yang dimainkan oleh rakyat misalnya pembiakan di dalam rumah itu sendiri. Ya, yang tinggi di dalam rumah itu sendiri dan pihak berkuasa tidak boleh masuk ke dalam rumah-rumah tanpa izin. Rumah-rumah kosong, ya, kereta-kereta yang tersadai di tepi jalan yang tak dibenarkan untuk diangkat dan sebagainya. Jadi In sha Allah kalau perlu artificial intelligence ini YB Gombak kita akan usahakan, In sha Allah. Terima kasih.

Y.B.TUAN RAJIV a/I RISHYAKARAN: Soalan tambahan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER: Saya bagi Sijangkang

Y.B. DATO' DR.AHMAD YUNUS HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Mencegah, mengenalpasti denggi dari awal adalah satu kelebihan dalam rawatan Denggi ini dan bukan mudah kalau kita nak mengenal pasti daripada symptom sebab symptom-simptom ini adalah simptom demam virus yang lain tu sama juga lebih kurang. Kerajaan Negeri melalui program Peduli Sihat telah memperuntukkan sejumlah peruntukkan untuk menggunakan klinik-klinik panel ini *sport test*. Setakat ini berapa banyakkah klinik-klinik panel ini telah menggunakan *sport test* dalam mengenalpasti awal demam denggi ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih YB. Sijangkang. Mengenai *sport test* ini saya kurang pasti tentang mana klinik Peduli Sihat kita yang menggunakan *sport test*. Saya akan dapatkan maklumat ni untuk YB. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV a/l RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Cukup. Saya minta Yang Berhormat Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA ZULKIFLI: Tuan Speaker, soalan saya No.16.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Terima kasih YB. Melawati, Bukit Melawati. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil maklum berkenaan kepentingan dan potensi sector pelancongan di Daerah Kuala Selangor, khususnya di DUN Bukit Melawati yang meliputi kawasan yang sangat luas serta memerlukan perhatian yang khusus. Di dalam tempoh lima(5) tahun yang lepas, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan pembangunan sejumlah RM573,089.00 bagi tujuan menaik taraf pelbagai produk pelancongan di DUN Melawati, khususnya di kawasan pelancongan Bukit Melawati, Taman Kelip-kelip Kg.Kuantan serta beberapa lokasi pelancongan sejarah di Daerah Kuala Selangor dengan kerjasama agensi teknikal dari Majlis Daerah serta Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor. Selain daripada penyaluran peruntukan bagi menaiktaraf produk pelancongan di Daerah Kuala Selangor, Kerajaan Negeri melalui tourism Selangor juga telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan lokasi pelancongan yang terdapat di Daerah Kuala Selangor melalui penyertaan di dalam siri promosi pelancongan di dalam dan luar Negara, penggunaan media sosial serta penganjuran acara yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Terkini, suatu program yang mendapat pengiktirafan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta persijilan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia yang dikenali sebagai *Program Hos Komuniti Selangor 2018* telah dimulakan dengan pengambilan peserta kumpuran pertama untuk diangkat sebagai Pemandu Pelancong Tempatan di Daerah Kuala Selangor. Latihan kemahiran pelancongan ini berlangsung selama enam bulan dan khusus disediakan untuk pemastautin di kawasan pemanduan yang ditentukan serta setiap peserta yang diterima mask adalah berumur di antara wa tahun sehingga 35 tahun sahaja.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Adalah diharapkan dengan adanya program sedemikian, akan wujudnya minat yang berterusan bagi penduduk tempatan; terutamanya kaum belia di kawasan Kuala Selangor untuk berkecimpung dan membina kerjaya di dalam bidang pelancongan negeri. Sehubungan dengan itu, bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa lokasi dan siri aktiviti pelancongan yang baharu dan mampu dijadikan pusat tarikan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Antara aktiviti promosi yang bakal diadakan adalah seperti berikut:

| Bil. | Perancangan | |
|------|------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Mangroove Tour @ Kuala Selangor Sky Mirror Kuala Selangor | Perancangan untuk mengadakan pakej atau kawasan tarikan pelancongan melalui penyediaan Pakej Mangroove Tour di sepanjang hilir kawasan pantai di DUN Bukit Melawati. Antara tarikan utama bagi produk ini adalah pengalaman menyertai aktiviti ' <i>eagle feeding</i> ' Perancangan awal sedang dibuat untuk mengadakan pakej lawatan bagi pelancong tempatan dan antarabangsa. Lokasi ini adalah dianggap sebagai sangat berpotensi untuk dijadikan pusat pelancongan utama memandangkan hanya terdapat dua-(2) kawasan unik yang sedemikian di dunia; termasuk yang berada di Kuala Selangor |
| 2 | Bukit Melawati Heritage Walk(BKHW) | Perancangan awal untuk mengadakan pakej lawatan yang meliputi bahan dan tapak bersejarah di sekitar kawasan Bukit Melawati |

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

| | | |
|---|----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | yang terdapatnya tinggalan sejarah awal kesultanan Negeri Selangor |
| 3 | Pusat Kesenian Daerah Kuala Selangor | Usaha menaiktaraf kawasan Pusat Kesenian Sasaran Kuala Selangor sebagai pusat kesenian baertaraf dunia dan tarikan pelancongan setara dengan penyediaan kelengkapan yang berfasiliti tinggi. |
| 4 | Pusat Pemeliharaan Kelip-kelip Kg. Bukit Belimbing | Mengiktiraf Kg. Bukit Belimbing sebagai pusat pemeliharaan mergastua kelip-kelip dan sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan yang baharu selain dari pusat Pemeliharaan Kelip-kelip Kg. Kuantan |
| 5 | Pusat Kraf Tembikar | Usaha memajukan industri kraf tembikar dengan usahasam Kraftangan Malaysia untk produk tempatan. Melalui pendedahan kepada cara pembuatan tradisional sambil menaplikasikan reka bentuk kreatif yang serba baharu, usaha ini dilihat akan mampu menarik minat pelancong tempatan dan luar Negara untuk meneroka pengalaman yang berharga ini untuk melakar produk tembikar tradisional negeri Selangor. |

Y.B.PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI:

Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI: Tuan Speaker, saya ingin bertanya adakah kerajaan Negeri bercadang untuk melihat potensi pelancongan *village tourism* di daerah Kuala Selangor memandangkan di Daerah Kuala Selangor kita mempunyai 55 buah Kampung Tradisi yang mungkin konsep ini boleh diperluaskan dan menjana ekonomi penduduk tempatan.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Untuk makluman YB Bukit Melawati PADAT sebenarnya sedang mengadakan usaha-usaha mengenalpasti produk-produk pelancongan di kawasan-kawasan tertentu seperti YB cakap tadi. Dan saya beserta PADAT telah berbincang bagaimana cara untuk menambahbaik produk-produk tempatan yang boleh diketengahkan sebagai produk-produk yang boleh menarik pelancongan. Selain daripada tembikar dan sebagainya saya dan PADAT telah pun berbincang untuk menentukan bagaimana cara produk-produk ini boleh di, apa nama tu, diketengahkan kepada pelancong-pelancong yang datang dan juga kepada, bukan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

sahaja kepada domestik dan juga pelancong antarabangsa dan menentukan bahawa mereka-mereka ini menghayati bagaimana produk-produk itu dibuat dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Sg. Pelek.

Y.B.TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, potensi pelancongan di Selangor memang baiklah. Dan contoh yang baik ialah Sekinchan. Memang, memang, memang hebat

TUAN SPEAKER: Tiada tambahan masa

Y.B.TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Masalah sekarang ialah saya mendapati pelancong dari luar dia tidak singgah di tempat kita. Dia *day trip* saja, dia tak singgah pada malam. Saya rasa satu kekurangan ialah publisiti dan sebagainya ataupun promosi. Jadi adakah Exco Pelancongan ada rancangan untuk tambah dana lagi untuk, khas untuk promosi dan untuk marketing dan sebagainya supaya Selangor boleh termasuk Sepang ya, Sepang pun ada Sungai yang cantik, ada pantai yang cantik. Sepanglah. Sepang di bawah Sg. Pelek

TUAN SPEAKER: YB. Pendekkan soalan.

Y.B.TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Jadi boleh tambak tanah kalau boleh minta bantuan daripada *Tourism Minister*.....

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :memang-memang. Memang hebat..

TUAN SPEAKER : Tiada penambahan masa ya.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Masalah sekarang ialah saya mendapati pelancong dari luar dia tidak singgah di tempat kita. Dia *daytrip* sahaja. Dia tak singgah pada malam. Saya rasa satu kekurangan ialah publisiti dan sebagainya ataupun promosi. Jadi adakah Exco Pelancongan ada rancangan untuk tambah dana lagi untuk khas untuk promosi dan *marketing* dan sebagainya. Supaya Selangor boleh termasuk Sepang eh. Sepang pun ada sungai yang cantik, ada pantai yang cantik. Sepanglah. Sepang di bawah Sungai Pelek.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat pendekkan soalan.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Ok. Jadi, boleh tambah tanah kalau boleh minta bantuan daripada *Tourism Minister* yang dari pusat itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIEN KHIEW : Terima kasih YB, Yang Berhormat. Sebenarnya kami telah menjalankan banyak promosi-promosi yang melibatkan kawasan-kawasan Yang Berhormat sebut tadi. Tapi masalahnya ialah penempatan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

atau tempat penginapan yang kurang ditempat-tempat tersebut. Dan saya telah bercadang dengan adanya tempat-tempat yang boleh menambah ataupun atau menaiktaraf, menambahkan kedatangan pelancongan, saya bercadang untuk apa nama tu.. berbincang dengan sektor-sektor korporat dan juga agensi-agensi kerajaan negeri untuk membina hotel-hotel di kawasan-kawasan seperti di Kuala Selangor, Tanjung Karang di Sekinchan dan sebagainya. Kerana mereka-mereka ini tidak singgah di tempat ini kerana tidak ada tempat penginapan yang sesuai untuk mereka menginap. Jadi sekiranya kita boleh menambahkan tempat-tempat penginapan di kawasan-kawasan ini mereka akan tinggal sini, akan berbelanja di sini dan juga akan apa nama tu... dapat melihat tempat-tempat yang begitu menarik yang ada di Selangor ini.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Di Ijok itu ada tempat-tempat potensi untuk meningkatkan pelancongan seperti Horas dan juga *Fruit Valley*. Adakah rancangan dari kerajaan negeri untuk menaik taraf dari segi pelancongan di *Fruit Valley*? Sebab saya dapati amat kekurangan untuk menarik pelancongan walaupun sekarang mereka telah membina zonkan kawasan dan juga potensi Horas itu. Cantik dari segi pemandangan macam-macam tarikan pelancongan boleh diwujudkan di situ. Jadi Ijok ingin menanya sama ada, ada rancangan daripada kerajaan negeri Selangor untuk membangunkan horas dan *Fruit Valley*?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIEN KHIEW : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Sebenarnya saya sedang menunggu cadangan-cadangan ataupun *proposal-proposal* daripada Pejabat Daerah, daripada Majlis Daerah di semua kawasan di negeri Selangor dan juga kalau boleh daripada ADUN-ADUN kawasan tersebut untuk mengajukan *proposal* ataupun cadangan untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di kawasan masing-masing. Jadi sekiranya Ijok ada tempat-tempat yang boleh diketengahkan sebagai pusat pelancongan atau untuk mengadakan produk-produk pelancongan bolehlah menghantar *proposal* ataupun cadangan tu kepada saya untuk dipertimbangkan dan akan juga sekiranya perlu akan memohon bajet yang lebihlah untuk tahun hadapan. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Soalan seterusnya saya jemput Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Tuan Speaker, soalan saya nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N32 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGOPERASIAN KUARI

17. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah hasil yang diperolehi Kerajaan Negeri melalui aktiviti-aktiviti kuari di Selangor
- b) Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah-masalah infrastruktur misalnya jalanraya akibat daripada pergerakan lori-lori kuari?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dusun Tua atas soalan yang telah dikemukakan. Bagi soalan A, hasil Kerajaan Negeri melalui aktiviti kuari di Selangor adalah seperti berikut:

| TAHUN | HASIL |
|------------------------|--------------|
| 2014 | RM24.66 juta |
| 2015 | RM48.99 juta |
| 2016 | RM36.20 juta |
| 2017 | RM51.94 juta |
| 2018 sehingga 31 Julai | RM31.26 juta |

Bagi soalan B, pihak Kerajaan Negeri telah mewajibkan atau menetapkan bagi setiap kelulusan aktiviti pengkuarian, pengusaha kuari perlu meletakkan deposit-deposit tertentu kepada setiap agensi-agensi teknikal berkaitan sebagai pegangan dalam mengatasi masalah infrastruktur daripada aktiviti pengkuarian tersebut. Pejabat Tanah dan Daerah meletakkan deposit sebanyak RM50 ribu untuk pentadbiran dan pengurusan permit bahan batuan. Jabatan Kerja Raya, JKR Selangor meletakkan deposit sebanyak RM50 ribu untuk pengurusan dan penyelenggaraan jalan-jalan negeri. Dan yang ketiga, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, JPS meletakkan deposit sebanyak RM20 ribu sebagai pengurusan dan penyelenggaraan sungai dan rizab negeri. Untuk maksud soalan kedua saudara, maknanya ia banyak terlibat dengan JKR namun JKR tidak ada data spesifik kerana yang datang kepada JKR biasanya kerosakan dan mereka buat. Jarang ada kerosakan disebabkan lori kuari.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Kerosakan disebabkan lori kontena. Jarang begitu. Jadi angkanya nanti saya akan berikan secara bertulis kerana ia memerlukan sedikit penelitian terutamanya lokaliti-lokaliti yang mempunyai kawasan kuari sebagaimana dalam maksud soalan B, Dusun Tua. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Taman Tampler.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Terima kasih Tuan Speaker. Kita ucapkan syabas dan tahniahlah kepada pihak kerajaan negeri di atas hasil yang diperolehi hasil daripada kuari yang kita nampak semakin tahun semakin meningkat. Cuma saya ada satu persoalan soal berkaitan dengan masalah keselamatan sebab saya biasa lalu di jalan di Dun Dusun Tua ni. Sebab banyak berlaku kemalangan yang kadangkalanya melibatkan kematian. Cuma kita nak tahu apakah tindakan penguatkuasaan soal berkaitan lori ni keluar masuk sebab saya dimaklumkan lori keluar masuk ni sepatutnya dia ada *time* dia. Dia ada waktunya. Maksudnya dia boleh keluar selepas jam pukul 9.00 pagi dan waktu puncak sebelah petang tu dia memang tak boleh untuk keluar masuk. Tapi yang menjadi masalahnya memang kita nampak mereka ini ingkar lah. Mereka ini ingkar sebab mungkin untuk mengaut keuntungan yang lebih...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat mana soalan tambahannya?

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Maksudnya yang saya sebutkan tadi penguatkuasaan. Yang itu. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan dan kita akan merujuk kepada jabatan tersebut untuk melihat bagaimanakah jadual pengoperasian kerana ia adalah cadangan baru. Namun begitu saya nak maklumkan negeri Selangor adalah antara negeri pertama yang mengamalkan Sistem Docket . Di mana dengan Sistem Docket ini kita dapat mengesan pergerakan lori-lori dan juga setiap kenderaan dan syarikat-syarikat yang telah mengendalikan kuari. Konsep Sistem Docket ini telah diterima pakai di peringkat Persekutuan dan insya-Allah sekali lagi Selangor merupakan peneraju daripada segi pemerhatian dan juga cerapan serta pemantauan terhadap aktiviti pengkuarian aktiviti di Malaysia. Terima kasih.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Solalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan. Melalui maklumat daripada pejabat, melalui maklumat daripada Jawatankuasa Tindakan Daerah dimaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan tidak melibatkan LPKP. Jadi adakah negeri akan melibatkan pihak LPKP dalam penguatkuasaan dimana permit jika lori itu melanggar peraturan-peraturan permit dan lesen mereka boleh ditarik?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Insya-Allah. Saya memang menyokong penuh kepada tindakan-tindakan bersepadu ini sebab tidak boleh hanya mana-mana satu agensi kerana kita ada bidang kuasa kita yang tersendiri. Terutamanya Pejabat Tanah dan Daerah, dia hanya merujuk kepada aktiviti pengkuarian itu sahaja. Namun aktiviti seperti JPJ, Jabatan Pengangkutan Jalan, polis trafik ataupun jabatan yang disebutkan saudara itu memang diperlukan. Tetapi untuk mengendalikan aktiviti dan pengoperasian bersepadu, kita memerlukan masa dan juga waktu untuk pelarasan dan kita harus menggalakkan supaya setiap jabatan-jabatan ini dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti bersepadu ini kerana kita dapat merungkai setiap akar masalah dan tidak hanya menyelesaikan di permukaan ataupun perkara-perkara secara rincitan sahaja, terima kasih.

Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Saya jemput Yang Berhormat Semenyih, soalan seterusnya.

Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya adalah soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : JAMBATAN BESI (BAILEY BRIDGE) PEKAN SEMENYIH

18. Bertanyakan kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini cadangan pembinaan jambatan baru menggantikan jambatan besi di Pekan Semenyih?
- b) Kontraktor manakah yang diberi tanggungjawab terhadap projek pembinaan jambatan baru ini dan sebanyak mana peruntukan yang diberikan untuk projek ini?

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih, Tuan Speaker. Proses pembinaan bagi projek jambatan baru bagi menggantikan jambatan besi atau Bailey Bridge di Pekan Semenyih ini telah bermula pada 29 Disember 2017 dan dijangka siap pada 28 Jun 2019. Dengan tempoh kontrak selama 78 minggu yang diselia oleh JKR Malaysia. Kemajuan fizikal di tapak pada masa ini adalah sebanyak 11% berbanding jadual sebenar jadual yang sepatutnya iaitu 49%. Kelewatan ini sebab utamanya ialah disebabkan oleh isu pengalihan utiliti iaitu Telekom, fasiliti Telekom dan Tenaga Nasional. Pergi bahagian B, kontraktor yang telah dilantik adalah KEP, Contracting Sdn. Bhd. dengan harga kontrak sebanyak RM7,542,934.56. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya bernombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR DAN DESA

19. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- b) Adakah Kerajaan Negeri ada autoriti untuk menyelaraskan peruntukan dan projek luar bandar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?
- c) Apakah status terkini projek pendaftaran jalan-jalan negeri yang didaftarkan dengan MARRIS?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang dan terima kasih Speaker. Bismillahhirahmannirohim dan Assalamualaikum w.b.t. saya akan hanya akan menjawab soalan B dan C sahaja kerana soalan A telah pun ditolak oleh Tuan Speaker. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua semenjak 2008 peruntukkan projek luar bandar daripada kerajaan negeri Selangor diuruskan ataupun diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Manakala peruntukan dan projek luar bandar daripada kerajaan persekutuan diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, ataupun UPP atau dalam bahasa Inggerisnya dipanggil (ICU) iaitu *Implementation Coordination Unit* dengan izin oleh Jabatan Perdana Menteri. Pastiya bila Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sekarang ini ditadbir oleh kerajaan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

yang sama iaitu Kerajaan Pakatan Harapan jadi isu ini telah pun usaha untuk penyelarasan ini telah pun dilaksanakan. *Alhamdulillah*, perbincangan di antara Unit Perancang Ekonomi dan juga ICU telah dijalankan bagi mengenal pasti kaedah dan juga mekanisme terbaik bagi penyelarasan peruntukan dan projek luar bandar yang bertindih antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Untuk maklumat Yang Berhormat Dewan Negeri dan juga Sijangkang khususnya, telah ada tiga kali perjumpaan antara UPEN dan juga ICU pada 25 Jun yang baru ini pada 12 Julai 2018 dan pada 3 Ogos 2018. Jadi setakat ini masih lagi belum ada keputusan muktamad kerana penyelarasan ini dimaklumkan ianya akan dibuat bukan sahaja untuk negeri Selangor tetapi membabitkan negeri-negeri yang lain juga. Untuk soalan kepada nombor 3, projek pencerapan jalan-jalan negeri, sebagaimana yang Yang Berhormat tahu bahawa pencerapan ini adalah untuk mendaftarkan jalan-jalan luar bandar di bawah seliaan JKR dalam sistem MARRIS. Mana-mana jalan yang telah didaftarkan barulah boleh ianya boleh diletakkan atau diperuntukkan satu bajet khas untuk membaiki jalan-jalan ataupun isu-isu berbangkit dengan isu-isu yang berkaitan dengan MARRIS. Jadi JKR Selangor telah berjaya menyiapkan projek pencerapan data-data jalan-jalan kampung bagi tujuan pendaftaran MARRIS di negeri Selangor pada Jun 2017 yang lepas. Projek ini telah berjaya melaksanakan cerapan data jalan kampung sebanyak 2,845.33 km dan kini telah pun didaftarkan di dalam sistem MARRIS. Itu sahaja, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima Kasih Tuan Speaker. Batu Tiga secara tidak langsungnya telah menjawab soalan yang pertama. Walaupun ditolak. Cuma apa yang saya nak minta penjelasan daripada Batu Tiga adalah dengan pendaftaran yang berjaya didaftarkan melalui pencerapan kepada jalan-jalan MARRIS ini. Adakah jalan-jalan yang telah didaftarkan itu sudah mula dinaiktarafkan menggunakan peruntukan MARRIS ataupun apakah perancangan strategi untuk menaiktarafkan jalan-jalan yang dulunya bersifat jalan kampung, jalan tanah, jalan cerapan memenuhi syarat-syarat MARRIS untuk dibangunkan? Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sijangkang. Apa yang kita dapati bila kita telah pun laksanakan cerapan tersebut ataupun mengenal pasti jalan-jalan yang perlu dinaiktaraf pastinya bajet khusus akan disediakan. Tetapi persoalannya sekarang siapa yang akan memberikan bajet tersebut? Apakah ianya daripada negeri ataupun daripada pihak persekutuan? Kerana sebelum 2008 sebenarnya ada bajet-bajet khas yang diberi bawah pembangunan luar bandar yang selama ini tidak diberikan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kepada kerajaan negeri. Tapi saya nak beritahu Alhamdulillah, Selangor sebenarnya mengambil menarik inisiatif yang paling awal bila kita telah pun mencerapkan semua jalan-jalan kampung di negeri Selangor untuk dikenal pasti sebagai jalan yang akan dinaiktaraf. Jadi untuk ini saya maklumkan kepada Yang Berhormat semua bukan Sijangkang sahaja, bahawa mana-mana jalan yang kita rasakan perlu pembaikan ianya akan perlu dimasukkan dalam inventori ini. Persoalannya apakah ianya akan diperbaiki ataupun dibuat pelaksanaan tersebut? Itu adalah berdasarkan ianya macam mana pun mesti mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jadi insya-Allah, apa pun saya harap perbincangan dengan pihak SU nanti akan membuahkan hasil yang baik supaya peruntukkan ataupun kewangan daripada negeri Selangor akan dapat dijimatkan kerana ianya memang tanggungjawab daripada kerajaan persekutuan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI: Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya ialah soalan nombor 20.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI (N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : ISU PERLANTIKAN AHLI MAJLIS

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah kriteria yang diguna pakai untuk melantik Ahli Majlis?
- (b) Selain dari Ketua Parti Politik di peringkat bahagian atau cabang, adakah cadangan dikemukakan oleh ADUN akan turut dipertimbangkan?
- (c) Berapakah elaun yang diterima setiap bulan oleh Ahli Majlis bagi setiap PBT setiap bulan?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasar kriteria asas dan kriteria tambahan. Kriteria asas adalah merujuk kepada Seksyen 10 (2) Akta 171 iaitu Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik daripada antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

telah memperoleh kerjaya terpuji dalam sesuatu profesion perdagangan dan perindustrian ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan kaum-kaum dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

Seksyen 10 (3) Akta 171 iaitu tempoh jawatan bagi seseorang Ahli Majlis mestilah tidak boleh lebih daripada tiga tahun. Kriteria tambahan yang telah diluluskan MMKN Ke-22 Tahun 2013 pada 31 Julai 2013 adalah seperti berikut:

(a) **Kelayakan:**

- (i) Warganegara Malaysia dan fasih berbahasa Melayu.
- (ii) Had umur minimum 21 tahun.
- (iii) Bermastautin di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan sekurang-kurangnya 5 tahun ataupun menetap di daerah bersebelahan.
- (iv) Hendaklah bukan dalam kalangan kakitangan kerajaan.
- (v) Sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan akademi minimum SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan atau calon perlu menduduki dan lulus ujian asas yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

(b) **Pengalaman**

- (i) Calon hendaklah mempunyai pengalaman luasa dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau telah memperoleh kerjaya terpuji dalam sesuatu profesion perdagangan atau perindustrian ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

(c) **Tempoh Perkhidmatan**

Tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Majlis tidak boleh lebih daripada 4 tahun atau 2 penggal berturut-turut dan 50% jumlah daripada jumlah Ahli Majlis yang sedang berkhidmat lebih daripada 4 tahun atau 2 penggal berturut-turut di setiap PBT adalah layak untuk dilantik semula.

(d) **Pembahagian Kuota**

- (i) Pembahagian kuota adalah 75% daripada calon parti iaitu PKR, DAP, Amanah dan PPPM manakala 25% adalah daripada calon NGO.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

- (ii) Pencalonan nama bagi pengisian kuota NGO hendaklah daripada organisasi yang berdaftar di bawah mana-mana Akta atau Enakmen.
- (iii) Minimum 30% daripada keseluruhan Ahli Majlis yang dilantik hendaklah dalam kalangan wanita.

Bagi soalan (b). Cadangan nama bagi Ahli Majlis adalah ditentukan sepenuhnya oleh parti komponen. Oleh itu cadangan oleh ADUN perlu dibincangkan dan di pertimbangkan di peringkat parti dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri.

Untuk soalan (c). Kerajaan Negeri Selangor telah menyarankan kadar elaun tetap dan elaun mesyuarat bagi Ahli Majlis PBT berdasarkan keputusan MMKN yang Ke-6 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 15 Februari 2017 iaitu Majlis Bandar raya, Elaun Tetap RM2,500.00, Elaun Mesyuarat RM150.00. Majlis Perbandaran, Elaun Tetap RM2,500.00, Elaun Mesyuarat RM100.00. Majlis Daerah, Elaun Tetap RM2,000.00, Elaun Mesyuarat RM100.00.

Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LUI TIAN KHIEW: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LUI TIAN KHIEW: Terima kasih Tuan Speaker. Saya rasa sekarang ini tak ada had untuk ADUN, tak ada had untuk *member* Parlimen dari segi berapa tahun. Jadi, saya rasa hadkan tempoh untuk Ahli Majlis sampai 4 tahun itu tidak, tidak masuk akal bagi saya. Adakah, ada pelan ataupun rancangan negeri untuk meninjau balik keadaan ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Sungai Pelek. Had yang disebutkan tadi tu, 50% daripada jumlah Ahli Majlis yang sedang berkhidmat lebih daripada 4 tahun atau 2 penggal boleh layak untuk dilantik semula 50% kerana kita nak pastikan ada Ahli Majlis yang lama dan Ahli Majlis yang baru untuk berkhidmat di PBT yang sama.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI: Apakah berlaku kemungkinan perkhidmatan Ahli Majlis ini boleh ditamatkan di pertengahan sesi selepas pelantikan dan apakah yang boleh menyebabkan penamatan khidmat itu dilaksanakan. Terima kasih.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Sekiranya Ahli Majlis yang tertentu tidak menjalankan tugas atau gagal menjalankan tugas dengan baik, maka ADUN-ADUN atau sesiapa pun boleh memberi laporan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan membawa perkara ini ke Mesyuarat MMKN untuk membuat satu keputusan.

Y.B. TUAN RONNIE LUI TIAN KHIEW: Soalan Tambahan.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAH: Satu soalan Tuan Speaker. Ini perlu, perlu. Ini perlu

TUAN SPEAKER: Baik Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAH: Satu soalan yang terakhir.

TUAN SPEAKER: Soalan ye, jangan pusing-pusing

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAH: Ya, ya. Saya ingin bertanyakan kepada pihak Yang Berhormat EXCO soal berkaitan dengan ada cadangan untuk mengadakan pilihan raya untuk PBT. Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercita-cita ataupun berhasrat untuk melaksanakan pilihan raya di pihak PBT. Soalan saya, terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Menteri KPKT pernah menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengadakan pilihan raya Kerajaan Tempatan dalam 3 tahun. Jadi, kerajaan Negeri masih menunggu, menunggu keputusan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi Kerajaan Negeri, kami menyokong penuh pilihan raya Kerajaan Tempatan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Adakah mungkin Kerajaan Negeri memulakan inisiatif untuk berbincang dengan Kementerian Kerajaan Tempatan untuk pertama sekali memansuhkan Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 supaya pilihan raya Kerajaan Tempatan bolehlah dijalankan. Perbincangan itu, saya kira boleh. Adakah itu mungkin diinisiatifkan dan dimulakan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Untuk memansuhkan Akta tersebut ia adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, satu sesi *workshop* telah diadakan di peringkat Kerajaan Persekutuan bersama semua PBT telah diadakan dan perbincangan telah dilaksanakan kami masih menunggu, menunggu keputusan daripada Kementerian KPKT.

TUAN SPEAKER: Saya jemput Yang Berhormat Teratai.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya adalah soalan nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHIPPING

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Adakah Kerajaan bersedia untuk meningkatkan jumlah bayaran Jom *Shopping* dari RM100 kepada RM150 seorang atas sebab peningkatan harga barang?

Y.B. TUAN GANABATIRAU VERAMAN: Tuan Speaker. Program pemberian bantuan secara baucar untuk rakyat miskin bersempena perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dan kini dijenamakan sebagai Jawatankuasa Tetap Pembudayaan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena 3 perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan membuat pembelian barangan keperluan bernilai RM100.00 di pasar raya terpilih. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendekatan Peduli Rakyat dalam usaha meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai dimensi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira etnik. Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan penambahbaikan program. Justeru itu, Kerajaan Negeri mengambil perhatian akan cadangan menaikkan nilai baucar daripada RM100 kepada RM150.00 bagi program ini. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan tahunan bagi program ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Sebagai contoh, bagi tahun 2017 sahaja jumlah perbelanjaan dengan nilai RM100.00 bagi baucar adalah sebanyak RM8.3 juta. Berdasarkan rekod jumlah perbelanjaan bagi program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga 24 Ogos 2018 adalah sebanyak RM44.83 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan program-program bantuan lain seperti Program Kasih Ibu SmarSelangor pada tahun 2018. Di mana setiap keluarga menerima bantuan makanan asas sebanyak RM2,400.00 setahun atau RM200.00 sebulan melalui pembelian di pasar raya dan kedai runcit terpilih. Program tersebut turut melibatkan peruntukan yang tinggi iaitu berjumlah RM96 juta. Oleh yang demikian, cadangan untuk menaikkan nilai setiap baucar daripada RM100.00 kepada RM150.00 ini dijangka akan melibatkan komitmen kos yang lebih tinggi serta ianya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

dilihat perlu diteliti semula secara terperinci bagi melihat jangkaan impak atau kesan pelaksanaannya.

TUAN SPEAKER: Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan ada membuat kajian tentang keberkesanan program *Jom Shopping* ini ataupun kajian berkenaan mekanisme penyampaian kepada penerima.

Y.B. TUAN GANABATIRAU VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Kajian secara terperinci tentang pelaksanaan program ini memang tidak dilakukan. Tetapi bagaimanapun program-program kajian tentang pelaksanaan program IPR khususnya, semua program melibatkan untuk membantu orang miskin, banyak kajian sebenarnya telah dilakukan khususnya melalui UNISEL dan juga UTAR tentang kajian kemiskinan di negeri Selangor dan bagaimanapun pelaksanaan setiap program kalau kita buat hanya khusus pada baucar saya rasa itu tidak akan memberi manfaat keseluruhannya. Bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan kita ambil maklum dan mungkin pelaksanaannya yang telah kita telah menambahbaikkan dari 2012 dalam masa-masa ini ia banyak ditambahbaikkan. Sekiranya ada apa-apa cadangan boleh dikemukakan kepada saya.

Soalan tambahan Tuan Speaker mengenai Jom Shopping.

TUAN SPEAKER: Saya bagi kat Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Pertanyaan saya, tidak adakah cadangan untuk menambah bilangan penerima. Bagi saya lebih baik ditambah penerima berbanding nilai kerana untuk satu DUN RM500.00 untuk hari raya tak cukup. Untuk Deepavali juga 300 di Sabak Bernam selepas Deepavali masih lagi bercerita kenapa saya tak dapat. Jadi, saya bertanya tidak ada hendak menambah bilangan bukan menambah nilai. Menambah bilangan penerima lebih baik daripada menambah nilai. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Sabak. Memang hasrat saya pun begitu ya. Memang saya rasa percaya sebagai Wakil Rakyat, semua orang menghadapi masalah. Kita nampak, kita bantu ramai, lagi ramai yang menanti untuk mendapat bantuan. Tetapi seperti yang telah saya nyatakan tadi, jumlah perbelanjaan yang telah kita buat untuk setahun sahaja, pada tahun 2017 sahaja RM8.3 juta. Kalau untuk daripada 2012 hingga 2018 kita nampak RM44.8 juta. Ini pula tambahan dengan program-program IPR yang perlu, yang baru kita telah laksanakan. Kita perlu lihat juga kemampuan Kerajaan Negeri dalam membuat program-program kebajikan sebegini. Tetapi bagaimanapun tentang penambahan apa tu rakyat yang terpilih perlu dibawa dan dibincangkan. Akan saya usahakan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya saya menjemput Meru.

Y.B. TUAN USTAZ MOHD FAKHULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN USTAZ MOHD FAKHULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : LORI HARAM DAN AKTIVITI PENJUALAN TANAH MERAH

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap lori-lori haram yang mengangkut tanah atau pasir serta menyebabkan kerosakan ke atas jalan raya?
- (b) Apakah langkah Kerajaan bagi mengawal aktiviti memotong bukit bagi tujuan penjualan tanah merah secara haram?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih soalan daripada Meru apa yang rasa semalam turut dibangkitkan beliau dalam perbahasan Menjunjung Kasih. Pertamanya saya ingin menjelaskan di sini Akta dan juga Undang-undang yang ada di bawah kuasa Kerajaan Negeri adalah untuk aktiviti dan juga pengoperasian di bawah Kanun Tanah Negara ataupun KTN ye. Jadi, kalau ia melibatkan kenderaan-kenderaan, ia adalah di bawah tugas dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan khususnya pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya. Jadi, soalan saudara saya juga akan menjurus kepada Seksyen 426 (1) Kanun Tanah Negara yang memperuntukkan tindakan-tindakan denda disabit kesalahan seperti mencabut

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : LORI HARAM DAN AKTIVITI PENJUALAN TANAH MERAH

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap lori-lori haram yang mengangkut tanah atau pasir serta menyebabkan kerosakan ke atas jalan raya?
- b) Apakah langkah kerajaan bagi mengawal aktiviti memotong bukit bagi tujuan penjualan tanah merah secara haram?

JAWAPAN :

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih soalan daripada Meru yang saya rasa semalam turut dibangkitkan beliau dalam perbahasan menjunjung kasih. Pertamanya, saya ingin menjelaskan di sini akta dan juga undang-undang yang ada di bawah kuasa kerajaan negeri adalah untuk aktiviti dan juga pengoperasian di bawah Kanun Tanah Negara ataupun KTN. Jadi kalau ia melibatkan kenderaan-kenderaan, ia adalah di bawah tugas dan tanggungjawab kerajaan persekutuan khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya. Jadi soalan saudara, saya akan menjurus kepada Seksyen 426(1) Kanun Tanah Negara yang memperuntukkan tindakan denda disabit kesalahan seperti mencabut, memindah, mengangkut, membenarkan pencabutan, pemindahan atau pengangkutan bahan batuan daripada mana-mana tanah kebenaran yang sah tanpa kebenaran yang sah iaitu suatu denda yang tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan dalam suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Soalan ini *valid* kerana lori yang diambil tindakan itu akan diambil tindakan oleh Jabatan Pengangkutan jika ia lori haram, tidak berlesen, tidak berpermit dan sebagainya. Tapi tindakan mengeluarkan bahan-bahan batuan itu akan dikenakan pada angka yang saya sebutkan tadi denda kurang daripada RM500,000 dan kurang daripada 5 tahun. Mana-mana orang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, bolehlah diperintah supaya membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri di samping apa-apa benda yang dikenakan apabila disabitkan, pampasan yang sama nilainya dengan bahan batuan yang dipersoalkan dan nilai apa-apa kayuan yang dipotong atau dimusnahkan dalam menjalankan pencabutannya. Manakala soalan (b), kesemua Pejabat Daerah dan Tanah melalui Unit Penguatkuasaan bertugas untuk menguatkuasakan dan mengawal aktiviti memotong bukit bagi tujuan penjualan tanah merah secara haram. Unit Penguatkuasaan setiap pejabat daerah dan tanah akan memantau tanah kerajaan dan juga tanah hak milik yang mempunyai kawasan tanah yang bercirikan tanah merah sama ada kawasan berbukit ataupun tidak. Tindakan pengawalan dan pemantauan yang dijalankan merupakan tindakan prosedur yang dijalankan secara berkala dan juga sekiranya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

mendapat aduan-aduan terus daripada orang awam sama ada melalui panggilan telefon, e-mel, media massa dan sebagainya. Tindakan rampasan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 426(1)(b) terhadap jentera yang melakukan aktiviti pencabutan sebarang bahan batuan termasuklah tanah merah akan dikuatkuasakan sekiranya dijumpai terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Ini jelas dengan penerangan di bawah peruntukan seksyen ini akan tindakan yang boleh dikenakan terhadap sebarang aktiviti pengalihan bahan batuan yang dijumpai diangkut secara tidak sah namun berada di bawah atau di luar kawalan pemilik tanah tersebut. Sebarang tindakan pengangkutan dan pencabutan bahan batuan yang tidak sah akan dianggap telah berlaku walaupun pemilik tanah menyatakan bahawa tidak menyedari akan aktiviti haram yang berlaku di atas tanah milik mereka.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Mungkin kepada Y.A.B Menteri Besar, mungkin saya nak bertanya di sini berapa banyak dah permit yang telah dibatalkan? Yang mana kalau kita lihat itu puncanya sebenarnya yang berlakunya aktiviti lori haram dan sebagainya ni. Sebab dia mempunyai implikasi yang lain sebenarnya walaupun JPJ ada bidang kuasa di atas jalan raya, tapi dia tidak menyelesaikan masalah. Sebenarnya masalah berpunca daripada permit itu sendiri. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Speaker, saya rasa soalnya begitu spesifik 'berapa banyak'. Jadi lebih baik saya sampaikan secara bertulis kepada Meru agar jawapan yang diberikan itu tepat dan akurat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya jemput YB Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih YB Tuan Speaker. Soalan saya nombor 23.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN (N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : **PELABURAN MASUK KE Selangor**

23. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan secara terperinci status terkini pelaburan di Selangor mengikut daerah;

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

- b) Nyatakan perbandingan jumlah pelaburan Selangor dengan negeri-negeri lain di Malaysia sehingga Julai 2018.

JAWAPAN :

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada YB Sungai Panjang. Tuan Speaker, bagi tempoh Januari hingga Mac 2018 negeri Selangor telah merekodkan kelulusan projek perkilangan sebanyak 35 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM812,649,000. Dari jumlah ini, sebanyak RM426,893,000 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM385,756,000 adalah daripada pelaburan asing.

Daerah petaling mencatatkan jumlah nilai pelaburan tertinggi berbanding daerah-daerah di negeri Selangor yang lain dengan nilai pelaburan berjumlah RM347juta dengan 12 projek. Ini diikuti dengan daerah Klang sebanyak 9 projek, Kuala Langat 3, Kuala Selangor 3, Hulu Langat 4, Gombak 3, Hulu Selangor 1.

Dari jumlah bilangan projek, Selangor mencatatkan kelulusan projek perkilangan tertinggi dengan 35 projek, diikuti Johor dengan 31 projek dan Pulau Pinang sebanyak 22 projek. Ini menunjukkan negeri Selangor menyumbang sebanyak 25% daripada keseluruhan jumlah projek perkilangan yang diluluskan di Malaysia.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2018, Selangor menduduki tangga keenam berbanding negeri-negeri yang lain yang mencatatkan jumlah nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM812juta. Negeri Terengganu mencatatkan nilai pelaburan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.16billion. Diikuti oleh negeri Pahang sebanyak RM3.45billion, Negeri Sembilan RM1.17billion, negeri Pulau Pinang RM1billion dan Johor sebanyak RM868juta.

Itu saja Tuan Speaker. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Soalan saya, apakah rancangan kerajaan untuk membawa masuk ataupun menarik pelabur dalam industri-industri yang tertentu di kawasan-kawasan luar bandar ataupun di daerah-daerah yang berada di kawasan luar bandar? Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, buat masa ini tidak ada dasar-dasar yang khusus untuk membawa perindustrian ke kawasan luar bandar kerana dia tidak mungkin tidak sesuai. Umpamanya di Sabak Bernam, kawasan itu memang tidak sesuai dan digalakkan pun pelabur tidak berminat ke kawasan seperti di Sabak Bernam. Tapi dia bergantung pada perancangan keadaan dan tetapi itu tidak

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

bererti kita tidak menggalakkan. Kalau ada perindustrian kita melalui portfolio YB Batu Tiga juga digalakkan keseluruhan tempatan dan itu kita akan melihat perkembangannya kerana pada masa ini persaingan memang daripada negeri-negeri lain kita mesti menumpukan perhatian kepada 5 *cluster* yang telah pun kita tetapkan iaitu teknologi tinggi dalam bidang *aerospace*, dalam bidang pengangkutan (peralatan pengangkutan), *Machinery* dan sebagainya. Jadi penumpuan dari segi keutamaan seharusnya diberikan kepada industri berteknologi tinggi. Yang itu untuk industri ini hanya kita boleh tumpukannya di kawasan-kawasan perindustrian yang memang dah maju berbanding dengan kawasan di luar bandar.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Saya nak bertanya sebagai soalan tambahan. Apakah aktiviti menarik pelaburan ni hanya tertumpu kepada sektor industri pembuatan semata-mata? Apakah pelaburan juga aktiviti mendapatkan pelaburan saja boleh kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, kalau kita melihat struktur ekonomi, sumbangan daripada sektor perkhidmatan mendatangkan sebanyak 60% kepada KDNK Negeri Selangor. Sementara pembuatan sebanyak 29.3%. Itu adalah struktur kita. Jadi untuk industri-industri yang lain memang dia tidak memainkan peranan yang begitu besar. Jadi itu merupakan kekuatan negeri Selangor. Dari segi sumbangan kepada KDNK negara, sebanyak 22% daripada sektor perkhidmatan untuk seluruh Malaysia, 25% datang daripada negeri Selangor dan juga dari segi sektor perkilangan juga, sumbangan kita ke dalam sektor ini dalam perangkaan negara juga lebih daripada 25%. Jadi itu adalah kekuatan kita. Seharusnya kita memperkukuhkan kekuatan kita daripada kita menumpukan industri yang tidak begitu mendatangkan hasil kepada negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Sabak Bernam menangis bila disebut pelabur tidak mahu datang ke Sabak Bernam. Oleh sebab itu ADUN Sabak minta supaya pelabur yang ingin melabur dalam sektor pertanian hendaklah dibawa masuk ke dalam Sabak Bernam kerana Sabak Bernam merupakan kawasan pertanian. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, sebenarnya kita ada tanah yang luas di kawasan Sabak Bernam. Kita (PKNS) ada tanah seluas 5,000 ekar dan sebenarnya ada cadangan daripada pelabur tetapi memandangkan dia tidak begitu meyakinkan buat masa ini, oleh itu kita tidak membawanya. Sebab sudah saya kata bergantung pada pelabur. Dan sebagai kerajaan, kita bertanggungjawab untuk menilai setiap cadangan pelaburan. Sekiranya dia tidak akan mendatangkan hasil untuk jangka masa panjang, maka kita perlu berhati-hati. Tapi itu tidak bererti pertanian tidak akan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

mendatangkan hasil yang tinggi. Sebenarnya daripada perkembangan pertumbuhan ekonomi 2017, perkembangan pertanian adalah yang paling tinggi di Selangor. Jadi usaha perlu dijalankan, kajian perlu dibuat untuk menarik sektor pertanian yang menggunakan teknologi dan sekarang ini ada cadangan daripada Taiwan, jumlah pelaburan agak besar dalam sektor pertanian. Dan sedang dalam peringkat awal dan seboleh-bolehnya saya akan memperkenalkan mereka pergi ke Sabak Bernam kerana dia akan mendatangkan hasil sendiri. Tapi saya kata itu saya akan cuba sebaik-baiknya ya. Terpulang kepada pelabur sama ada kita dapat meyakinkan mereka untuk membawa teknologi pertanian, teknologi tinggi ke Sabak Bernam. Terima kasih.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Tuan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Cukuplah. Saya minta YB Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 24 dalam senarai. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)

TAJUK : **PENDIDIKAN**

24. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini naik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) kepada taraf universiti?
- b) Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mengurangkan kos yuran pengajian yang dikenakan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)?

JAWAPAN :

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih Sungai Ramal atas soalan yang telah dikemukakan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ataupun KUIS telah membuat permohonan untuk dinaiktaraf sebagai universiti penuh melalui Sistem *My Upgrade Online Upgrading Self-Assessment for Private Higher Education Institution* oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bermula daripada tahun 2016 lagi. Pihak KUIS telah melepasi syarat kelayakan untuk dinaiktaraf sebagai universiti penuh dengan markah layak yang dipertimbangkan ialah 75%. Bagi tahun 2018, markah yang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

diperolehi oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ialah 91.61%. Akan tetapi, walaupun secara keseluruhan pihak KUIS melebihi daripada kadar minima iaitu 75% namun ada dua kriteria yang belum dipenuhi oleh pihak KUIS yang menyebabkan pendaftarannya sebagai universiti penuh ataupun taraf sebagai universiti penuh tertangguh. Yang pertama iaitu sebagai *section fundamental number one* bagi *current per capital* ataupun kadar modal berbayar semasa yang masih lagi tidak mencapai RM20juta. Kedua, *Section important number nine* iaitu *percentage of international student* bagi dinaiktaraf sebagai universiti penuh di KUIS kita belum mencukupi ataupun belum melebihi 20% daripada pelajar-pelajar antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Berkenaan dengan yuran. Kerajaan negeri senantiasa cuba untuk meminimumkan kadar kos yuran yang dikenakan oleh sesi pengajian tinggi di bawah negeri Selangor. Walau bagaimanapun, yuran Universiti Islam Antarabangsa Selangor masih berada di tahap yang rendah berbanding dengan institusi-institusi pengajian tinggi swasta yang lain. Selain itu, KUIS juga menawarkan penajaan yuran kepada pelajar asasi yang layak untuk melanjutkan pengajian. Namun sekiranya pengurangan kos pengajian ingin dilaksanakan, dana yang diperlukan adalah sebanyak RM33juta bagi menampung 11,000 orang pelajar ketika ini yang merangkumi pelajar diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah ataupun PHD dengan kadar yuran boleh dikurangkan 20% ataupun sekitar RM3,000. Untuk perbandingan, saya ingin berkongsi di sini sedikit. Kadar yuran kita berbanding universiti-universiti, kolej universiti Islam lain di Malaysia. Kalau pada kadar pengajian diploma di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, yurannya di antara RM13,000 sehinggalah RM18,000. Manakala di Kolej Universiti Islam Melaka di antara RM10,000 sehingga RM14,000. Manakala untuk Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra Kelantan daripada RM13,000 hingga RM18,000. Kolej Islam Darul Ridzuan ataupun (USAS) sebanyak RM33,000 untuk diploma berbanding dengan kadar yang kita berikan. Sebab itu kadar yang diberikan yang disebutkan di KUIS meletakkan yuran secara percuma ya free untuk pelajar-pelajar asasi dan kita antara negeri pertama yang memperkenalkan pengajian asasi secara percuma. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya silakan Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan yuran tadi. Itu hari pihak KUIS saya difahamkan yuran mereka tinggi kerana diwajibkan sekali kepada para pelajar untuk tinggal di asrama disediakan oleh pihak KUIS dan yuran yang dikenakan untuk asrama itu juga tinggi. Jadi itu yang menyebabkan pelajar berasa terbeban mereka tidak diberikan pilihan ini. Jadi mungkin adakah perkara ini akan dikaji semula. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih. Sudah pasti untuk meletakkan dalam suasana kampus lebih baik mereka tinggal di dalam kampus di

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

asrama ataupun di kolej yang telah disediakan oleh pihak universiti dan kita juga mempunyai beberapa pegangan kontrak konsesi sebelum ini terhadap sewaan-sewaan yang harus kita jelaskan walaupun kita baru menyelesaikan di mahkamah baru-baru ini oleh pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa. Masalah lepas yang berjaya kita selesaikan dengan penyelesaian mahkamah. In sha Allah kita akan lihat apakah tanggungjawab-tanggungjawab lain. Namun saya rasa saya kira untuk suasana kampus yang lebih baik, adalah wajar untuk kita letakkan paling tidak tahun pertama dan tahun kedua untuk pelajar-pelajar ataupun mahasiswa-mahasiswi tinggal di dalam kampus, merasai suasana kampus dan mungkin pada tahun-tahun yang agak akhir. Ini praktik, biasa di universiti-universiti awam di negeri Selangor ataupun di mana-mana untuk tahun-tahun tertentu diwajibkan untuk mahasiswa-mahasiswi tinggal di dalam kampus. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya Nombor 25.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG

(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PERIZABAN TANAH KAWASAN ORANG ASLI (KOA) Selangor

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan status perizaban tanah KOA Negeri Selangor secara terperinci.
- b) Nyatakan cara penyelesaian KOA yang terletak dalam kawasan rizab hutan.
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya pelan permohonan JAKOA tidak mematuhi spesifikasi yang diperlukan oleh Pejabat Tanah Daerah bagi tujuan pewartaan?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Kubu Baharu yang sentiasa prihatin terhadap orang asli. Soalan pertama tentang status perizaban tanah kawasan Orang Asli di negeri Selangor. Jumlah bilangan kampung orang asli yang telah diwartakan sebagai kawasan atau rizab Orang Asli sehingga 2018 mengikut daerah seperti berikut, untuk kawasan Sepang, Daerah Sepang jumlah kawasan Orang Asli yang telah diwartakan sebanyak 8, yang belum diwartakan 7. Untuk daerah Hulu Selangor selesai 2, belum selesai 14. Gombak 2

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

yang selesai, masih 6 belum selesai. Untuk daerah Petaling yang ada 4 kawasan orang asli belum selesai belum penyelesaian, 4 pun belum. Untuk Hulu Langat 3 selesai, 7 belum selesai. Kuala Langat 10 selesai, 9 belum selesai. Untuk daerah Klang 1 selesai, 2 belum selesai. So jumlah kawasan Orang Asli ada terdapat 75 kawasan yang telah selesai diwartakan tanah 26, yang belum 49. Untuk soalan yang kedua, Pihak Berkuasa Negeri melalui kaedah-kaedah boleh membenarkan Orang Asli di dalam mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan rizab hutan sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 10, Akta 134, Akta Orang Asli 1954. Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengenal pasti rizab hutan yang menjadi kawasan penempatan Orang Asli. Seterusnya proses penyediaan pelan ukur sedang dilaksanakan supaya penandaan sempadan tanah dapat dilaksanakan untuk direkodkan bersama maklumat bilangan penduduk dan kumpulan etnik yang terlibat. Untuk soalan C, Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan perizaban mana-mana Tanah Kerajaan untuk maksud penempatan/kawasan Orang Asli melalui permohonan lengkap yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bersama pelan pra-hitungan (pre-complan) yang disediakan oleh Juruukur berlesen. Permohonan akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Seterusnya kawasan yang telah diluluskan sebagai kawasan Orang Asli akan diukur halus oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk pengeluaran Pelan Warta (PW). Setelah Pelan Warta diperolehi maka urusan pengisytiharan perizaban Kawasan Orang Asli akan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, ketiadaan pelan pra-hitungan yang disediakan oleh Juruukur Berlesen akan menyebabkan proses kelulusan perizaban tidak dapat dilaksanakan kerana penentuan garis sempadan tanah tidak dapat dikenal pasti. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor sentiasa mengadakan mesyuarat berkala bersama pihak JAKOA dan semua Pentadbir Tanah bagi membantu menyelesaikan urusan pewartaan Kawasang Orang Asli. Laporan status permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor sebanyak 4 kali setahun. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) turut memantau pelaksanaan pewartaan Kawasang Orang Asli dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : *Thank you* Tuan Speaker, dengan izin soalan saya Nombor 26.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN

(N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : MEMBINA GERAI-GERAI UNTUK PARA BELIA

26. Bertanya kepada Y.A.B. Datp' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha dari pihak Kerajaan Negeri untuk membina gerai-gerai untuk digunakan bagi peniaga kecil terutama para belia yang baru berjinak-jinak menceburi bidang perniagaan?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : *Thank you*, Taman Templer. Tuan Speaker, kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mempunyai pelbagai inisiatif bagi membina gerai-gerai untuk digunakan oleh peniaga kecil terutama para belia yang baru berjinak-jinak. Antaranya, adalah :

- i) MPAJ menubuhkan penempatan penjaja sementara. Zoning penjaja dan masih mempunyai sebanyak 182 kekosongan petak penjaja merangkumi 3 sesi. Pagi, petang dan malam.
- ii) Kebanyakan PBT menggalakkan golongan belia untuk berniaga di tapak-tapak penjaja yang disediakan oleh Majlis selain memberi peluang berniaga di pasar malam, atau pagi tertakluk kepada kekosongan.
- iii) Pada tahun 2018 terdapat banyak tapak-tapak baru yang dibuka oleh PBT bagi tujuan tapak-tapak pasar malam dan *food truck*. Sebagaimana diketahui umum, perniagaan *food truck* ini semakin diminati oleh golongan belia dengan penyediaan tapak-tapak ini kerajaan negeri berharap semakin ramai belia akan menceburi bidang perniagaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan, jadi kebergantungan kepada para belia yang baru hendak bermula berniaga terhadap kedai-kedai PBT kerana kos yang rendah dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya kerajaan, apakah ada cadangan untuk mewujudkan skim dalam bentuk pinjaman atau bantuan bagi sewaan untuk berniaga bagi peniaga-peniaga yang layak, baru dan berpotensi. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bagi belia-belie yang layak dan ingin berniaga di pasar malam, pasar pagi atau memulakan *food truck* perniagaan *food truck*, boleh mendapat pinjaman melalui HIJRAH yang telah disediakan oleh kerajaan negeri.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya bernombor 27.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL

(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI Selangor

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk pembangunan sukan dan atlet di Negeri Selangor.
- b) Senaraikan semua program pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 serta kosnya.

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih Sungai Air Tawar di atas soalan yang telah dikemukakan.

- i. Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa mengemaskini program pembangunan sukan agar selari dan memastikan negeri Selangor sentiasa terkehadapan dalam bidang sukan. Untuk rekod, bagi sepanjang 18 edisi Sukan Malaysia, Selangor telah menjuarai sebanyak 9 kali termasuk kejuaraan di negeri Sarawak pada tahun 2016 dan kita sedang berusaha keras untuk mengekalkan status sebagai juara keseluruhan pada edisi yang akan datang di negeri Perak pada berlangsung pada bulan 9 ini. Mari kita doakan kejayaan mereka. Untuk langkah terkini, kita telah menggalakkan perkembangan pembangunan Pusat-Pusat Latihan Daerah di mana sebelum ini kita hanya invest dan mengeluarkan peruntukan untuk pembentukan Pusat-Pusat Latihan Negeri di bawah Persatuan-Persatuan Sukan, namun begitu menjelang tahun 2015 dalam perancangan 5 tahun dan Konsep 2 *eye, integrated* dan *incorporated* kita telah mengujakan semangat kesukana diperingkat daerah dengan memastikan Majlis Sukan Daerah yang dibentuk beraktif dan terlibat dengan sekolah-sekolah terutamanya aktivis-aktivis seperti Persatuan Sukan Daerah bagi membentuk latihan-latihan dan mengenal pasti bakat-bakat dan memulakan latihan. Bermula pada tahun 2015, kita mempunyai sekitar 35 Pusat-Pusat Latihan Daerah pada tahun ini, tahun 2017, akhir tahun 2018 pada waktu ini kita telah mempunyai lebih kurang 95 Pusat-Pusat Latihan Daerah yang dibentuk oleh MSN. Soalan b, kita antara dana-dana yang dikeluarkan persediaan Sukan Malaysia ataupun SUKMA 2018 sebanyak RM4

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

juta. Ini adalah untuk Fasa 2 dan Fasa 3 dan Fasa 4. Untuk Program Pembangunan SUKMA kita telah mula tahun 2016 sebaik menang, bulan 10 kita dah mulakan Fasa 1, 2017 lah bermula untuk Fasa 2 dan Fasa 3. Maafkan saya. Fasa 4 hanya berlangsung pada tahun 2014 ataupun 2018 dan untuk Fasa 2 dan 3 ini kita peruntukan sekitar RM4 juta. Sukan Selangor ataupun SUKSES melatih bakat-bakat baru dengan pertandingan yang kita peruntukan sekitar RM2 juta. Program Latihan Majlis Sukan Daerah sebanyak RM2 juta. Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri ataupun (USPTN) ini adalah program di bawah Majlis Sukan Negara dan juga ISN namun kerajaan negeri juga memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk mengendali dan membantu serta *enhance* dengan izin atau mengukurkan aktiviti program USPTN dan yang kelima Akademi Bola sepak Merah Kuning sebanyak RM2 juta. Manakal RM1 juta kita peruntukan untuk Persatuan-Persatuan Sukan bagi aktiviti pengurusan mereka. Kita ada lebih kurang 44 badan-badan bergabung dengan pihak MSN dan kita peruntukan RM1 juta dibagi pada mereka untuk pengurusan dan juga pentadbiran Persatuan Sukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya silakan Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang Amat Berhormat, soalan tambahan saya ialah, apakah bentuk kerjasama yang telah dijalinkan oleh kerajaan negeri bersama badan atau persatuan induk sukan dalam mengcungkit bakat baru serta sejauh manakah proses pencarian bakat baru sukan ini disokong oleh secara dasar termasuklah dalam bentuk kewangan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan dan bulan 9 ini berlangsung SUKMA di negeri Perak. Apakah Yang Amat Berhormat meletakkan sasaran pingat kepada kontinjen dan saya mendoakan kejayaan kepada Kontinjen Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Amin Ya Rabbal Alamin di atas doa yang terakhir tadi. Yang pertama saya nak sebutkan bahawa Majlis Sukan Daerah adalah satu komponen yang wujud di Akta Sukan kita ada Majlis Sukan Negeri ada Majlis Sukan Daerah. Tetapi kewujudan Majlis Sukan Daerah sebelum tahun 2014 hanyalah terlibat untuk menyediakan pasukan bagi Sukan Selangor sahaja. Namun begitu kita telah menggalakkan dan mengaktifkan Majlis Sukan Daerah dengan meletakkan pegawai-pegawai yang dipantau oleh pihak Majlis Sukan Negeri. Tugas pegawai ini bukan untuk mengadakan semua tetapi mengenal pasti stake holders ataupun pemegang taruh di peringkat-peringkat daerah, di peringkat akar umbi termasuk daripada pihak seperti Persatuan-Persatuan Badan Induk Sukan yang mungkin aktif, Sabak Bernam beberapa persatuan seperti PESAKA, silat dan juga tinju. Ini 2 organisasi yang agak aktif selaian beberapa aktiviti yang lain. Selain itu, setiap daerah juga wajibkan ataupun pihak Majlis Sukan wajibkan untuk melakukan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

pembangunan olahraga dan sebagainya. Malangnya sebelum ini, sebelum tahun 2018 kita berhadapan dengan sedikit kekangan sebab ada sekolah takut-takut dan segan-segan. Namun begitu Alhamdulillah, selepas perubahan politik pada tahun ini semakin ramai sekolah lebih terbuka dan bersedia untuk bersama-sama dengan program-program pembangunan daerah kerana sekolahlah sebagai asas kita kerana di situlah paling mudah mengumpulkan pelajar-pelajar dan bakat-bakat baru terutamanya di peringkat akar umbi. Keduanya, saya dah sebutkan tadi kita bekerjasama dengan USPTN (Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri) dan mereka ada program-program, mereka datang ke sini walaupun ada peruntukan daripada pihak KBS (Kementerian Belia dan Sukan) di bawah MSN tapi Majlis Sukan Negeri turut memperuntukkan RM100,000 dan menyelenggara. Jadi maknanya, bila dikenal pasti bakat diperingkat bawah diangkat di USPTN ataupun Program MSN Negeri dan akhirnya mereka akan mewakili negeri. Untuk SUKMA In sha Allah saya sebutkan tadi sedaya upaya kita untuk mengekalkan status juara pada ketika ini kita sangat yakin secara konvensional, kita mensasarkan sekitar 50 pingat emas, namun 50 pingat emas belum selamat walaupun kita masih ada lagi buffer zone sekitar 7 ke 8 pingat emas untuk mengekalkan status juara dan dengan pencapaian terkini ataupun prestasi terkini termasuk keupayaan kita menghantar atlet di Sukan Sea, 40% daripada atlet yang mewakili negara di Sukan Sea datangnya daripada negeri Selangor dan sekitar untuk sukan Asia paling kurang 25% atlet-atlet itu daripada negeri Selangor dan sebab itu kita yakin dengan program pembangunan yang bersinambung sejak dari dulu lagi ada strategi dengan semua badan-badan terbabit Inn Shaa Allah kita boleh mengekalkan status sebagai juara Sukan di Malaysia

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah menunjukkan 11.30. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan seterusnya. Sambungan usul ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk memberi apa-apa penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dipersilakan.

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM : Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Banting, Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Gombak Setia, dan Yang Berhormat Bandar Utama yang telah membangkitkan beberapa isu semasa perbahasan semalam. Tuan Speaker secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri telah memutuskan agar pihak PBT menggunakan peruntukan MARRIS

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

bagi menyelenggara jalan-jalan di seluruh Negeri Selangor. Selain itu, itu termasuk kawasan jalan-jalan di kawasan perindustrian. Selain daripada itu pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan penetapan peruntukan agar pihak PBT menyediakan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi menyelenggara kemudahan infra di kawasan industri. Peruntukan ini diambil daripada jumlah pungutan cukai tafsiran yang dibayar oleh pekilang-pekilang di dalam kawasan PBT tersebut. Bagi menangani isu-isu penyelenggaraan di kawasan perindustrian di kawasan perindustrian, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar setiap PBT mewujudkan IPMC dengan izin *Industri Park Management Community* sebagai platform bagi pihak industri menyuarakan isu-isu infra yang berbangkit untuk diambil tindakan oleh agensi yang berkaitan. Untuk makluman Yang Berhormat Gombak, Kerajaan Negeri juga akan menggalakkan dan mewujudkan kawasan perindustrian berkonsepkan kawasan-kawasan industri atau dengan izin *Manage Industrial Parks* dan penarafan kawasan industri bagi menyediakan kawasan industri yang kondusif dan lebih berdaya saing. Tuan Speaker, Revolusi Perindustrian Keempat ataupun *Industrial 4.0* melibatkan automasi yang memberikan cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini dan memerlukan mereka melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital bagi mengekalkan daya saing. Ini sebenarnya bukan sahaja melibatkan automasi ada juga banyak bagi faktor yang terlibat. Industri 4.0 ini mencakupi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi adalah salah satu daripadanya, selain automasi *Internet of Thing (IoT)*, *block shade*, AI atau pun *Autificial Intelligence*, *machine leaning* analisa dan big data semulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *cloud* atau *cloud computing* yang bakal merencanakan bagi kemajuan landskap dunia moden dan teknologi terkini. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat yang membangkitkan menggunakan AI untuk menangani demam denggi, sebenar ia tidak berkaitan dengan AI dia lebih berkaitan dengan mungkin dengan bioteknologi. AI ia hanya kalau mengikut tafsirannya AI adalah task atau tugas atau *task perform by computer normally associated human bean*. Jadi dengan nyamuk ia tidak berkaitan. Tapi kalau nak kira data dia berkaitan tapi cara yang lebih pendekatan yang betul mungkin dari segi bioteknologi. Antara langkah-langkah atau program-program yang dirancang dan dilaksanakan bagi membantu pihak industri kecil dan industri sederhana untuk menghadapi Industri 4.0 adalah seperti berikut, satu Invest Selangor dan Invest Bavaria daripada Germany. Bavaria adalah satu di Germany. Invest Selangor dan Invest Bavaria telah menandatangani MoU pada 18 Mei 2017 di German dan seterusnya *Bavaria Industry 4.0 Workshop* telah diadakan pada 21 Ogos 2017, bertempat di Istana Selangor Kuala Lumpur. *Workshop* ini dihadiri oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri 4.0 dari German dan juga syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana dari Selangor. Pada 22 Mei 2017, Invest Selangor telah menandatangani MoU bersama State Government of Victoria Australia di Istana Selangor Kuala Lumpur juga. MoU ini juga dilihat sebagai satu madah bagi kerjasama antara pemain industri

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Selangor dan Melbourne terutamanya dalam 9 pendokong utama revolusi industri 4.0. Hasil daripada MoU ini, pihak Invest Selangor telah dapat membantu sebuah syarikat di Selangor iaitu CSL Blockchain Technology yang menghasilkan *bitcoin* dan juga aktiviti *cryptocurrency mining* untuk dikomersil dan disenaraikan oleh syarikat mereka di *Australia Stock Exchange* pada tahun ini. Jadi kita sudah melangkah ke arah yang baru, dah masuk *blockchange*, *cryptocurrency*, *AI machine leaning* dan sebagainya. Yang ketiganya *Networking Dinner In Conjunction With The UK Mega Technology Mission To Selangor*. Ada rombongan daripada UK tela diadakan pada 10 Oktober 2017 bertempat juga di Istana Selangor Kuala Lumpur. Program ini juga menemukan para industri dar UK dan Selangor terutamanya dalam sektor *IoT*, *analisis dan big data*, *fintech*, *telecommunication*, *cyber security*, *cloud dan data analytics*. Invest Selangor telah menyediakan platform B2B ataupun *business to business* supaya syarikat-syarikat IKS dari negeri ini dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan syarikat berteraskan berteknologi tinggi untuk pemindahan teknologi yang berteraskan perindustrian yang ada di Negeri Selangor. Bagi memastikan institusi pendidikan juga bersedia mengharungi revolusi ini, pihak Invest Selangor Berhad telah menghubungkan kerjasama di antara UNISEL dan juga Universiti Malaya. Dalam pada masa yang sama, pihak Invest Selangor juga telah mengadakan sesi dialog di antara syarikat-syarikat IKS yang mempunyai potensi di dalam Industri 4.0 seperti *Dream Edge* dan juga *Robotpreneur* dengan universiti-universiti yang disebutkan seperti di atas. Tuan Speaker pada 4 September 2018 iaitu hari semalam, pihak PKNS Akademi telah pun menjalinkan kerjasama dengan Invest Selangor Berhad bagi mengadakan program *Seminar Embracing Industry 4.0*. Invest Selangor juga merupakan ahli kepada *Industry 4.0 Consortium* yang telah diwujudkan oleh SHRDC dengan izin Selangor Human Resources Human Center di mana konsortium ini menyediakan peluang/ platform untuk industri dan syarikat-syarikat MNC, syarikat-syarikat IKS, pihak kerajaan dan juga akademik untuk mengadakan sesi dialog berkenaan hala tuju, strategi dan juga cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh semua pihak berkenaan Industri 4.0 pada masa hadapan. Tuan Speaker, dalam menyediakan kemudahan infra, pihak Kerajaan juga melalui Invest Selangor bekerjasama dengan pihak TM untuk menaik taraf kemudahan Internet jalur lebar di kawasan-kawasan perindustrian yang ada di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat Meru, berdasarkan rekod pihak TM masih terdapat 60 kawasan perindustrian yang masih belum ada infra berkelajuan tinggi di seluruh Selangor. Namun begitu, pihak TM telah mempunyai perancangan dari tahun 2018 hingga 2022 untuk menaik taraf kemudahan Internet berkelajuan tinggi secara berperingkat. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga amat prihatin dengan isu pengilangan plastik terpakai di daerah Kuala Langat. Dalam setiap cadangan projek pelaburan ia akan ditapis agar aktiviti yang akan dilaksanakan tidak melanggar peraturan yang ditetapkan dan menepati polisi alam sekitar yang disyaratkan. Setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan mestilah mendapatkan ulasan dan kebenaran

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

daripada agensi yang berkaitan seperti dari Jabatan Alam Sekitar. Di peringkat Persekutuan, pihak MIDA, yang meluluskan mana-mana projek perkilangan yang melibatkan aktiviti kitar semula telah disyaratkan untuk mengguna pakai atau mendapatkan bahan mentah daripada atau dalam negara sahaja. Pihak syarikat tidak dibenarkan untuk mengimport bahan mentah ataupun barangan terpakai daripada luar negara. Itu adalah dasar yang sedia ada.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, mohon mencelah

TUAN SPEAKER : Ya

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Itu adalah dasar yang dimaklumkan bahawa hanya menggunakan barang terpakai di dalam negara. Bagaimana pula kita makluman bahawa pada hari ini seolah-olah satu lambakan satu cukup besar melalui AP dibenarkan oleh Kerajaan Pusat untuk membawa barangan terpakai ini untuk menjadi bahan dalam industri yang berlaku di negeri Selangor pada hari ini.

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM : Terima kasih kepada Yang Berhormat Sijiangkang. AP yang dibenarkan untuk membawa masuk barangan dari luar negara itu adalah oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Dia adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Apa yang hanya boleh dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak PBT adalah apabila mereka tidak mempunyai AP maka lesen tidak akan dikeluarkan. Sekiranya mereka melanggar syarat makan lesen itu boleh dibatalkan dan kilang perlu tutup. Tapi dari segi AP saya tidak dapat memberi jawapan kerana di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tuan Speaker pihak Yang Berhormat Meru membangkitkan berkenaan dengan kebanjiran pekerja asing yang bekerja di kilang- kilang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Dasar Buruh Negara adalah di bawah tanggung jawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar khusus berkenaan tenaga kerja warga asing di Selangor kerana di luar bidang kuasa kita. Dasar berkenaan warga negara asing atau warga kerja asing hanya akan diadakan oleh pihak Kerajaan persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan diguna pakai di semua negeri di Malaysia. Proses kelulusan dan pengawalan kemasukan warga asing hanya dilaksanakan oleh agensi-agensi Persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Walau secara dasarnya Kerajaan mengawal kemasukan warga kerja asing Selangor, namun begitu khidmat tenaga kerja asing ini amat diperlukan oleh sektor perindustrian bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing adalah dengan memberi tumpuan kepada industri berasaskan automasi dan teknologi tinggi selari dengan dasar Smart Selangor Antara industri-industri tumpuan pihak Kerajaan Negeri adalah dalam lima iaitu *Life Sciences* atau Sains Hayat ini termasuk *Pharmaceuticals, Biotechnologu, Medical Devices, Specialty Chemical* dan sebagainya. Yang kedua *Electrical and Electronics, Solar* dan sebagainya. Ketiga *Machinery and*

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Equipment ataupun mesin dan peralatan. Keempat *Food and Beverages* iaitu makanan dan minuman dan kelima iaitu *Transport Equipment* alatan pengangkutan seperti dalam *Aero Space* dan juga dalam *Automotive*. Selain itu Kerajaan Negeri juga menggalakkan pengusaha industri di Selangor untuk mengadaptasi industri 4.0 dalam proses pengeluaran mereka dengan penggunaan teknologi dalam sistem pengeluaran, keperluan, sumber tenaga kerja kurang mahir dapat dikurangkan dan seterusnya pihak syarikat lebih berdaya tinggi. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah pun memfokuskan kepada 5 sektor atau 5 *cluster* industri utama seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Bagi menyediakan sumber tenaga tempatan mahir untuk mengisi keperluan pihak industri, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah seperti berikut. Pertama, menyedari akan keperluan penyediaan tenaga-tenaga kerja mahir untuk industri *aerospace* angkasa di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah mengenal pasti lebih kurang 20 institusi pendidikan dan kemahiran yang menyediakan kursus-kursus berkaitan *aerospace*, aero angkasa di Negeri Selangor dan telah mengadakan pertemuan dengan institusi-institusi tersebut. Antaranya seperti Politeknik, Universiti UNIKL, MARA dan institusi latihan milikan swasta. Selain itu, pertemuan dan perbincangan juga telah diadakan bersama beberapa agensi di luar negara seperti di Singapura, bagi mendapatkan input dan cadangan-cadangan bagi penyediaan sumber tenaga kerja mahir dalam industri aero angkasa di mana hasil daripada perbincangan tersebut banyak membantu pihak kerajaan bagi merangka program-program pembangunan kemahiran kepada anak tempatan untuk memenuhi keperluan industri tersebut. Pihak Selangor *Human Resources Development Centre* atau HRDC juga telah memulakan langkah untuk menyediakan kursus kemahiran dalam penyelenggaraan enjin pesawat di mana program ini diadakan dengan kerjasama pihak *General Electric Engine* atau GE. Program ini telah dilaksanakan dan seramai 20 orang telah mengikuti kursus kemahiran yang telah pun diadakan. Pihak Swall Aerospace juga turut melaksanakan kursus kemahiran dalam industri aero angkasa di mana seramai 36 orang telah mengikuti kursus yang telah ditawarkan dan akan tamat pada September 2018 iaitu bulan ini. Pengambilan kedua pula akan dimulakan pada Oktober 2018 yang akan menawarkan kursus untuk seramai 35 orang. Dalam penyediaan pelan tindakan aero angkasa Selangor keperluan dalam pembangunan tenaga mahir bagi industri aero angkasa telah diberi penekanan dan fokus utama. Antara bidang kemahiran yang dikenal pasti seperti penyelenggaraan enjin pesawat atau MRO atau *Maintenance Repair and Overhall*. Penerbangan iaitu, *ablution* dan pertahanan iaitu *defense arena*. Kebanyakan syarikat penerbangan yang ada di Malaysia seperti MAS, Air Asia, Malindo dan lain-lain mempunyai institusi kemahiran mereka sendiri bagi menyediakan dan meningkatkan kemahiran kakitangan mereka. Antara program yang akan dilaksanakan adalah program perintis ataupun *apprenticeship* dengan beberapa syarikat seperti Sepang Airbus (ACRA), Nadi Group of Companies, EDU, SME Aerospace dan beberapa syarikat lain lagi. Program perintis ini akan menyediakan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kemahiran dalam bidang mengecat, penyelenggaraan enjin, simple MRO dan beberapa bidang lain yang akan dikenal pasti kelak. Itu saja Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Sila kan Yang Berhormat Batu 3.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI : Tuan Speaker, Bandar Baru Klang, belum menjawab soalan saya tentang Bas Smart Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, Bas Selangor di bawah pengangkutan dah lama bukan di bawah portfolio saya. Akan dijawab oleh Yang Berhormat Kinrara.

TIMBALAN SPEAKER : Batu 3. Silakan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat dan Kuang yang telah membangkitkan isu-isu usahawan dan pembangunan luar bandar. Izinkan saya Tuan Speaker untuk mengambil ataupun menyentuh isu yang dibangkit oleh Tanjung Sepat, tak ada pulak dalam Dewan ni kan tapi tak apa lah saya jawab, iaitu sebenarnya isu yang dibangkitkan tentang apakah potensi usahawan kerepek yang boleh dibangunkan yang sekarang ini kita lihat sebenarnya Tanjung Sepat kita lihat di antara industri yang agak ke depan adalah isu industri yang berkaitan dengan kerepek. Jadi sebenarnya untuk memastikan bahawa industri kerepek ini berjalan dengan lancar Kerajaan Negeri sebenarnya sedang pun ataupun telah pun menyedari bahawa produk dari usahawan makro ini sebenarnya boleh dicungkil lagi ataupun dibangunkan lagi sebab itu Kerajaan Selangor telah pun memperuntukkan sebanyak 1.8 juta ya khususnya bagi mempromosikan produk-produk yang telah pun dikenal pasti sebagai boleh dibangunkan atau ditingkatkan. Di antara program untuk mempromosikan produk-produk yang sedia ada, satu tentang program kita mahu jenama-jenama ini ataupun program-program ini ataupun industri ini, produk mereka itu dijenamakan sebagai *Made In Selangor* supaya bila ada tanda nama ataupun jenama itu *Made In Selangor* kita dapat memasuki pasaran-pasaran *hypermarket* sedia ada iaitu sebagaimana yang dilakukan kita telah pun selama enam bulan promosi kita letakkan di Giant-Giant, Giant Hypermarket dan pada 2018 ini Kerajaan telah pun merancang untuk bukan sahaja di sekitar Selangor tetapi ianya akan di boleh dipasarkan di luar Selangor.

Yang keduanya, tentang kita juga selain daripada menggalakkan potensi usahawan-usahawan ini untuk mengenal pasti pasaran di dalam negeri tetapi kita juga membawa mereka ke pasaran-pasaran yang peringkat antarabangsa seperti mana kita beri peluang pada mereka untuk memasuki Expo-expo Antarabangsa seperti PHIEC iaitu Halal International Showcase dan juga China Action Expo di Nanning nanti. Sila kan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Banting.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat EXCO dan juga Yang Berhormat Timbalan Speaker. Berkenaan dengan promosi makanan-makanan tertentu di dalam pasaran dalam negeri dan dalam negara satu pemerhatian yang saya dapati ialah khususnya untuk ubi keledek ya, ianya merupakan satu jenis makanan yang cukup digemari ramai termasuk saya sendiri dan ianya cukup terkenal di daerah Kuala Langat khususnya tapi ianya hanya terkenal di dalam komuniti tertentu sahaja yang disebut dalam perbahasan di kalangan komuniti masyarakat Melayu Muslim semasa musim perayaan hari raya. Semua orang satu negeri kenal bahawa ubi keledek di kawasan Kuala Langat ini terkenal. Tapi kalau semasa sambutan contohnya Deepavali ataupun Tahun Baru China, orang China bila merayakan Tahun Baru China pun mereka ada menjamu kuih-kuih tertentu tapi mereka tidak akan walaupun di dalam Banting, di dalam Kuala Langat, tidak pernah terlintas di dalam fikiran mereka untuk membeli ataupun ianya tidak dipromosikan kepada masyarakat-masyarakat lain selain daripada masyarakat Melayu Muslim. Jadi saya ingin bertanya mungkinkah ataupun kita boleh keluar *outside the box* dan memastikan semua makanan-makanan khususnya kalau ada makanan-makanan halal ia boleh dipromosikan di seluruh masyarakat ataupun komuniti-komuniti di seluruh Negeri Selangor dan Malaysia. Dan menjadikan ia digemari orang ramai bukan setakat masyarakat-masyarakat tertentu sahaja.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Banting. Itu yang ingin saya selesaikan ucapan saya sebenarnya. Itu sebenarnya kita lihat potensi yang ada kepada usahawan-usahawan makro ni baik kerepek dan jenama ataupun produk-produk lain amat besar sebenarnya tetapi kemungkinan mereka ini tidak dapat ataupun tidak diberikan peluang ataupun mereka sendiri tidak nampak peluang yang disediakan oleh Kerajaan sebab itu kita tidak menghadkan lagi penglibatan mereka hanya sekadar jualan kecil-kecilan di kawasan setempat tapi kita akan selain daripada kita akan memastikan peluang-peluang ini diberikan sama ada di sudut modal, di sudut peralatan, kita juga akan membantu mereka untuk membawa mereka kepada expo-expo kecil-kecilan dan in shaa Allah untuk perancangan akan datang Kerajaan Selangor juga mencadangkan supaya tidak lagi membuat expo-expo yang besar seperti mana expo makanan secara besar-besaran tetapi kita akan spesifik kan expo-expo kerepek contohnya, expo bahulu, expo-expo untuk jenama-jenama tertentu supaya di kalangan mereka sendiri kita akan dapat menghasilkan produk-produk yang terbaik di kalangan yang ada ya, maksudnya kita bukan sekadar sahaja dalam konteks untuk mereka jadi jaguh hanya di kampung tetapi kita telah pun mengenal pasti supaya mereka ini diangkat ke peringkat negeri, negara dan juga antarabangsa.

Di antara perkara yang dibuat juga adalah untuk kita akan membangunkan aplikasi usahawan ya yang mana aplikasi usahawan ini kita telah bincangkan supaya pihak Smart Selangor ataupun SSU memulakan langkah supaya pengusaha-pengusaha ini boleh menyatakan ataupun memaklumkan jenis-jenis kerepek yang mereka ada, tetapi kita nak juga supaya standard itu ada di kalangan penjual-penjual usahawan sebab itu kita mensasarkan akan membantu dalam konteks *packaging* dan juga menjadikan bersama dengan sebenarnya Klang Bandar Baru supaya ianya dapat kita sekalikan supaya mereka yang tidak ada keupayaan untuk membuat *packaging* secara modal

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

yang besar kita akan menyediakan satu kilang khas untuk mereka akan bersama-sama diambil produknya dan akan dibantu dari sudut *packaging* secara holistik, in shaa Allah.

Dan satu lagi perkara yang ingin kita *explore* dengan izin ataupun ingin kita Kerajaan Selangor membudayakan adalah E-Marketing ataupun E-Commerce di kalangan usahawan jadi sedih juga lah dengar kan nak pergi beli kerepek ke Tanjung Sepat jalan berlubang-lubang dan sebagainya tetapi in shaa Allah kali ini mungkin lebih memudahkan penjualan dan juga pembelian dan itu boleh dibuat secara E-Marketing sahaja yang akan dibantu oleh MDEC ataupun dengan izin Malaysian Digital Economic Cooperation untuk memastikan usaha ini akan berjalan dengan lancar. Itu perkara yang telah dibangkitkan oleh Tanjung Sepat.

Saya juga tertarik dengan usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuang. Yang mana satu langkah yang dinamakan inisiatif Kuang sejahtera. Satu perkara yang usaha yang sebenarnya langkah untuk memastikan pengurusan kampung terus dalam keadaan yang terbaik yang mana Yang Berhormat Kuang menyatakan yang beliau telah mulakan satu sesi dialog dan sebagainya. Saya ingin nyatakan di sini bahawa perkara yang sama juga bila saya diberikan mandat untuk mengendalikan pembangunan desa dan kampung tradisi ini, saya telah memikirkan bagaimanakah sebenarnya untuk menguruskan kampung-kampung ini dalam keadaan yang bukan lagi sebagaimana biasa yang lama tetapi dalam keadaan yang lebih moden.

Jadi izinkan saya Timbalan Speaker untuk memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar dan alhamdulillah perkara ini juga telah di bincang di dalam dengan ataupun bersama Kementerian Luar Bandar di peringkat Persekutuan kita telah pun mengusahakan satu jalinan kerjasama supaya memudahkan semua pengurusan kampung ini dengan kita mewujudkan jawatankuasa ataupun mewujudkan satu portal memudahkan keperluan data perancangan luar bandar. Di peringkat negeri ianya dibuat di bawah Smart Desa Selangorku di bawah Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa dan alhamdulillah di peringkat Persekutuan rupanya telah pun membangunkan perkara yang sama iaitu portal apa ni Profil Kampung Peringkat Nasional. Yang ini sebenarnya satu pengurusan kampung yang kita nampak telah pun selari dengan Smart Selangor iaitu kita mahukan pembangunan ini ataupun objektif profil ini dapat kita bangunkan di antara objektif yang kita ingin capai dalam Profil Kampung Peringkat Nasional ini adalah untuk mewujudkan satu pangkalan data Profil Kampung yang komprehensif dan menjadi rujukan utama peringkat negeri dan nasional. Jadi kita juga mahu mengukur tahap indeks kesejahteraan hidup seseorang di dalam kampung. Kita tidak lagi membicarakan isu kampung ini sekadar jalan-jalan, lampu-lampu, infrastruktur, dewan dan sebagainya. Profil ini juga akan mengukur indeks kesejahteraan sesuatu kehidupan kampung itu sama ada ianya terkebelakang ataupun mungkin ia dalam konteks sekarang ini dalam konteks *agent society* dengan izin ataupun masyarakat yang tua ataupun mungkin ianya perlu diperbaiki. Ini semua bergantung kepada data yang kita masukkan di dalam profil kampung ini. Sila kan Templer.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN MOHD. SANY HAMZAN : Terima kasih EXCO. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyatakan bahawa kita tidak mahu lagi membicarakan soal berkaitan dengan jalan raya, longkang, balai raya dan sebagainya. Cuma saya ingin mencadangkan, ataupun ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat EXCO, ada tak perancangan untuk kita meletakkan sasaran untuk satu kampung ni dia mesti ada satu produk yang boleh kita ketengahkan. Tak kisah lah, maksudnya kalau ada di kampung itu ada orang jual karipap, yang buat karipap ke dan karipap dia sedap, maksudnya boleh kita ketengahkan satu. Yang keduanya mungkin kampung tu dia ada produk pelancongan, ada air terjun, ada sungai yang maksudnya kita boleh promosikan dan juga kita boleh ketengahkan. Ataupun di kampung itu pun mungkin ada seorang tokoh mungkin dia ni pemain biola ke macam cerita bukan Kasim Selamat, biola ni cerita P.Ramlee yang mana satu yang main biola tu kan, yang itu contohnya kan yang kita boleh ketengahkan. Maksudnya di Negeri Selangor ni setiap kampung kita ni kita ada produk kita maksudnya satu kampung ni ya, hah! Ibu mertuaku hah yang itu, cerita P.Ramlee ni pun nak kena tengok juga sebab dia banyak nilai, nilai sejarah dia kan. Apa yang berlaku hari ini P.Ramlee dah beritahu kita masa dulu lagi dia dah beritahu. Jadi kita nak menyatakan bahawa di kampung-kampung kita ni ada keistimewaan-keistimewaan yang kita boleh ketengahkan dan mungkin Kerajaan Negeri satu masa nanti ataupun tahun hadapan ataupun setahun ataupun dua tahun lagi boleh menjadikan produk-produk ini sebagai daya tarikan kepada pelancong untuk datang ke Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih, in shaa Allah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Tambahan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Biar saya jawab, izinkan saya jawab dahulu. Sebenarnya memang ada perancangan ya sebab tu saya kata, kita bukan sahaja sekarang fokus hanya sekadar pembangunan fizikal jadi dengan adanya sistem apa tu Profil Kampung atau peringkat Nasional ini ataupun desa ini jadi kita akan dapat melihat apa ni Pejabat-pejabat Daerah ataupun Ketua-ketua Kampung sendiri akan memasukkan di dalam sistem ini apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada dalam kampung mereka. Daripada situ kita boleh cungkil ataupun lihat dimanakah sebenarnya produk-produk yang kita boleh memberikan nafas baru dan impak supaya ianya bukan sekadar dikenali sekadar di kampung tersebut ia akan dinaiktarafkan supaya ia menjadi dikenal bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Maksud contohnya lah kalau orang cakap apa ada di Sabak Bernam kata lah kan, baru-baru ni saya pergi Sabak Bernam rupanya Sabak Bernam ada satu kawasan itu atau satu tempat itu pernah menjadi tempat pembuatan sudu yang kita tak tahu benda tu sebenarnya satu kemahiran yang sebenarnya wujud. Jadi sekarang ini telah hampir lupus ataupun telah pupus. Tapi kalau kemahiran ini sepatutnya kalau wujud kita patut tengok dan bangunkan. In shaa Allah. Berikan saya sedikit masa untuk kita akan lahirkan bukan sahaja sekadar produk tetapi tokoh ya kita nak lahirkan juga mungkin kawasan-kawasan pelancongan baru untuk menambah ataupun sebagaimana yang Bandar Baru Klang sebut supaya industri-industri pembangunan ini dapat kita tingkatkan bersama di bawah Pembangunan Desa.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Saya belum habis lagi tentang Sistem Profil Kampung tadi. Di antara objektif seterusnya adalah memberi panduan dan perancangan dasar dan strategi pembangunan negara dan juga negeri pada masa depan. Saya nak beritahu perkara ini lebih awal supaya semua pihak Yang Berhormat nanti akan ambil prihatin tentang wujudnya Profil ini dan mesti lah bekerjasama dengan Ketua-ketua Kampung yang bakal dilantik nanti untuk mengisi Profil ini dan kita punya *date line* untuk ianya diselesaikan adalah pada bulan November 2018. Jadi bila kita dapat selesaikan profil ini seawal November ini maksudnya tahun hadapan adalah tahun-tahun untuk kita merancang dan untuk melahirkan apa ni, *outcome* ataupun hasil apa yang kita bincangkan.

Jadi itu lah yang ingin saya nyatakan dan in shaa Allah di bawah Profil ini bukan sekadar pembangunan luar bandar bukan sahaja yang akan terlibat. Agensi yang terlibat adalah selain daripada Kerajaan Negeri iaitu SUK dan Pejabat Daerah, Bahagian Pembangunan Kampung dan Desa, bahagian hatta kalau ada kawasan-kawasan itu terlibat dengan Felda dan Fecra juga mereka akan terlibat di dalam membangunkan perkara ini.

Dan yang terakhirnya, Kuang bertanya tentang

Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Y.B nanti jawab lain ya. Tadi ada Yang Berhormat EXCO menyatakan bahawa bukan hanya produk tapi tokoh dan sebagainya jadi kalau kampung tu kita boleh tonjolkan demokrasi. Amalan demokrasi ke akar umbi. Pemilihan Ketua Kampung dilakukan secara demokrasi. Daftar, standby untuk pendaftaran dan syarat-syarat tertentu dan pengundian dilakukan untuk menetapkan satu cara lantikan Penghulu atau Ketua Kampung.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Sebenarnya itu juga di dalam perbincangan untuk diangkat ke Kementerian. Sebenarnya kita mencadangkan juga supaya untuk amalan demokrasi itu tidak tersekat kepada hanya di peringkat PBT ataupun Penguasa Tempatan tetapi kita merasakan dah sampai masanya Kerajaan Selangor mempelopori untuk ada juga demokrasi dari sudut pemilihan Ketua Kampung melalui pemilihan-pemilihan di kampung tetapi saya mengharapkan ianya satu persediaan yang betul-betul ya ianya mengambil persediaan yang betul-betul jitu kerana perkara ini boleh dilaksanakan kerana ianya tidak hanya boleh sekadar di kampung tradisi kita berhasrat untuk melaksanakan di semua peringkat Ketua-ketua Kampung Baru, Bagan dan sebagainya dan yang terakhir Kuang bertanya tentang cadangan pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli di Kuang ya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat ya dipanggil Maxclub iaitu Mesyuarat EXCO dan juga

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

apa ni menteri pada 30 Julai 2018 yang lepas. Menteri telah pun menjenamakan JKKK daripada JKKK kepada MPKK iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung tetapi perkara ini belum dapat apa ni, belum dipanjangkan lagi kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli maksudnya pelantikan ini hanya kepada sekadar Kampung Tradisi tidak lagi, belum lagi diputuskan untuk peringkat JAKOA, apa pun saya ingin maklumkan bahawa pelantikan MPKK ini adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri iaitu bawah SUK dan Kuasa Negeri tetapi JAKOA ini pelantikan Ketua Kampung nya adalah di bawah JAKOA itu sendiri. Dia tidak ada terus di bawah negeri tetapi dia ada satu jabatan khas yang menguruskan mereka. Jadi itu sahaja daripada saya Timbalan Speaker, terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Speaker penjelasan. Penjelasan Tuan Speaker. Penjelasan.

TIMBALAN SPEAKER : Saya ingat Yang Berhormat Batu 3 dah selesai. Cuma saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Peruntukan 37 Peraturan Tetap, ada dua cara untuk kita nak ganggu istilahnya ganggu. Gangguan dalam Peraturan Tetap iaitu Yang Pertamanya menimbulkan isu dalam Peraturan Tetap ataupun meminta laluan daripada orang yang sedang berucap. Jadi kalau Yang Berhormat Batu 3 sedang berucap dan diberi laluan kepada Templer, Kota Damansara tidak boleh nak celah pada Taman Templer dia kena tunggu selesai dulu kemudian baru minta izin daripada yang sedang berucap. Dia begitu, jadi oleh kerana Batu 3 telah pun selesai saya jemput pada Yang Berhormat Kota Kemuning, silakan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU VERAMAN : Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kampung Tunku yang bertanyakan mengenai *Poverty Line Income* ataupun lebih dikenali sebagai Paras Garis kemiskinan yang perlu disemak semula dan saranan supaya isu kemiskinan bandar ditangani bagi membantu penduduk di bandar dan rata-ratanya mempunyai pendapatan seisi rumah melebihi RM1,500.00. Ketika ini pendapatan garis kemiskinan Negeri Selangor adalah RM1,500.00 seisi rumah. Ini adalah berdasarkan kepada Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 2016 bertarikh 7 Disember 2016 bersetuju bahawa Paras Garis kemiskinan Negeri Selangor dikekalkan pada paras RM1,500.00 seisi rumah. Paras Garis kemiskinan ini juga dilihat lebih realistik dan bersesuaian dengan senario ekonomi semasa. Walau bagaimanapun sebagai makluman Yang Berhormat satu kajian kadar kemiskinan mengikut daerah dan kaum serta pendapatan Garis kemiskinan bagi Negeri Selangor telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Universiti Selangor (UNISEL) dan juga Universiti Tengku Abdul Rahman (UTAR) pada tahun 2016. Berdasarkan kepada Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 8 Jun 2016, mesyuarat mengambil maklum akan cadangan Paras Garis kemiskinan yang disyorkan oleh pihak UNISEL dan juga UTAR pada kadar RM1,980.00 seisi rumah. Namun begitu kesesuaiannya perlu dilihat semula secara micro dari pelbagai aspek termasuk kewangan, ekonomi, sosial dan politik. Berhubungan dengan isu kemiskinan bandar pula, Kerajaan Negeri sedar suasana kehidupan rakyat pada masa ini begitu menekan dan masyarakat bandar tidak terkecuali. Oleh itu dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitar kemiskinan dan memberi manfaat berterusan kepada rakyat Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memperkenalkan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

pelbagai inisiatif. Antara inisiatif tersebut adalah Program Inisiatif Peduli Rakyat. Jadi daripada 42 program ianya yang bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak memfokuskan golongan miskin bandar sahaja dengan memberi tumpuan kepada semua dimensi termasuk pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Kerajaan Negeri menyambut baik segala syor dan cadangan Yang Berhormat dalam membantu meringankan bebanan golongan miskin dalam bandar bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu serta memberikan kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Kota Damansara juga ada memberi cadangan bahawa melihat semula penempatan ketua komuniti kaum India berpandukan geografikal dan bukannya mengikut estet. Kerajaan Negeri menyambut baik akan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berhubung penempatan ketua komuniti kaum India. Oleh yang demikian Kerajaan ahh yang dirasakan secara geografikal dan bukannya mengikut estet, saya percaya beliau merujuk kepada geografikal bermaksud kepadatan penduduk kaum India pada sesuatu tempat. Kerajaan Negeri akan mengkaji dan memperhalusi cadangan tersebut supaya penempatan ketua komuniti kaum India akan dilaksanakan secara mengikut kepadatan penduduk kaum India pada sesuatu tempat. Memang pada kini pun memang kami buat dengan cara begitu. Ya, memang penempatan sebab kita tidak ada tempat-tempat yang telah diwartakan ataupun digazetkan untuk kaum India. Tiada kampung macam kampung tradisi atau kampung bagan di mana ada diwartakan begitu. Untuk komuniti kaum India, zon mereka tidak diwartakan. Kami sebenarnya dalam perbincangan apabila mengadakan melantik ketua komuniti kaum India adalah mengikut kepadatan penduduk dan juga pada masa ini kami hanya mempunyai kelulusan 48 keseluruhannya di Negeri Selangor maka ada di situ limitasi dia dalam menempatkan ketua komuniti kaum India. Itu sahaja Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Gombak Setia, Sungai Pelek, Teratai, Jeram, Taman Templer, Kota Anggerik dan juga Kota Damansara yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan perumahan.

Gombak Setia telah menyarankan supaya pemilikan rumah mampu milik ini boleh dimiliki lebih ramai melalui kerjasama atau antara Pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini memang antara usaha kita pada masa ini untuk bekerjasama dengan pihak Persekutuan bagi membina lebih banyak rumah-rumah awam ya dan in shaa Allah pertemuan bersama dengan Yang Berhormat Menteri akan berlangsung pada hari Jumaat ini dan isu ini akan dibincangkan bersama beliau. Gombak Setia juga membangkitkan permasalahan *and financing* ya dengan izin bagi memberi peluang kepada lebih ramai golongan B40 untuk memiliki rumah. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan dasar rumah mampu milik yang kita panggil sebagai Rumah Selangorku bermula tahun 2014 bagi membantu

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

golongan B40 ini lah ya untuk memiliki rumah dan juga M40 ya memiliki kediaman yang bernilai sederhana. Jadi kawalan harga yang ditetapkan adalah antara RM42,000.00 seunit sehingga RM250,000.00 seunit.

Kerajaan Negeri telah membuktikan kejayaan dengan menyediakan pembinaan Rumah Selangorku melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 24,834 unit sedang dalam pembinaan di tapak dan ini berbanding dengan sasaran yang kita letakkan sebanyak 15,000 unit. Walaupun Kerajaan Negeri telah memenuhi tanggungjawab tersebut bagi memastikan pemaju menyediakan RSKU ataupun Rumah Selangorku. Kerajaan Negeri sentiasa berdepan dengan aduan dan juga kesukaran pembeli-pembeli RSKU untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan. Oleh itu, Kerajaan ini pada masa ini dalam usaha mengadakan kerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan dan pihak Bank Negara Malaysia bagi meneliti dan mengkaji semula Dasar Pinjaman Perumahan dan Peraturan Kredit yang ketat hari ini. Ini kerana isu pinjaman perumahan bukan sahaja terkesan di Negeri Selangor malahan ianya juga merupakan isu nasional yang dihadapi oleh semua boleh dikatakan kebanyakan negeri lah dalam membantu pemilikan rumah bagi golongan B40 dan M40. Kerajaan Negeri juga berharap usaha dan kerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan ini mencapai objektif dan maklum balas positif agar pihak Bank Negara Malaysia juga akan memberi kelonggaran kepada kelonggaran syarat kepada pembeli yang memenuhi kriteria pinjaman perumahan terutamanya pembeli pertama rumah mampu milik. Jadi kita sedang dalam usaha ke arah itu. Saya juga menerima cadangan ataupun pertanyaan daripada Teratai mengenai isu kesukaran untuk mendapat Strata milik Strata. Jadi bagi isu Strata yang dibangkitkan didapati maklumat yang diberikan tidak betul lengkap. Saya mohon supaya Teratai mengemukakan mana-mana taman perumahan bertingkat yang masih menghadapi masalah memiliki Strata *tittle* dengan izin. Isu kedua yang dibangkitkan oleh Teratai adalah berkaitan dengan menduduki tanah lapang oleh Dilah Motor Sdn. Bhd. Jadi plot tanah yang dimohon atas sebahagian lot 44145 Seksyen 15 Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat dengan keluasan 2,871 meter persegi ini berada dalam kawasan pentadbiran MPAJ. Tapak ini sebenarnya diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebagai tanah Lapang dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui warta Kerajaan Negeri No.4300 bertarikh 8 Disember 2010. Jadi pada tahun 2004 memang pemohon telah diberi lesen menduduki sementara kawasan tersebut oleh Pentadbir tanah Daerah Hulu Langat bagi tujuan bengkel. Memang telah dibuat permohonan untuk membuka bengkel di tapak tersebut dengan syarat yang telah ditetapkan dengan bayaran tahunan RM466 ringgit. Jadi lesen tersebut lesen menduduki sementara itu telah diperbaharui sehingga tahun 2007 dan MPAJ juga telah memberikan lesen perniagaan bermula dari 2006 hingga 2014. Walau bagaimanapun MPAJ telah mengeluarkan notis pengosongan bertarikh 27 Disember 2016 kepada pemohon. Jadi situasi yang sedang dihadapi ini adalah diberikan pertimbangan memandangkan pemohon telah pun menduduki kawasan tersebut pada tempoh yang agak lama. Jadi permohonan telah dipersetujui oleh pegawai pengawal pada Disember 2017 dan diluluskan oleh pihak Berkuasa Negeri pada Februari 2008 memandangkan pemohon telah lama mengusahakan tanah tersebut semenjak 2008. Tanah rizab tersebut masih belum digunakan bagi tujuan ia di rizabkan iaitu tanah lapang. Jadi

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

ulasan daripada MPAJ tidak di perlukan kerana pemilik tanah itu adalah Kerajaan Negeri jadi perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal Tanah Rizab. Jadi itu adalah situasi yang dihadapi namun pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan permohonan pajakan tanah rizab tersebut sekiranya tanah tersebut masih belum digunakan. Kalau sekiranya ia diperlukan untuk sesuatu tujuan maka pajakan itu akan ditarik balik. Boleh dibatalkan. Jadi itu situasi kedudukan Dilah Motor Sdn. Bhd. Seterusnya Sungai Pelek menyarankan, ini berdasarkan rungutan pemaju-pemaju yang mengatakan mereka tidak dapat menjual hartanah mereka kepada warga asing kerana harganya tinggi. Sungai Pelek, jadi isu ini sebenarnya telah dibincangkan dan pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah membuat kajian dan perbandingan mengenai polisi pemilikan warga negara asing dengan negara-negara jiran iaitu Singapura, Indonesia, Thailand dan juga Australia. Kajian ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah dan Sumber Alam Bilangan 1/2018 pada 6 Februari pada tahun ini. Hasil daripada pembentangan tersebut, mesyuarat telah bersetuju supaya Pekeliling PTGS Bilangan 1 Tahun 2014.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Minta laluan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya belum habis lagi menjawab. Nanti lepas ini boleh tanya. Berkenaan Garis Panduan ini perolehan hartanah oleh warga asing di Negeri Selangor masih relevan. Perlu dikekalkan kerana ia adalah untuk memastikan pemilikan hartanah oleh warga asing dikawal selia secara holistik bagi memastikan penjaga kedaulatan Negara. Silakan Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Saya ingin menarik perhatian pada EXCO perumahan iaitu semua negeri termasuk Kuala Lumpur, mereka tetapkan harga yang minimum sebagai 1 Juta. Ini adalah praktikal, ini termasuk juga Johor jadi kalau kita buat hadkan pada 2 juta ini tidak praktikal, tidak realistik walaupun saya faham tujuannya untuklah memastikan kawalan dan sebagainya tetapi memandangkan ekonomi yang tidak menentu sekarang ada banyak kebaikan sekiranya longgarkan supaya industri perumahan boleh dan di Selangor saya cadangkan untuk Kondo bukan untuk *landed property* dan ini penting. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Buat pengetahuan Sungai Pelek syarat-syarat permohonan kategori tanah yang dibenarkan adalah satu bagi bangunan kediaman paras harga minimum adalah RM2 juta ini bagi harga tanah bagi zon 1 dan zon 2. Kawasan bandar dan juga pinggir bandar dan RM1 juta bagi hartanah bagi zon 3. Kalau itu bangunan kediaman dan ada juga kategori untuk RM1 juta tapi di zon 3. Itu bagi bangunan kediaman. Jadi ada juga bangunan perniagaan dan sebagainya itu harganya lain. Jadi setakat ini pekeliling masih lagi terpakai setelah dibincangkan sebelum ini. Sebenarnya agak baru juga tahun ini dibincangkan. Jadi setakat ini tidak ada perubahan masih dikekalkan. Seterusnya saya mendapat pertanyaan pihak Jeram berkaitan dengan pembinaan rumah mampu milik di kawasan desa ataupun kawasan pinggir bandar khususnya di Jeram. Sebenarnya pembinaan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

rumah mampu milik ataupun di Selangor dipanggil Rumah Selangorku ini keperluannya mengikut letaknya sesuatu kawasan mengikut kategori jadi Jeram saya lihat berada dalam kategori zon 3. Zon 3 ini sebenarnya adalah di dalam kawasan luar bandar. Kalau kawasan luar bandar cadangan pembinaan rumah mampu milik ini adalah disarankan jenis rumah bandar dan teres bukan rumah bertingkat sebab memandangkan kawasan di pinggir bandar masih banyak tanah dan juga mungkin kesesuaiannya lebih sesuai rumah bandar yang mempunyai dua pemilik rumah bandar. Kemudian untuk makluman Yang Berhormat sebarang pembinaan pembangunan kediaman oleh pemaju di kawasan pinggir dan luar bandar ini ada disyaratkan. Jadi bagi harga RM42 ribu hingga RM250 ribu tetapi mengikut keluasan tapak tersebut. Bagi keluasan tapak yang 50 ekar dan ke atas maka disyaratkan 40% pembinaan rumah mampu milik ini yang mempunyai 4 kategori ada jenis A, B, C dan D. Kalau jenis A adalah jenis yang paling murah iaitu pada harga RM42 ribu, jenis B RM100 ribu, jenis C RM200 ribu dan jenis D RM250 ribu. Ini ada juga mempunyai saiz yang telah ditetapkan. Jadi kalau sekiranya Jeram berminat untuk mencadangkan pemajuan bagi pembinaan rumah mampu milik ini dan pada harga RM42 ribu luasannya mestilah 50 ekar dan ke atas.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Minta laluan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Seterus. Sungai Pelek silakan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya saya percaya semua daerah di dalam Negeri Selangor masih ada tanah yang sesuai untuk perumahan yang dimiliki oleh kerajaan. Saya rasa apa salahnya kerajaan bekerjasama dengan *developer* bagi tanah kerajaan supaya kos pembinaan dapat direndahkan supaya lebih ramai penduduk Selangor yang boleh beli kerana ekonomi yang tidak menentu saya difahamkan ramai, masih ramai walaupun dia layak membeli rumah Selangorku tetapi tidak boleh dapat bank *loan* dan sebagainya. Ini suatu keadaan yang serius jadi kalau lah kita boleh bagi tanah kerajaan kerjasama dengan pemaju biar mereka buat keuntungan sikit jadi kita dengan cara itu kita boleh lebih ramai penduduk di Selangor boleh beli. Sila beri perhatian.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Sungai Pelek, itu juga merupakan opsiyen ataupun pilihan untuk kita tambah bilangan rumah ataupun unit rumah bagi kawasan-kawasan termasuklah di bandar dan di luar bandar dan juga mengawal dari segi harga. Jadi bila betul seperti mana Sungai Pelek nyatakan tadi jika kita boleh jimat dari segi kos tanah tidak perlu membayar harga yang tinggi membayar kos tanah dan juga membayar premium. Jadi ini secara tidak langsung akan menurunkan kos pembinaan rumah-rumah tersebut. Jadi hanya sekarang ini kita juga ada sebenarnya banyak projek-projek pembesaran kampung

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

yang terbengkalai yang sebenarnya yang di laksanakan oleh merupakan dasar kerajaan yang sebelum ini yang tujuannya adalah untuk memberi rumah kepada mereka yang tinggal di luar bandar tetapi dalam proses tersebut ada masalah jadi ke banyakkian projek pembesaran kampung terbengkalai. Jadi ini juga usaha kita untuk memulihkan projek tersebut supaya bila siap projek-projek ini ia akan memberi satu stok unit-unit rumah yang ada untuk orang yang tinggal kawasan desa.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Ya, silakan Jeram.

TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Jeram, ini adalah penggulungan. Saya kira kalau Jeram hendak mintak penjelasan itu lebih *proper* sebab saya ingat menimbulkan perkara-perkara baru tambahan saya ingat tidak *proper* bagi Yang Berhormat EXCO untuk nak menjawab secara spontan dalam penggulungan, kecuali Yang Berhormat bangkitkan dalam perbahasan dan perkara minta penjelasan semasa

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN BIN ROSLI : Ini sedikit pandangan je lah. Boleh ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN BIN ROSLI : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Yang Berhormat, sekiranya di luar bandar itu kita sedia maklum, pada kerajaan yang sebelum ini ya, dia amal jariahnya banyak. Jadi dia ratus ekar, dia bagi begitu je, pada semua orang. Jadi sekarang ni agaknya sukar untuk kita dapat tanah yang besar 50 ekar, 100 ekar di satu-satu tempat. Kita kena akui. Jadi di mana kita boleh fikirkan tak semestinya kalau rumah mampu milik RM42,000.00 itu, perlukan 50 ekar. 50 ekar itu satu kawasan yang terlalu besar. Sekiranya kalau kita buat mungkin dalam dua blok dan sebagainya, tidak perlu sampai 50 ekar. Jadi saya ada beberapa pendapat di mana untuk nak memajukan. Sebab apa saya ambil kira kepentingan belia di kampung-kampung itu di mana mereka memerlukan rumah. Tanah mereka ada tetapi tidak mampu untuk buat. Jadi kita carikan seperti mana yang dicadangkan oleh Sg. Pelek tadi, di mana tanah kerajaan yang sedia ada tetapi bukanlah keluasan yang begitu besar. Sekiranya kita dapat membuat rumah mungkin dua atau tiga blok yang sederhana yang berharga RM42,000.00 secara tak langsung memberi peluang kepada belia-belie kampung di mana pendapatannya kurang untuk mampu mereka memiliki rumah. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : ha.. Ok. Sebenarnya kalau kurang daripada 50,000.00 boleh juga dilaksanakan. Hanya mungkin tidak ada pemaju yang akan bersetuju sebab dia tidak memberikan pulangan yang cukuplah untuk pemaju melaksanakan projek tersebut. Jadi itu sebab diletakkan 50 ekar ke atas tu, maka itu ada peluang bagi mereka untuk membuat keuntungan dan juga memenuhi syarat pembinaan rumah mampu milik. Kalau sekiranya, ya, kita boleh kenal pasti tanah-tanah milik kerajaan yang tidak ada usaha-usaha untuk dibangunkan untuk tujuan yang lain, mungkin boleh dicadangkan. Ya, saya minta Jeram kenal pastilah kawasan mana yang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

boleh dibina dan kita boleh berbincang dengan syarikat-syarikat milik kerajaan yang boleh sama-sama, ialah berusaha ataupun bekerjasama ataupun pemaju-pemaju swasta ini yang mana berminat boleh menjalankan pembangunan di kawasan tersebut.

Jadi saya teruskan, Taman Templer ada bangkitkan bina rumah mampu milik jangan mampu tengok. Ini memang merupakan dasar kerajaan negeri membina rumah-rumah mampu milik, ya. Rumah-rumah mampu milik ini kita kawal harga jualannya pada RM42,00.00 seunit. Dan juga sehingga yang paling mahal RM250,000.00. Jadi ini kita telah mulakan dan ternyata telah memberi peluang kepada ramai untuk memiliki unit-unit ini. Dan untuk pengetahuan Taman Templer, kita juga sedang dalam usaha kerjasama dengan pihak kerajaan persekutuan untuk membina lebih, lebih banyak unit-unit perumahan, projek perumahan rakyat. Jadi kerajaan negeri juga sudah bersetuju untuk kenal pasti tanah-tanah untuk dibina rumah-rumah PPR ini. Bila tanah ini diserahkan ataupun dikenal pasti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membina unit-unit tersebut dan bila siap akan diserahkan kepada kerajaan negeri. Jadi ini salah satu caralah kita menyediakan rumah-rumah yang boleh dimiliki ataupun kalau belum mampu dimiliki, disewakan, pada kadar yang wajar. Jadi itu menjawab persoalan ataupun kerisauan Kota, Taman Templer.

Seterusnya, Kota Anggerik, bertanya tentang cat mengecat. Kalau boleh dicat semula rumah-rumah bertingkat ini ataupun pangsapuri-pangsapuri kos rendah khususnya yang telah lama ini dan kosnya itu ditanggung oleh kerajaan. Adakah itu yang dimaksudkan? Sebenarnya ini merupakan usaha kerajaan negeri sejak tahun 2009 lagi, kita panggil skim ini Skim Ceria. Di mana kerja-kerja mengecat flat-flat kos rendah ini dijalankan. Dan buat pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan negeri telahpun menjalankan bantuan mengecat pangsapuri kos rendah dan sederhana ini sejak lama lagi. Dan dari, sehingga sekarang, ia melibatkan 51 kawasan pangsapuri dengan nilai kos RM14,004,863.00, manakala pada tahun ini, kerajaan negeri juga telah meneruskan mengecat pangsapuri ini. Kalau sebelum ini dia merupakan kos *sharing*. Lapan puluh peratus (80%) dibiaya oleh kerajaan, dua puluh peratus (20%) dibiaya oleh penduduk. Tapi bermula 2018, kerajaan negeri membiaya seratus peratus (100%), ya, kos mengecat bangunan ini. Dan pada tahun ini sahaja ia melibatkan 26 kawasan, iaitu terdiri daripada 84 blok, melibatkan 8,648 unit. Dan kos kerja-kerja tersebut mencecah sehingga RM9,910,027.00. Jadi saya ada senarai di sini, mana kawasan-kawasan yang terlibat, pemajuan mana yang terlibat. Saya akan serahkan senarai ini kepada Yang Berhormat Kota Anggerik. Dan juga saya ada senarai, kerja-kerja mengecat ini juga dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi saya lihat bermula tahun ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat,

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya kira kalau senarai itu panjang, saya ingat

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya tak akan baca senarai itu, tapi saya ingin memaklumkan di sini, bermula tahun ini kita akan mendapatkan peruntukan tambahan daripada KPKT untuk kita laksanakan projek ini. Dan terakhir sekali. Kota Damansara bangkitkan isu berkaitan permohonan penyewaan PPR ini selalunya gagal dan ada unsur, unit-unit ini diduduki oleh warga asing. Jadi kebetulan saya baru sahaja duduk bermesyuarat untuk dapatkan perkembangan ataupun tindakanlah ke atas unit-unit yang diduduki oleh warga asing ini. Baru-baru ini, pihak Imigresen juga telah membuat serbuan ke atas PPR Lembah Subang 1, ya, dan didapati memang adalah warga yang telah menduduki secara haram ditempat itu ataupun telah disewa kepada mereka. Jadi mereka telah disuruh, diarahkan untuk keluar, mana yang tidak ada dokumen yang sah. Dan bagi mereka yang telah disewakan unit tersebut diberi tempoh seminggu untuk keluar. Jadi usaha ini akan diteruskan dan juga tindakan akan dikenakan ke atas mereka yang telah membenarkan penyewaan unit-unit PPR ini kepada mereka yang tidak layak. Termasuklah warga asing. Jadi saya lihat ini satu usaha yang akan diteruskan dan maklumat daripada orang ramai ataupun orang yang menduduki kawasan tersebut juga sangat membantu, kerana mereka mengetahui apa yang berlaku di kawasan tersebut. Jadi itu sahaja, Tuan Speaker. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Penjelasan Tuan Speaker. Penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, saya bagi peluang sekali lagi. Silakan.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : YB EXCO menyebutkan Lembah Subang. Saya maksudkan itu PPR Seksyen 8, Kota Damansara. Soalan saya berkaitan PPR Seksyen 8, Kota Damansara.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Okey, berkaitan dengan PPR Seksyen 8, saya juga dimaklumkan, status atau prosedur untuk permohonan ini, dia adalah disemak dan diteliti dan dia akan lalui proses temuduga. Pemohon akan buat permohonan, kemudian mereka akan, apa tu, PHSSB, yang mengurus PPR Seksyen 8.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Cuma kita ada isu pendatang asing menggunakan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Setakat ini kita tidak ada.. berhubung dengan dakwaan diduduki oleh warga asing ini, kita sentiasa pantau. Bukan sayalah, tapi PHSSB sentiasa pantau unit-unit tersebut. Tapi kalau sekiranya ada, saya mohon supaya maklumat itu disalurkan kepada pihak PHSSB. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Seri Serdang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat Tg Sepat, Bandar Utama, Bukit Melawati, Meru, Morib, Sementa, Sentosa, Subang Jaya, Kota Anggerik dan Hulu Kelang kerana mengajukan beberapa

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

persoalan mengenai perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab saya. Pertama mengenai isu inisiatif Peduli Rakyat, Program-program inisiatif Peduli Rakyat. Dan kita semua tahu bahawa program IPR kita, 42 IPR ini menzahirkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan rakyat Selangor dalam membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup. Setakat ini kesemua program yang ada, memang diteruskan namun memandangkan kini kerajaan persekutuan dan negeri telah berada di bawah tampuk kepimpinan yang sama, maka kerajaan ini, kerajaan negeri ini dalam tindakan melaksanakan dan menyelaraskan program-program yang mempunyai tujuan dan objektif yang sama dengan program-program di bawah kerajaan persekutuan agar pertindihan di dalam menetapkan sasaran, matlamat dan bentuk program dapat dielakkan dengan turut mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan negeri agar manfaat menerusi program IPR ini, dapat dioptimumkan semaksimum mungkin, untuk kesejahteraan rakyat Malaysia amnya dan rakyat Selangor khususnya. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga akan menambah baik program-program yang dilaksanakan di bawah inisiatif Peduli Rakyat. Terutamanya program-program berupa pemberian bantuan kebajikan agar program-program seumpama ini ditambah baik kepada program-program pengupayaan yang meliputi pembangunan insan dan pendidikan supaya rakyat di Selangor mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa kebergantungan terhadap bantuan kerajaan negeri sahaja. Saya menunggu sebenarnya cadangan daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah penambahanbaikan ini, kerana saya sendiri merasakan bahawa kalau kita meneruskan program-program *charity*, atau kebajikan sebegini sepanjang masa, maka kemampuannya, mungkin kita tidak dapat teruskan di dalam jangka masa panjang. Oleh itu, kita perlu berubah minda kita sedikit, untuk bukan sahaja kita memberi ikan tetapi kita juga memberi kail untuk mereka dapat meneruskan. Sehubungan itu, program KISS yang ada di bawah tanggungjawab saya, kita akan memulakan secara perintis program bekerja daripada rumah. Sudah ada perbincangan dengan pihak korporat dimana ada program-program kemahiran dan penerima KISS akan diberi latihan pada peringkat awal secara sukarela untuk menghasilkan produk di rumah dan korporat akan membayar upah dan juga mereka juga yang akan memasarkan produk-produk ini di Malaysia dan ada juga yang akan di eksportkan. Jadi persoalan KISS yang di bawa oleh Yang Berhormat Morib mengatakan ada 200 permohonan yang masih belum diluluskan, kerajaan negeri memerlukan maklumat lanjut. Morib tak ada, ya. Okey. Tak apa. Apa pun, saya perlukan maklumat, kerana setahu saya, dan sememangnya dalam semua program KISS, dalam program IPR, KISS adalah satu-satunya program yang pihak Yang Berhormat sendiri yang meluluskannya. Berdasarkan maklumat yang ada kepada Yang Berhormat. Dan apabila dah diluluskan, SELCAT hanya meneruskan, menghasilkan kad dan terus menyerahkan kepada pihak pemohon. Jadi ini satu-satu, saya kira otonomi, yang diberi kepada pihak Yang Berhormat. Jadi saya memohon kepada pihak Yang Berhormat meneliti betul-betul, jangan hanya pakai tandatangan sahaja. Tentang syarat-syarat penerimaannya. Sebab ramai orang yang menyatakan bahawa mereka kecewa tak dapat KISS. Bila saya soal balik, mereka bukan, tidak masuk kategori layak. Salah satu syarat penerimaan KISS ini, si ibu ini atau wanita ini mempunyai anak 18 ke bawah. Ada yang menyenaraikan lima enam orang, tapi semua 20 tahun ke atas. Maka dengan sendiri mereka tidak layak menerima. Begitu juga wanita-wanita yang memang keluarga berpendapatan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

rendah, tiada anak, suami mereka pencen, mereka juga tidak masuk di dalam kategori KISS ini Yang Berhormat. Jadi tidak timbul bahawa kita tidak, prosesnya lambat, sekiranya borang itu berada di pejabat Yang Berhormat lambat, lambat sampai kepada SELCAT, maka lambatlah dapat kad KISS itu. Terima kasih.

Saya ingin berterima kasih kepada Bandar Utama dan Meru, isu golongan kebajikan golongan OKU. Saya bersetuju dengan Bandar Utama sebenarnya, memang bila datang kepada isu OKU, walaupun semua kita mengatakan kita prihatin kepada OKU, kita lihat perkara-perkara yang telah di peretujui, diaktakan dan telah sedia ambil, sedia tahu tapi masih tidak dilaksanakan. Bandar Utama menyebutkan tentang isu parking OKU. Saya rasa sedih apabila pihak OKU mengatakan bahawa hanya pemandu OKU sahaja yang dibenarkan untuk parking di tempat OKU. Tetapi keluarga OKU membawa anak-anak OKU tidak dibenarkan. Jadi saya rasa agak terkejut sebab setahu saya bahawa bila kita ada pelekat OKU itu adalah untuk keluarga dan juga pemandu OKU. Jadi saya minta pihak-pihak PBT dan pihak agensi lain supaya menghormati OKU ini bukan sahaja, OKU itu sahaja, keluarganya juga terlibat di dalam menjaga OKU perlu dilayan seperti keluarga OKU.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RASHYAKARAN: Mohon mencelah. Saya rasa Yang Berhormat EXCO boleh memberi arahan bukan meminta bekerjasama itu yang pertama. Tapi. Kedua, saya juga risau kerana bilangan parking OKU terhad kalau kita membenarkan keluarga menggunakan maka pemandu OKU mungkin tidak ada parking. Kritikal adalah pemandu OKU sebab mereka tidak boleh keluar masuk kereta dengan kerusi roda dengan parking yang sempit. Sebab itu kita sediakan parking yang lebih luas. Jadi dengan memikirkan *priority* adakah bilangan parking itu cukup jika dibuka bukan sahaja kepada pemandu OKU tetapi kepada keluarga.

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Saya. Terima kasih YB Bukit Gasing. Sebenarnya bagi saya bila bercakap mengenai OKU tentulah keluarga OKU yang membawa OKU bersama dia ya. Tetapi kita kena tengok keadaan sebelum kita mengatakan dia tidak layak. Kalau misalnya dia membawa anak Anak yang perlu ditolak dengan kerusi roda dan sebagainya. Maka dengan itu kita mengambil, saya meminta kerjasama itu penguatkuasanya. Penguatkuasaannya perlu di taklimatkan keperluan ini. Bukanlah hanya tengok buku, oh! Ini bukan OKU terus denda. Dan sementara itu seorang ahli keluarga OKU bawa kereta OKU tapi tiada OKU di dalam kereta itu, kemudian dibiarkan sebab hanya ada pelekat OKU di kenderaan. Ini hanyalah perkara yang kita tidak boleh undang-undangkan setiap masa. Kita perlu menggunakan kebijaksanaan dan timbang rasa kita kepada mereka. Saya juga ingin mengatakan bahawa prasarana infrastruktur untuk OKU perlu kita fikirkan bahawa kalau kita bina infrastruktur OKU dengan sendirinya warga emas, wanita hamil dan semua orang boleh pakai. Tetapi kalau kita tidak memikirkan OKU jadi dalam pembangunan kita, kita mesti meletakkan OKU dahulu. Bila kita buat untuk OKU dengan sendirinya orang lain semua boleh pakai. Tetapi jika kita tidak memikirkan untuk OKU kita buat tangga tanpa ada rem yang tersedia maka masa depan kita perlu buat ubah suai untuk rem pula

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN: Mohon mencelah.

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Maka mereka juga boleh menggunakannya.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sila bangun dan tunggu *signal*. Jangan duduk tekan begitu ia akan mengganggu perbahasan. Yang Berhormat memberi laluan. Silakan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN: Ok. Terima kasih. Berbangkit dengan *point* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing saya rasa kebanyakan parking-parking OKU ini sebenarnya bukan digunakan oleh keluarga OKU itu kerana masalah. Masalahnya apabila ada banyak orang awam menggunakan parking OKU itu kerana tidak ada penguatkuasa yang serius terhadap orang-orang awam ini. Saya juga merasakan bahawa untuk golongan OKU ini kita tidak mempunyai undang-undang ataupun enakmen yang cukup untuk membela hak mereka. Saya harap kita dapat memberikan fokus kepada situasi ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih Bandar Utama. Isu OKU sebenarnya memang sudah diketahui di kalangan OKU merasakan dasar yang kita ada sekarang iaitu dasar kebajikan dan simpati itu *is out dated* (dengan izin) sekarang ini semua gerakan OKU memikirkan tentang hak, OKU ada hak, dan OKU perlu diupayakan maka kita perlu untuk memikirkan ke arah itu. Jadi kalau kita hendak pertimbangkan yang tadi, saya berterima kasih kerana itu soal penguatkuasaan. Lagi satu, Akta OKU. Saya menerima banyak maklum balas sudah lama pasal Akta OKU. Pasal OKU ini orang OKU kata akta tiada gigi. Akta yang tidak mencengkam. Jadi saya bersama jawatankuasa JKM dalam proses mengadakan perjumpaan-perjumpaan bersama OKU untuk dapat maklum balas. Sebenarnya sudah diketahui tetapi dalam bentuk lebih berstruktur untuk kita bawa kepada nasional, insyaallah. Supaya akta itu boleh diperkukuh. Seterusnya saya ingin menjawab sedikit tentang / mengenai oh! Daripada Subang Jaya. YB Subang Jaya tentang mengadakan kursus-kursus kesedaran untuk menjaga dan memahami pesakit mental. Untuk makluman Subang Jaya sebenarnya kita memang merancang dan kita menerima baik cadangan tersebut dan dimasukkan ke program dan kursus seumpamanya ke dalam perancangan kami. Cuma saya hendak beritahu bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat memang ada unit kesihatan mental. Dan antara perkara yang perlu kita buat adalah saringan awal. Saringan awal pun kita boleh buat soalan ada dalam Internet buat saringan dan kita boleh tahu kita orang jenis macam mana dan sebagainya. Jika kita mengenali personaliti kita boleh merujuk ataupun rujuk kepada kaunselor untuk terus mendapat nasihat. Insyaallah bersama dengan pihak-pihak JKM dan persatuan-persatuan kesihatan mental kita akan meningkatkan kursus-kursus kesedaran kesihatan mental ini kepada rakyat.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Mengenai skim peduli sihat yang dibangkitkan oleh YB Kota Anggerik mengenai rawatan penjagaan gigi dan mata ini telah termasuk dalam kandungan rawatan kesihatan dibawah skim Peduli Sihat. Sehingga kini 1131 buah klinik termasuk 4 buah klinik gigi telah menjadi Panel Peduli Sihat. Selain daripada itu dan klinik ini terpulang kepada mereka hendak menjadi panel kita ke tidak. Mereka akan mohon daripada SELCAT untuk menjadi klinik Peduli Sihat. Kalau kawasan Yang Berhormat masih belum ada klinik gigi yang digunakan kad peduli sihat ini, sila bagi kepada dia untuk *contact* SELCAT untuk mendaftarkan diri klinik mereka supaya rakyat boleh pergi diberi contoh boleh buat *scaling*, tampalan dan sebagainya dan insyaallah perkara ini akan diteruskan. Klini, Skim Peduli Sihat perlu ingat bahawa bukan ia sahaja untuk merawat ia satu tempat rakyat boleh melaksanakan pencegahan awal bagi mengelakkan dari penyakit-penyakit tidak berjangkit. Ramai juga di kalangan kita pergi *medical screening*, mereka buat ujian darah dan sebagainya tanpa dia sakit tapi bila dia ada masalah di dalam kesihatan dan terus mendapat rawatan. Itulah langkah pencegahan. Kita juga ada di dalam Skim Peduli Sihat penambahbaikan pelaksanaannya ialah peruntukan *one off* sebanyak RM180.00 pada semua pemegang kad untuk mendapatkan salah satu suntikan vaksin bagi hepatitis B dan tyriod. Saya ingin menempuh/menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Bukit Malawati mengenai IWB. Institut Wanita Berdaya Selangor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai badan pemikir atau ... untuk merencana dasar dan inisiatif baru yang lebih profeksif ke arah kemajuan dan keberdayakan wanita serta memertabatkan wanita demi merealisasikan Selangor sebagai sebuah negeri yang *inclusive* dan lestari dan adil. Keprihatinan Yang Berhormat Bukit Malawati ke arah IWB memperjuangkan ke arah sosial melindungi hak-hak wanita dan memperkasa institusi kekeluargaan. Sememangnya adalah matlamat utama IWB iaitu mempercepatkan keupayaan wanita dalam kepimpinan dan membuatkan keputusan di samping meningkatkan sosio ekonomi di Selangor. Untuk makluman semua Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Memperdayaan (hal ehwal) Wanita dan Keluarga sentiasa berkerjasama malah bukan sahaja bekerjasama tapi IWB sebenarnya memang di bawah Pengerusi Jawatankuasa Tetap di dalam penambahbaikan struktur IWB dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri minggu lepas, Lembaga Pengarah telah ditambah kepada 7 orang. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Keberdayaan akan mempengerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah itu sendiri dan jawatan pelaksana CEO / COO iaitu apa dia dalam bahasa kita? Ketua Pegawai Eksekutif ditambah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif ditambahbaik bersama penjawat-penjawat yang lain ada sekarang. Mengenai persoalan 30% kouta untuk mencapai persamaan *gender*, penglibatan wanita dalam kekuatan keputusan dapat membaiki kedudukan wanita dalam sosio ekonomi dan politik. Ia jua secara tidak langsung memecah streotaip tidak sihat dan andaian-andaian yang membantutkan keupayaan wanita dalam memainkan peranan utama dan positif dalam kehidupan secara umum. Keputusan Pilihanraya Umum Ke-14 telah memperlihatkan rakyat Selangor telah mengangkat 12 orang Ahli Dewan Negeri di kalangan Wakil Rakyat wanita tidak cukup 30 % lagi daripada jumlah ini 3 daripadanya telah dilantik untuk memenuhi 10 kerusi EXCO Kerajaan Negeri jadi itu sudah sampai 30% namun saya hendak sebut di sini. 30% hanyalah *working target* (dengan izin) bukan *limit* saya hendak semua orang faham bahawa kita hanya 30% ,kita hendak selepas 30% kalau

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

wanita layak sehingga 50% pun wanita boleh menerajui jawatan-jawatan pembuat keputusan. Saya juga dimaklumkan di peringkat pelantikan perwakilan penduduk di peringkat negeri Selangor penglibatan pemimpin wanita juga sangat menggalakkan sekurang-kurangnya 3 orang Pihak Berkuasa Tempatan hampir mencapai sasaran iaitu MBSA, MBPJ, MDHS seramai 7 orang Ahli Majlis dari kalangan wanita iaitu bersamaan 29.16% kalau seorang lagi Ahli Majlis lebih 30%. Malah MPS telah melepasi sasaran iaitu seramai 8 orang Ahli Majlis wanita bersamaan 33%. Syabas saya ucapkan kepada MPS ya. Dan Yang Dipertua dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam perkhidmatan awam dan sektor korporat, Jawatankuasa Tetap Memberdayakan Wanita dan Keluarga melaksana pelbagai inisiatif. Antara inisiatif yang dilaksanakan yang pertama dengan pengumuman Dasar Wanita Selangor pada Oktober 2017 di mana dasar wanita ini tertumpu kepada 7 matlamat utama ia merangkumi pembangunan *gender*, status sosio-ekonomi wanita terpinggir, merapatkan jurang *gender* dan aspek pasaran buruh. Selain itu dasar dan pelan ini turut menengahkan penyertaan wanita dalam perwakilan dan politik serta kesihatan dan *mobility* wanita. Ia turut merangkumi kebebasan wanita daripada keganasan dan menzahir bakat kreatif dan inovatif wanita. Kedua, Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan sebanyak RM150 000.00 kepada Institut Wanita Berdaya (IWB) bagi peruntukan geran penyelidikan. Geran penyelidikan ini diwujudkan bagi menjalankan kajian penyelidikan berkaitan isu-isu wanita, keluarga dan kumpulan mahir bagi meningkatkan nilai kehidupan mereka. Selain itu terdapat juga kajian khusus dijalankan berjalan komunikasi wanita di tempat kerja. Pemberdayaan ibu tunggal dan juga ke ... teknologi di kalangan wanita. Kesemua kajian ini mengambil *sample* wanita di Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Seri Serdang minta duduk dahulu. Ahli-Ahli Berhormat masa telah menunjukkan 1.00 tengah hari, saya tangguhkan dewan ke 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selamat petang Yang Berhormat semua, dewan bersambung semula. Silakan Seri Serdang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya sambung sedikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Mungkin Yang Berhormat boleh gulung terus, apa ni, ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Dah nak habis sedikit lagi, terima kasih. Tadi saya, Yang Berhormat Speaker, saya tadi telah menyatakan tentang bagaimana pemerkasaan wanita melalui apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Point ketiga ialah Kerajaan Negeri juga bagaimana kita komited mengupayakan wanita adalah dengan mengujudkan 56 buah pusat wanita budaya atau pun PWB di seluruh Selangor. Jika IWB berperanan sebagai badan pemikir kepada dasar dan polisi mesra wanita, PWB pula berperanan sebagai anggota pelaksanaan dasar dan polisi tersebut. Selain daripada itu PWB juga merupakan platform utama wanita di Negeri Selangor untuk mendapatkan latihan pengupayaan baik dari aspek kepimpinan, pemberdayaan ekonomi mahu pun kemahiran asas sebagai persediaan untuk mereka ini diangkat ke tahap yang lebih tinggi menjadi pemimpin ke peringkat komuniti di daerah mahu pun negeri. Tuan Yang Dipertua secara keseluruhannya sasaran 30% wanita sebagai pembuat dasar ini hampir tercapai. Namun begitu pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan peratusan wanita sebagai pembuat keputusan akan terus meningkat dan tidak hanya berada di tahap 30% sahaja sebab pelbagai usaha inisiatif berterusan akan terus digarap bagi mendapatkan penglibatan wanita yang lebih meluas. Kerajaan Negeri juga percaya dan komited dasar 30% ini boleh tercapai dan pencapaian ini bukan setakat memberi manfaat kepada kaum wanita malah tetapi pembangunan di negeri yang lebih mampan. Sekian Yang Dipertua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Pandan Indah.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Bismillahirrohmannirrohim, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Yang Berhormat yang telah berbahas dengan baik dan bernas. Saya berjaya mengesan 24 soalan berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap Infrastruktur

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

dan Kemudahan Awam dan 8 soalan berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani. Kalau saya nak jawab semua soalan ini makan masa yang sangat panjang, saya akan cuba sedaya upaya saya dan kalau ada keperinciannya itu saya akan tulis, kita akan tulis dan hantar langsung kepada YB yang berkaitan ya. Berhubung dengan infrastruktur dan kemudahan awam kita di Jawatankuasa Tetap berusaha berterusan untuk memperbaiki dan mengurus baik sistem jaringan jalan, saliran dan rancangan fitigasi banjir, bekalan air, tenaga elektrik dan telekomunikasi melalui agensi-agensi yang dibawah STANCO yang berkaitan. Untuk jalan, kerajaan bercadang untuk menambah pulangan melalui MARRIS ataupun singkatan bagi "*Malaysia Road Record Information system*" ataupun sistem maklumat rekod jalan Malaysia dengan mewartakan lebih banyak jalan untuk makluman semua jalan-jalan perlu diwartakan jika kita nak mendapat pulangan daripada Kerajaan Persekutuan kerana dia dibayar mengikut kilometer dan ada gred-gred jalan saya akan maklumkan sekejap lagi. Dan untuk tahun lepas kita berjaya mewartakan lebih dua ribu lebih kilometer untuk jalan-jalan ladang dan sebagainya dan tahun ini kita telah menumpukan untuk menambahkan lagi pulangan dengan mewartakan jalan-jalan PBT. Dan kita bercadang sebagai untuk panduan garis panduan MARRIS yang dibangkitkan oleh YB, Yang Berhormat Jeram. Garis panduan MARRIS di bawah Kementerian Kewangan, terdapat 7 jenis jalan iaitu pertama, ialah jalan negeri, jalan perbandaran, jalan kedua, jalan ketiga, jalan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang, empat yang lima jalan kampung, enam jalan pertanian dan tujuh jalan pulau pelancongan. 7 kategori yang disenaraikan akan dibawah Kementerian Kewangan dan pulangan kepada Kerajaan Negeri ialah dibayar mengikut kilometer yang diwartakan. Untuk jalan negeri dan jalan perbandaran kita memperolehi RM31,000.00 setiap kilometer untuk kategori ini. Untuk kategori yang lain yang lima lagi itu ialah RM14,000.00 setiap kilometer pulangan yang dapat daripada Kerajaan Persekutuan. Lagi banyak jalan yang kita wartakan, lagi banyaklah pulangan yang kita dapat perolehi daripada Kerajaan Persekutuan yang boleh digunakan untuk menyelenggara jalan-jalan. Dan di bawah cadangan STANCO Jawatankuasa Infra ini kita akan mencadangkan beberapa penambahbaikan. Yang Berhormat Teratai. Silakan.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Terima kasih Yang Berhormat EXCO, saya ada satu soalan. Adakah Tabung MARRIS dibenarkan menaiktaraf longkang dalam kawasan perumahan?

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Penggunaan duit MARRIS ataupun peruntukan MARRIS ini, dia mempunyai syarat-syarat yang tertentu sebagaimana namanya ialah untuk menyelenggara jalan dan ini tidak melibatkan penaiktarafan ataupun jalan baru. Dia hanya menyelenggara jalan sedia ada dan longkang yang bersama dengan jalan itu untuk tujuan menyelenggara sahaja atau penambahbaikan sahaja bukan menaiktaraf. Kalau naik taraf kita tidak dapat gunakan wang MARRIS

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

tetapi penggunaan MARRIS juga dibenarkan untuk perabot jalan termasuk yang *signage* dan sebagainya boleh digunakan untuk tujuan peruntukan daripada MARRIS. Dan cadangan daripada Jawatankuasa Infra ialah saya telah membawa cadangan ini dan kita telah membincang dengan cara terperinci disebabkan sekarang ini pengurusan jalan ini terletak di bawah agensi. Saya ingin mencadangkan untuk tujuan penyelarasan kita akan mencadangkan hanya dua agensi sahaja nanti yang akan terlibat JKR dan PBT sahaja. Dan jalan-jalan yang JKR duduk di kawasan PBT pun kita akan serahkan kepada PBT untuk mengelakkan kekeliruan jalan ini jalan siapa punya, kita akan cuba selaraskan. Ini dalam proses perbincangan dan bersifat teknikal dan kita akan maklumkan dan jalan-jalan diluar, di ladang dan sebagainya akan diserahkan sama ada kepada JKR ataupun kepada PBT dengan bajetnya sekali. Dia akan datang dengan bajetnya sekali mengikut panjangnya jalan-jalannya itu, bukan bagi kosong ya, ada bajet. Itu yang kita cadang-cadangkan. Dan juga kita sudah kenal pasti juga teknologi, dari segi banyak aduan-aduan sekarang ni, adalah berhubung dengan *Pothole* ataupun lubang jalan. Ini pun saya telah meminta pihak JKR mengkaji teknologi baru yang boleh digunakan dalam membantu kita, pertama ialah mempercepatkan proses menampal lubang-lubang ini dan cuba dapat dia, yang mana yang kita tampal ini dapat bertahan lebih lama. Ada teknologi yang tertentu yang kita sedang meneliti dan kita akan memperolehi, memperolehi teknologi ini untuk digunakan. Dan kita juga, telah dibawah SSDU, Smart Selangor Delivery Unit juga, telah...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Jeram bangun.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Okey, silakan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN BIN ROSLI : Yang Berhormat, ada juga saya bertanyakan mengenai naiktaraf, maksudnya daripada jalan PLB kepada jalan JKR. Sebab apa, kalau kita nak memajukan sebuah tempat itu, saya dimaklumkan jalan PLB, MARRIS dan juga JKR, benda yang berbeza. Jadi kita nak naiktaraf sesuatu kampung atau pun nak jadikan dia pekan dan sebagainya, kita perlu up-grade. Jadi, peruntukan juga tidak boleh digunakan PLB dengan PLB nya, MARRIS dengan MARRIS nya, JKR dengan JKR nya. Jadi bagaimana caranya kalau sekiranya kita ingin menambah naiktaraf daripada PLB kepada jalan JKR. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Saya maklum, tentang persoalan daripada Yang Berhormat Jeram tadi. Dan kita pun, kalau dari segi sejarahpun, kita faham. Dulu kalau jalan luar bandar ini, diuruskan oleh Kementerian Luar Bandar. Dan disebabkan perbezaan kerajaan masa itu, telah terhenti. Dengan sebab itulah saya telah berbincang dengan pihak-pihak agensi yang berkaitan untuk kita selaraskan perkara ini, supaya biar dua agensi sahaja yang bertanggungjawab bab jalan ini, iaitu PBT dan juga JKR. Dan peruntukannya akan dibahagikan mengikut keperluan tempat itu, samada nak naiktaraf atau sebagainya itu akan dibuat kajian berdasarkan kes by

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kes basis. Jadi ini antara penambahbaikan yang kita sedang cadangkan. Dan yang kedua, berhubung dengan *Pothole*, tadi yang sebut mengenai tadi itu, kita kan peroleh, membuat perolehan untuk mempercepatkan. Sekarang pun di bawah SSDU, Smart Selangor Delivery Unit, bawah MBI pun telah melaksanakan dengan kerjasama WAZE untuk melaksanakan IRS iaitu Intelligent Response System, untuk mengenal pasti dengan lebih cepat *Pothole* yang berlaku. Jadi itu penambahbaik yang kita sedang usahakan.

Seterusnya berhubung dengan MARRIS lagi tadi, saya sebut lagi sekali ya, yang dibahas oleh Yang Berhormat Pandamaran. Peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan persekutuan. Silakan Yang Berhormat Pelabuan Kelang. Banyak pula celahan hari ini.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Berkenaan dengan *Pothole* ataupun jalan berlubang ini, berapakah masa ataupun yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri bagi respon bagi setiap aduan berkenaan dengan jalan berlubang yang diadakan samada melalui sistem aduan ataupun Waze yang telah dibangunkan oleh SSDU?

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuan Kelang, sebagaimana yang saya sebut tadi, *Pothole* ini diuruskan oleh banyak pihak, banyak agensi, PBT pun ada sendiri sistemnya, aduannya terus, dan juga melalui IRS. Dan juga JKR pun mempunyai aduan mereka, cara mereka sendiri menyelesaikan. Dan kalau ikut bawah JKR, mereka akan memastikan aduan ditangani dalam tempoh 24 jam. Ia selaras dengan piagam pelanggan JKR sendiri menampal jalan berlubang dalam tempoh 24 jam. Persoalannya sekarang ini, dia ada banyak agensi yang terlibat. Ini yang menjadi isu. Macam IRS, kalau dia menerimanya, dia akan salurkan mengikut agensi-agensi yang terbabit. Kalau jalan itu jalan dibawah Pejabat Daerah, dia salur ke Pejabat Daerah. Kalau bawah PBT, dia salur ke PBT. Kalau JKR, dia akan salur ke JKR. Sebab tu saya nak mengurangkan dia punya birokrasi di sini dengan mengurangkan agensi yang terlibat kepada dua sahaja. Untuk kita percepatkan lagi proses untuk menampal *Pothole* ini, jalan berlubang ini. Jadi itu cadangan, ya. Dan dibawah saya sebut tadi, saya sambung ya, yang berhubung dengan penyelenggaraan jalan. Jalan persekutuan sebenarnya tidak dibawah peruntukan MARRIS. Dia dibawah peruntukan pusat. Dia tidak menggunakan MARRIS. MARRIS ini hanya digunakan untuk penyelenggaraan jalan yang dibawah negeri sahaja. Jadi untuk tujuan itu, jalan-jalan federal, tertakluk dibawah Perkara 1091B, Perlembagaan Persekutuan, yang mana pemberian penyelenggaraan jalan negeri bertujuan membantu kerajaan negeri menyelenggara jalan di negeri masing-masing. Jadi ini yang, makna dia, kita perlu memohon terus kepada JKR Malaysia untuk membantu kita dalam jalan-jalan federal. Ini yang sedang kita buat. Untuk makluman Yang Berhormat Banting, Sijangkang dan Morib, bertanyakan mengenai

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

penyelenggaraan jalan persekutuan. Pihak JKR Negeri Selangor sentiasa mengambil inisiatif dalam meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna jalanraya. Dan pada tahun 2019, pihak JKR menganggangkan dan mengemukakan permohonan kepada kerajaan persekutuan. Ini untuk tahun hadapan ya.

Kerajaan negeri seperti berikut :

1. Peruntukan penyelenggaraan persekutuan bernilai RM408,258,260.00 telahpun dibuat permohonan ke peringkat federal untuk peruntukan tahun hadapan. Dekat hampir setengah bilion. Dipohon untuk berkala *payment* dan bukan *payment*. Untuk cawangan selenggara fasiliti jalan ibupejabat. Di ibupejabat lah, di JKR.
2. Peruntukan MARRIS, untuk tahun depan sebanyak RM220,000,000.00 untuk penyelenggaraan jalan negeri. Ini yang dipohon oleh JKR.
3. Untuk khusus untuk Kuala Langat, peruntukan pembangunan P12, RM1.5 juta untuk menaiktaraf jalan daerah Kuala Langat, lampu jalan sebanyak RM650,000.00 dan aspek keselamatan sebanyak RM500,000.00.

Ini sebab soalan dari Kuala Langat. Jadi kita jawab untuk Kuala Langat. Tempat lain pun ada, jangan bimbang. Sabak Bernam jangan risau.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Ya, silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, itu adalah kalau mengikut jawapan yang dibekalkan, itu adalah permohonan oleh JKR Negeri kepada pusat. Dan telah dikemukakan dan yang menjadi keprihatinan kita ialah apakah peratusan permohonan ini atau permintaan ini dapat diluluskan kalau bukan sepenuhnya tapi sekurang-kurangnya 70 atau 80 peratus.

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Saya berkeyakinan dengan kerajaan persekutuan di bawah Pakatan Harapan dengan kerajaan negeri yang sama ini saya yakin kita boleh dapat angka yang agak menarik. Saya tak boleh nak janji berapa nanti cari saya nanti. Tapi kita cuba yang terbaik, untuk dapatkan yang terbaik untuk negeri Selangor dan jalan Banting ke Klang itu kita beri keutamaan untuk, yang lain pun kita beri keutamaan juga. Banyak celahan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Pandan Indah menyebutkan bahawa permohonan daripada JKR Kuala Langat pada tahun hadapan peruntukan sebanyak RM650,000.00 untuk lampu jalan dan semalam kita mendengar daripada Banting menyebutkan bahawa peruntukan RM800,000.00 setahun tidak mencukupi. Apakah asas yang diletakkan bahawa permohonannya hanya RM650,000.00 sahaja untuk tahun hadapan. Terima kasih.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Ini peruntukan yang setakat ini dirangka dalam perancangan untuk bajet kita tahun depan. Tapi kalau ada kita akan sentiasa review sebab kita belum finalis bajet kita masih ada harapan lagi untuk kita lihat permohonan yang ada. Tapi setakat ini, ini yang kita bajetkan. Tapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bajet kita belum luluskan lagi. Masih ada masa untuk melihat kembali dan saya tengok pada keutamaan lain yang telah timbul dalam perbahasan ini yang perlu kita bagi pertimbangan dalam kita menyediakan bajet tahun hadapan. Saya teruskan ya takut masa sedikit.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Kalau dibenarkan Tuan Speaker. Saya minta supaya di kawasan perindustrian di Kuala Langat ini supaya diberikan tumpuan sebab sebahagian besar daripada jalan di kawasan perkilangan adalah jalan tanah gambut yang sebahagian besarnya hari ini lori-lori kontena masuk lebih dari 30 tan yang menyebabkan jalan terlalu teruk dan saya khuatir kalau ini menyebabkan yang akhirnya mereka melihat bahawa infrastruktur kita tidak pada tahap yang diharapkan. Dan saya harap ini akan diberikan perhatian. Terima kasih.

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Slijangkang. Kita akan beri perhatian. Saya tahu Yang Berhormat Pelabuhan Klang pun senyum je bila sebut jalan-jalan ini.

Jadi saya terus sambung dengan soalan dari Yang Berhormat Tanjung Sepat. Jalan yang beliau sebut yang lampu jalan tidak menyala menyebabkan kemalangan dan ini didapati ini dalam siasatan lampu jalan ini berpunca daripada masalah kecurian kabel bawah tanah jadi tidak ada kabel lampu tak menyala. Jadi kita dah siasat dan sekarang ini pihak JKR telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi tujuan penggantian dan pembaikan lampu jalan yang terlibat. Untuk soalan daripada Yang Berhormat Sentosa, berhubung dengan masa yang dah lama diambil untuk agensi melaksanakan penyelenggaraan sebagaimana yang saya sebut tadi ialah agensi-agensi kita di bawah JKR negeri dasarnya ialah mereka panggil konsep *no wrong door policy*. Jadi pintu yang salah. Mereka menerima semua aduan dan disalurkan kepada agensi-agensi yang berkaitan. Jadi saya akan cuba selaraskan sebab yang mana di bawah PBT dan juga Pejabat Daerah dan kalau kita dah selesai nanti pembahagian jalan ini kepada dua agensi ini adalah lebih mudah untuk kita menguruskan perkara-perkara yang berkaitan pelaksanaan penyelenggaraan ini. Dan seterusnya soalan yang panjang daripada Yang Berhormat Pelabuhan Kelang ini saya rasa kalau saya bacakan semua ini terlalu panjang. Perlu ke saya baca. Panjang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Kuang, duduk dulu. Bagi Yang Berhormat EXCO selesaikan dulu.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Maklum balas berhubung dengan jalan yang disebut di Lebuhraya Pulau Indah ini, kajian dilaksanakan oleh Cawangan Jalan, JKR Ibu Pejabat Malaysia untuk mengkaji keperluan dan kos menyediakan laluan motosikal buat masa ini projek yang sedang naik taraf itu tidak melibatkan penyediaan lorong motosikal. Dan sekiranya ada keperluan juga ia akan dibina kerana melibatkan kerja dan peruntukan tambahan yang sekarang ini tak ada peruntukan untuk laluan motosikal. Sekiranya hasil kajian mendapati keperluan itu maka setiap cawangan JKR Ibu Pejabat JKR Malaysia akan mengemukakan permohonan sebagai projek baru. Untuk yang berkaitan dengan jalan Kampung Telok Gong itu, tentang kajian telah selesai dilaksanakan yang melibatkan kos RM316,000.00 kos kajian mengenai kerja-kerja ini. Pihak JKR Selangor mengambil langkah melaksanakan memantau kerja pihak perunding secara berkala dan memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual. Status terkini pihak perunding sedang melaksanakan reka bentuk dan projek ini akan di tender pada tahun 2019 dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta. Ini yang telah dibuat.

Yang ketujuh, persoalan daripada Yang Berhormat Bukit Melawati tentang jalan di Simpang Lata ke Simpang Asam Jawa gelap dan menyebabkan kemalangan. Ini pihak JKR Selangor telah melaksanakan Audit Pelan Pengurusan Trafik. *Traffic Management Plan* dan mendapati TMP mencapai tahap 65%. Jadi JKR Selangor telah mengeluarkan surat kepada pasukan projek khas Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia supaya mengambil tindakan kepada kontraktor untuk meningkatkan tahap pengurusan trafik untuk menjamin keselamatan dan mengelakkan kemalangan.

Yang terakhir tentang infra ini, daripada Yang Berhormat Sungai Air Tawar membangkitkan tentang pencapaian dalam RMK10 kerajaan negeri sebenarnya telah meluluskan bajet RM3.67 bilion melibatkan 898 projek infrastruktur dan program pembangunan selama 5 tahun tersebut. Dari tahun 2011 hingga 2015. Dari jumlah tersebut 243 telah siap dan 222 sedang dalam pembinaan dan lainnya menyambung disambung ke RMK11. Dua peratusan ini menunjukkan bahawa 83% mencapai prestasi kewangan dan telah laksanakan sepanjang RMK10. Satu pencapaian yang agak baik. Jadi itu yang berhubung dengan. Untuk soalan lain berkaitan infra ini ialah berkenaan dengan banjir yang telah ditimbulkan oleh YB Sungai Ramal dan berapa lagi. Saya tak ingat. Jadi kita telah mengadakan pemantauan di bawah task force banjir yang sekretariatnya terdiri dari JPS dan di anggotai oleh banyak agensi dan melihat bahawa kawasan-kawasan hotspot banjir yang sedang ada Selangor ini dan kita pantau dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa kita sedang mengambil langkah-langkah perlu berkaitan dengan menyelenggarakan kolam-kolam takungan. Kita dapati bahawa kolam takungan ada 200 lebih kolam takungan ini. Ini sebahagiannya masih lagi bukan di bawah milik JPS. Jadi kita sedang usahakan untuk menyediakan, memindahkan ataupun wartakan kolam-kolam ini menjadi kolam takungan supaya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

dapat di selenggara dengan lebih baik. Kerana kolam takungan ini adalah satu langkah yang sangat berkesan dalam mengawal banjir. Selain daripada membesarkan longkang atau sistem perparitan dan juga sungai-sungai. Selain daripada itu saya sebutkan tadi bahawa kita sedang memikirkan dan merancang untuk melaksanakan di kawasan-kawasan parkir awam yang terbuka ini supaya dapat kita wujudkan jadikan ia sebagai kawasan parkir yang mesra alam supaya air dapat diserapkan dan bawah tu ada kolam takungan air. Untuk menyimpan sementara sebelum kita *discharge* atau alirkan air itu keluar. Ini antara dan juga termasuk jalan yang saya sebutkan tadi yang dipanggil jalan yang boleh menyerap air. Sebahagiannya 30% itu untuk mengelakkan daripada longkang-longkang kita tersumbat ataupun penuh dengan air ketika hujan lebat. Ini antara perkara-perkara yang kita sedang buat untuk memperbaiki supaya mengelakkan atau mengurangkan banjir kilat. Tentang bekalan air, ada soalan tadi daripada Taman Templer. Ada menimbulkan tentang isu bekalan air. Kita di peringkat air Selangor sedang berusaha untuk memperbaiki sistem bekalan air kita terutamanya ialah keperluan penting kita sekarang ialah meningkatkan *net reserve margin* kita yang agak rendah ini sekurang-kurangnya melebihi 10% sekarang ni sekitar 4 ke 5%. Jadi kita kena tingkatkan. Kita tidak ada masalah sangat dengan air mentah ini. Tapi air terawat ini kita ada sedikit dan kita cuba naikkan dengan projek-projek yang telah dirancang termasuklah Air Langat 2. Dan juga mengurangkan *non revenue water* sebab air tidak berhasil ini NRW ini kurang daripada 30%. Sekarang ini di peringkat 31.4%. jadi ini antara perkara-perkara yang kita sedang usaha. Untuk Templer, Air Selangor telah mengenal pasti 84 lokasi hotspot bagi pelaksanaan program penggantian paip di bawah program tahun 2016 hingga 2019 melibatkan paip sepanjang 425.7 kilometer dengan kos sebanyak RM374 juta. Program penggantian paip ialah dilaksanakan mengikut keutamaan iaitu berdasarkan kedudukan ranking paip mana yang pecah selalu itu ranking dia. Yang mana paling atas kita akan selesaikan tempat itu dulu. Di Selayang Baru yang berada di DUN Taman Templer telah disenaraikan dalam lokasi program penggantian paip 2018 berdasarkan kedudukan ranking Air Selangor. Kekerapan paip pecah bagi Selayang Baru adalah 67 kali bagi tempoh dari Januari 2014 hingga 2017. Jadi kerja-kerja sedang dibuat menggantikan 9640 meter paip di Selayang Baru melibatkan kos RM6.6 juta.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh Yang Berhormat ringkaskan.

YB TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Tengah ringkaskan ni. Jangan mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Taman Templer duduk dulu.

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Saya ingin menyentuh juga portfolio saya yang satu lagi iaitu berhubung dengan pertanian. Pemodenan pertanian dan juga industri asas tani yang sekarang ini saya rasa mungkin merupakan jawatankuasa tetap

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

yang paling meriah sekali. Iyalah sekarang ada 14 agensi di bawahnya. Dulu 4 saja. Sekarang jadi 14. Dan kerajaan maklum mengenai masalah yang dihadapi oleh petani, nelayan dan penternak dalam lawatan dan dialog saya bersama kalangan *stakeholder* yang terlibat. Kita telah mengenal pasti keperluan dan masalah yang perlu diatasi. Dengan kerjasama daripada kerajaan persekutuan kita yakin dapat melaksanakan penambahbaikan terutama makanan ialah sebagai *food security*. Jaminan makanan kita. Isu besar yang kita hadapi terutamanya sebenarnya kita dapati ialah bertahun-tahun penggunaan racun pestisid yang melampau di kalangan pertanian di industri pertanian menjadikan tanah kita gersang. Kita bukan sahaja tanah tidak subur, kita punya kadar kesuburan terendah di negeri Selangor. Tidak subur. Usaha memulihkan tanah termasuklah tanah-tanah sawah sedang giat diusahakan. Kawalan penyakit dan pembajaan yang mesra alam akan kita laksanakan bagi menjamin keselamatan bukan sahaja kepada pengusaha tetapi kepada pengguna. Kita pengguna dan melestarikan alam sekitar. Kita tidak boleh lagi berkompromi dengan penggunaan racun pestisid yang melampau dan merosakkan sistem ekologi kita. Selain daripada tanaman sedia ada kita telah mengenal pasti tanaman-tanaman yang bernilai tinggi. Ini fokus kita ialah makanan ataupun tanaman yang *high value* seperti nanas MD2 yang mempunyai pasaran yang sangat luas. Dan juga *lemon myrtle* yang terkenal di Sekinchan sekarang ini akan kita luaskan dan masuk juga melon yang eksotik dan juga *button mushroom*. Itu adalah contoh *high value*. Tanaman yang bernilai tinggi yang boleh memberikan pulangan yang tinggi kepada para pengusaha dan juga mempunyai pasaran yang sangat stabil. Penggunaan peralatan dan teknologi moden seperti sistem fertigasi, plan farming atau ladang kilang, dron pertanian yang telah pun kita perkenalkan di Simpang Lima di Sabak Bernam penggunaan dron dalam pertanian bukan sahaja bantu mengurangkan kos dan pergantungan dengan tenaga manusia yang ramai tetapi menarik minat anak-anak muda untuk menyertai bidang pertanian. Isu pemasaran juga menjadi sangat penting kerana keluhan para pengusaha di mana-mana ialah pemasaran dan kita sedang bekerjasama dengan FAMA dan juga di bawah PKPS untuk sama-sama kita mencari jalan dan juga agensi lain bagi menyediakan outlet yang sesuai untuk para usahawan dan juga pada pengusaha kita. Kita juga akan bekerjasama dengan pelancongan Selangor dan Malaysia untuk majukan agro tourism yang merupakan satu lagi aspek produk pertanian yang sangat penting. Saya ingin menyentuh sedikit tentang. Tuan Timbalan Speaker, lima minit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Lima minit lama sangat. Tamatkan Yang Berhormat. Saya fikir yang lain tu kita boleh hantar secara bertulis lepas ni.

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Yang Berhormat Kuala Kubu Baru bertanya mengenai Sungai Chiling iaitu mengenai pembangunan KV transaction line TNB yang boleh mengganggu kawasan santuari ikan kelah. Jadi saya memang mengambil berat perkara ini dan meletakkan syarat yang ketat dan juga Jabatan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Perikanan untuk memastikan bahawa dalam proses pembinaan segala aspek ini dipatuhi. Saya secara peribadi akan memastikan perkara ini untuk memastikan bahawa tempat-tempat sungai kita dan tempat santuari kita akan dipelihara dengan baik. Yang Berhormat Sungai Air Tawar juga ada menyebut tentang pertanian dan YB Dr. Daroyah yang menyentuh mengenai isu lembu. Saya terpaksa sebut sebab isu lembu ni Yang Berhormat Sementa saya rasa menimbulkan isu ini ketika kami menjadi Ahli Majlis dulu Shah Alam MBSA juga di cerita bab lembu juga. Ketika itu lembu di Bukit Jelutong. Berkenaan lembu ini kita dah berusaha dan bekerjasama dengan Yang Berhormat Sentosa untuk menyelesaikan isu di Bukit Tinggi kita tempatkan sementara di Johan Setia dan penempatan translokasi yang sebenarnya ialah di Olak Lempit. Kita dan sediakan lebih daripada 46 hektar dan akan siap dijangkanya akhir tahun depan. Boleh menempatkan lebih daripada 40 penternak. Setakat ini yang berdaftar ada 27 yang illegal. Tapi kita daftarkan dan kita akan tempatkan mereka nanti dan bila siap di Olak Lempit lagi untuk menyelesaikan isu lembu kita ini begitu banyak di merata tempat dan kita akan tempatkan di Olak Lempit. Sedikit lagi berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Sabak terutamanya merayu-rayu mengenai padi. Kita telah menemui pihak-pihak yang terlibat dan telah mencadangkan sebagai contoh di Sabak Bernam di Sabak kita telah bersedia dengan IADA dan juga Jabatan Pertanian untuk memulakan penanaman padi yang berdasarkan kepada pendekatan yang lebih mesra alam dan boleh menjamin hasil yang lumayan. Kita akan mulakan untuk tanaman mereka bulan 10 ini. Jadi bulan ini kita akan mulakan dengan bantuan kerajaan negeri dan agensi yang berkaitan. Tentang insurans itu Yang Berhormat Permatang, saya maklum di sini bahawa insurans untuk pesawah ini kita tidak dapat laksanakan kerana dulu dikehendaki mencapai RM10,000.00 dia punya pesawah. Kita tidak dapat capai jadi terpaksa kita tangguhkan dan kita akan bekerjasama dengan pihak persekutuan untuk memikirkan kaedah terbaik untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan kebajikan para petani kita. Jadi yang lainnya saya akan hantar secara bertulis dan di hujungnyanya saya ingin menyebut di sini bahawa saya bersama-sama dengan kerajaan negeri sangat komited untuk menjadikan pertanian ini satu perniagaan dan satu industri yang sangat lumayan dan juga menjadikan tempat tumpuan agro pelancongan bagi negeri Selangor nanti. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput seterusnya Selat Kelang.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Sebelum saya mengulas ataupun menggulung beberapa persoalan daripada Morib, Jeram dan juga Pandamaran saya ingin membuat pengumuman iaitu Malaysia Tourism Council (MTC) telah memilih Tourism Selangor sebagai *the best destination of the year 2018* dan kita telah mendapat anugerah ataupun award daripada

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Malaysia Tourism Council. Kita akan terima anugerah tersebut pada 10 Oktober nanti. Tuan Timbalan Speaker, Morib telah mempersoalkan tentang Muzium Insitu Jugra. Untuk tujuan ini kerajaan negeri sering mengambil perhatian terhadap produk-produk pelancongan berunsurkan sejarah dan warisan termasuklah di Jugra di mana ia merupakan salah satu pusat pentadbiran kerajaan Selangor dari awal tahun 1859 hingga 1898. Di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad Sultan Selangor ke empat. Antara produk pelancongan sejarah yang dikenal pasti adalah Istana Bandar, Masjid Sultan Alaedin, Makam Diraja Sultan Abdul Samad serta balai polis lama dan balai pasung yang kini di naik taraf dan dikenali sebagai Muzium Insitu Jugra. Yang diuruskan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor atau PADAT. Namun demikian kerajaan negeri turut akur di atas kekurangan sambutan terhadap produk pelancongan yang berunsurkan sejarah dan warisan ini di mana salah satu bentuk utama adalah produk sejarah ini kurang diminati oleh atau kurang dilawati oleh masyarakat tempatan. Pada masa yang sama Tourism Selangor melalui agensi promosi pelancongan negeri turut menghadapi masalah bagi mempromosikan produk ini secara pakej memandangkan terdapat produk yang tidak boleh dilawati sebab masih di bawah kerja-kerja pembaikan seperti yang masih dilaksanakan di Istana Bandar. Dari segi lokasi yang jauh dan jalan utama sukar diakses antara kekurangan kemudahan pengangkutan awam juga merupakan salah satu punca produk ini kurang mendapat sambutan. Kerajaan negeri di bawah pelancongan negeri telah memperuntukkan RM27,000.00 pada Majlis Daerah Kuala Langat yang bertujuan untuk memasang papan tanda dan juga memperbaiki Insitu Jugra dengan harapan perkara ini dapat memberikan kemudahan kepada pengunjung. Selain dari itu, kerajaan negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM144,380.00 kepada Majlis Daerah Kuala Langat untuk kerja-kerja pembaikan atau naik taraf wooden platform deck kayangan pantai Morib, kerja-kerja membekal dan memasang railing daripada Morib, membina dan menyiapkan arch konkrit di pantai Morib dan pemasangan lampu hiasan di kawasan pantai Morib dan pantai Kelanang. YB Jeram telah menanyakan tentang kemudahan pelancongan di DUN Jeram. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor sentiasa memantau dan melihat produk pelancongan yang boleh dipromosikan di peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa. Melalui kerjasama ahli jawatankuasa tetap pelancongan negeri Selangor iaitu Tourism Selangor, Pejabat Daerah, PBT dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Selangor serta agensi kerajaan dan UPEN selaku urus setia dapat memperoleh maklum balas dan maklumat terkini tentang perkembangan industri pelancongan negeri. Bagi industri pelancongan di DUN Jeram kerajaan negeri telah memasukkan Pantai Remis sebagai produk pelancongan yang ditadbir di bawah Daerah Kuala Selangor yang amat popular bukan saja popular di kalangan penduduk tempatan tapi pelancongan antarabangsa. Banyak usaha telah dilaksanakan untuk meningkat fasiliti pelancongan Pantai Remis Jeram selain memberi peluang kepada

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

penduduk tempatan untuk berniaga di kawasan pelancongan tersebut. Yang Berhormat Pandamaran menyentuh tentang Royal Klang Town Heritage Golf ataupun RKTHW dari segi pengisian pembangunan dan naik taraf pembangunan warisan serta keselamatan pengunjung di mana satu pelan pembangunan RKTHW sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan (PADAT). Oleh yang demikian kerajaan negeri akan memberi keutamaan pembangunan dan promosi pelancongan kepada RKTHW bagi memastikan objektif dapat dicapai dan limpahan pembangunan pelancongan dan kedatangan pelancong akan dapat ditambah dan dinikmati oleh seluruh rakyat termasuk di DUN Pandamaran. Tuan Timbalan Speaker, akhir kata kerajaan negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan sedang giat berusaha untuk memartabatkan industri pelancongan di seluruh daerah di negeri Selangor dengan memberi penekanan khusus kepada pencapaian matlamat yang berikut. Yang pertama, meningkat jumlah kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara. Kedua menyediakan ruang secukupnya untuk menjalankan perniagaan dan pekerjaan yang menyokong industri pelancongan khusus bagi rakyat Selangor. Ketiga, mengangkat martabat budaya warisan negeri Selangor melalui aktiviti pelancongan sejajar dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri juga telah menggariskan beberapa dasar khusus untuk meluluskan sebarang cadangan aktiviti yang akan diterima ini termasuklah satu aktiviti yang dicadangkan haruslah memperkasakan kawasan pelancongan sedia ada tetapi kurang dikenali di kawasan pelancongan masing-masing. Dengan pelbagai promosi tempatan dan luar negara, penekanan perlu diberikan untuk menambahbaikkan pakej pelancongan yang sedia ada demi menarik minat pelancong asing dan juga laluan negara untuk datang ke negeri Selangor. Kedua, aktiviti yang dicadangkan harus juga mengambil kira aspek pembangunan industri pelancongan tempatan yang mana setiap daerah di Selangor sebenarnya mempunyai keunikan yang tersendiri misalnya daerah Hulu Selangor adalah amat sinonim dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai hab untuk tourism negeri Selangor. Yang ketiga, kerajaan negeri juga sedar bahawa sektor pelancongan ini perlu dipertingkatkan demi mencapai potensi sebenar suatu aspek tidak boleh diketepikan ialah penglibatan rakyat tempatan sebagai pemangkin kemajuan generasi itu sendiri. Justeru, kerajaan negeri Selangor juga telah memulakan pelbagai program pembangunan insan seperti program *first community* Selangor yang bakal melahirkan pemandu pelancong tempatan mengikut daerah masing-masing di mana mereka akan memainkan peranan penting sebagai duta pelancongan dan mendapat imbuhan dalam masa yang sama.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan tambahan. Saya menjemput Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih tuan Timbalan Speaker. Saya akan mula dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Utama mengenai saling hubungan jaringan pengangkutan awam berkonsepkan *first mile last mile*. Konsep perkongsian basikal merupakan langkah awal kerajaan negeri untuk memastikan pengangkutan awam di negeri Selangor lebih komprehensif menyeluruh dan bersepadu dengan mengambil kira fungsi sebagai *first mile last mile* yang menjadikan basikal sebagai penghubung kepada sistem pengangkutan awam lain seperti bas, KTM, komuter, LRT dan MRT. Walau bagaimanapun, pada masa ini pelaksanaan konsep perkongsian basikal *bike sharing* di kesemua PBT di Selangor masih di peringkat penilaian untuk memastikan kesesuaian lokasi bagi penyediaan infra serta kemudahan penyewaan basikal oleh syarikat pembekal perkhidmatan tersebut. Selain itu juga PBT digalakkan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti laluan basikal, laluan pejalan kaki serta perhentian bas untuk memastikan jaringan pengangkutan awam ini mempunyai connectivity yang menjurus dengan kemudahan infrastruktur pengangkutan yang lebih baik teratur dan efisien. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Bukit Lanjan dan Sungai Air Tawar ada membangkitkan pertanyaan mengenai faedah kepada kerajaan negeri hasil daripada projek pengangkutan awam seperti kereta api berkelajuan tinggi (HSR) dan laluan Rail Pantai Timur (ECRL). Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan dan Sungai Air Tawar, kerajaan negeri telah menyediakan pelan induk pengangkutan awam negeri Selangor pada tahun 2016 bagi mewujudkan jaringan sistem pengangkutan awam yang komprehensif bagi membantu kerajaan negeri mencapai sasaran nisbah 60:40. Penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian. Oleh yang demikian semua pelaksanaan projek pengangkutan awam di negeri Selangor akan berasaskan kepada Pelan Induk berkenaan begitu juga dengan pelaksanaan projek HSR dan ECRL. Kedua-dua projek ini merupakan projek di bawah kerajaan persekutuan yang mana jajaran yang terlibat akan melalui sebahagian kawasan di dalam negeri Selangor. Walau bagaimanapun status pelaksanaan projek-projek ini masih di peringkat kajian semula oleh kerajaan persekutuan dan pembangunan projek pengangkutan yang bermanfaat dan memberi impak yang baik kepada negeri Selangor boleh dipertimbangkan sekiranya dilaksanakan berlandaskan peraturan dan pematuhan akta sedia ada di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat juga, peranan Kerajaan Negeri adalah dalam urusan proses pengambilan hak balik tanah berdasarkan cadangan jajaran serta memberikan kelulusan jajaran yang melalui Negeri Selangor. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat Bukit Lanjan supaya dialog bersama Kerajaan Persekutuan berkaitan projek-projek ini merupakan cadangan baik untuk diketengahkan. Namun ia memerlukan penyelarasan di peringkat Persekutuan dengan disertai dengan agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat. Walau bagaimanapun, ia di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk memutuskan supaya projek ini diteruskan oleh Kerajaan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Persekutuan kerana ia masih ditangguhkan bagi tujuan rasionalisasi dan kajian semula terhadap kewajaran projek itu untuk dilaksanakan sepenuhnya. Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Lanjan juga ada membangkitkan pertanyaan mengenai keperluan untuk Kerajaan Negeri merancang dan melaksanakan sistem pengangkutan awam seperti perkhidmatan *train* atau *trem* di Negeri Selangor khususnya di bandar yang menghubungkan kawasan-kawasan berdekatan dengan mudah dan tempoh yang singkat serta melibatkan kos yang lebih murah daripada pembinaan LRT dan MRT. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan belum menerima sebarang kertas cadangan bagi pelaksanaan projek pengangkutan awam seperti *trem* di mana-mana kawasan pentadbiran PBT. Namun demikian, ia merupakan satu cadangan yang baik untuk diperhalusi sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri dengan kajian-kajian yang lebih terperinci berhubung kaedah pelaksanaan. Faktor kos, kesesuaian lokasi, kemampuan kewangan dan penggunaan teknologi yang terbaik. Walau bagaimanapun, perlu dimaklumkan bahawa penyediaan pengangkutan awam adalah termaktub di dalam fungsi dan bidang tugas Kerajaan Persekutuan iaitu agensi pengangkutan awam darat APAD, dulu dikenali sebagai SPAD di bawah Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab sebagai pengawal selia dan pelaksana perancangan melibatkan membabitkan jaringan pengangkutan awam yang menyasarkan penyepaduan mod pengangkutan awam berasaskan jalan raya dan sistem pengangkutan awam berasaskan rel. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan projek-projek pengangkutan awam yang dapat memberi manfaat menyeluruh kepada Negeri Selangor.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, saya ingin mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Kinrara. Sebenarnya apa yang saya cuba sampaikan semalam adalah kita jangan selalu tunggu pihak Kerajaan Persekutuan untuk mencadangkan projek atau pun membuat keputusan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor kerana pengalaman kita selama 10 tahun ini adalah projek-projek mega itu di sudah diputus di peringkat pusat kemudian mereka hanya datang ke negeri untuk melaksanakan projek tersebut. Jadi mungkin sekarang hubungan yang nampaknya, nampaknya lebih erat antara persekutuan dan juga negeri, maka Kerajaan Negeri perlu, saya rasa perlu duduk dan bincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk maklum kepada mereka apa jenis projek yang diperlukan sebagai contohnya untuk pengangkutan awam dan selain daripada itu projek-projek yang membawa manfaat kepada Kerajaan Negeri. Bukan *the other way round*, pusat kepada negeri.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih kepada Bukit Lanjan, satu cadangan yang sangat baik dan untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan, sebenarnya Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan sebuah Majlis Pengangkutan Awam di mana saya telah dilantik sebagai seorang ahli yang mewakili Negeri Selangor. Ini

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

merupakan satu platform yang sangat baik bagi Kerajaan Negeri untuk memberi pandangan dan cadangan terus kepada agensi-agensi yang terlibat di dalam Majlis Pengangkutan Negara tersebut. Jadi kita tidak tunggu, kita boleh memberi cadangan dan pandangan di dalam Majlis Mesyuarat tersebut. Dan mesyuarat pertama telah diadakan bulan lepas, mesyuarat yang kedua akan diadakan pada November. Jadi kami akan mengemukakan cadangan-cadangan daripada Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Banting ada membangkitkan pertanyaan mengenai perkhidmatan bas awam.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, YB Jeram.

YB TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Soalan tambahan. Saya ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukan soalan tambahan Yang Berhormat, untuk minta pencerahan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Saya tertarik dengan YB Kinrara mengatakan dengan laluan basikal. Jadi saya tak tahu apa kriteria dia sebab apa benda ini boleh menyebabkan kemalangan di mana kalau lorong yang melibatkan 4 lorong, kita tahu di sebelah kanan ada sebahagian laluan untuk basikal, belah kiri pun ada. Tapi dia ada kawasan di pekan hanya ada dua laluan sahaja tetapi ada satu laluan basikal. Jadi laluan basikal itu untuk dia pergi ke balik? Jadi soalan itu ditanya oleh salah seorang apabila saya berhadapan dengan sesi dialog dengan masyarakat, saya pun tak boleh nak jawab. Jadi saya hendak tahu kriteria dia macam mana, untuk hendak wujudkan laluan basikal itu. Kalau melibatkan dua jalan sahaja, cuma ada satu iaitu untuk pergi ke balik, dia boleh menyebabkan kemalangan kalau orang yang hendak pergi dan balik menggunakan jalan yang sama, minta penjelasan terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Di mana lokasi yang YB Jeram sebut itu?

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Bandar Puncak Alam.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Bandar Puncak Alam saya akan minta PBT untuk kaji semula laluan basikal di sana. Setahu saya semua laluan basikal dia ada arahnya. Ikut basikal, ikut apa tu, ikut gambar basikal di atas laluan basikal itu. Jadi saya perlu tengok balik perkara yang dibangkitkan oleh YB Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Keseluruhan di Bandar Puncak Alam cuma ada satu sahaja dia tak ada dua, dia kalau ada dua kita faham, ini dia cuma ada satu sahaja.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ada kemungkinan dia adalah satu *loping*.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Tak ada, tak ada.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tak apa nanti kita kaji balik yang itu. Yang Berhormat Banting ada membangkitkan pertanyaan mengenai perkhidmatan awam di Kuala Langat. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan City Linear masih lagi menerima subsidi di bawah inisiatif dana *Interinstave Dana Bus Support Fund* (ISBSF). Namun demikian, isu tersebut dibangkitkan ketika itu disebabkan berlakunya kelewatan dan pembayaran oleh APAD kerana kelewatan penyaluran dana daripada Kementerian Kewangan. Penyaluran ini telah pun diselesaikan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Berkaitan perkhidmatan City Linear yang tidak lagi diteruskan di beberapa laluan di Kuala Langat dan Banting, laluan-laluan tersebut telah dipinda dan dikenali oleh syarikat operator baru yang telah dilantik oleh APAD untuk diteruskan perkhidmatannya di kawasan terlibat. Walau bagaimanapun, kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa prihatin dalam memastikan jaringan pengangkutan awam disediakan sebaiknya untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat di seluruh Negeri Selangor. Manakala Yang Berhormat Sementa, Jeram dan Kota Anggerik pula membangkitkan pertanyaan laluan-laluan baru perkhidmatan Bas Smart Selangor khususnya di kawasan masing-masing iaitu Kampung Bukit Kapar, Pekan Kapar, Meru, Jeram dan Bukit Subang. Perkhidmatan Bas Selangor sentiasa menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berkongsi pandangan dan cadangan bagi memastikan perkhidmatan ini terus relevan dan dinikmati oleh seluruh rakyat Selangor. Oleh yang demikian, setiap pandangan dan cadangan yang diberikan akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri untuk diperhalusi dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Berhubung dengan cadangan dan permintaan laluan-laluan baru oleh Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa melihat keperluan-keperluan bagi menambah baik perkhidmatan Bas Smart Selangor dari semasa ke semasa agar sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat mewujudkan satu jaringan *connectivity* yang baik dan menyeluruh dengan sistem pengangkutan awam sedia ada seperti KTM, Komuter, BRT, LRT dan MRT.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Saya difahamkan sekarang Smart Bus sekolah itu, kita bukan dimiliki dibeli oleh PBT masing-masing. Saya difahamkan dia secara menyewakan. Jadi saya rasa mungkin masa sudah sampai kalau PBT yang tertentu sudah perlu banyak bas tinjaulah balik kalau kita sendiri beli, sendiri menyelenggarakan, kalau boleh savekan koslah kita boleh beli bas lagi, ya itu satu. Yang lagi satu saya minta penarikan EXCO ada orang kata sekarang Smart Bas itu pelanggan yang paling besar bukan orang Malaysia, saya tak tahulah benda ini benar ke tidak. Kalau benar apa pandangan EXCO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ok, terima kasih Sungai Pelek. Cadangan yang pertama itu tidak dapat diterima kerana PBT atau Majlis Perbandaran atau bandar raya bukan pakar. Kita perlu kepakaran dalam operasi yang bas. Dan untuk cadangan yang kedua saya rasa makluman yang diterima oleh Yang Berhormat Sungai Pelek mungkin kurang tepat. Sebenarnya hanya mungkin 2 ke 3 laluan yang mempunyai orang asing yang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

lebih ramai. Kebanyakan laluan-laluan Bas Smart Selangor digunakan oleh orang tempatan. Ada masa ke Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Kuang, Kuang.

Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN: Tentang maklumat Yang Berhormat EXCO terima berkenaan dengan bukannya rakyat Malaysia yang menggunakan Bas Smart Selangor. Saya berpendapat atau pun saya berpengalaman sendiri naik Bas Smart Selangor ini kebanyakannya bukannya orang Malaysia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuang, Yang Berhormat Kuang, bukan bagi pandangan, ini forum penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN: Saya hendak betulkan sedikit penjelasan itu Tuan Timbalan Speaker. Penjelasan YB EXCO ini kurang tepat berkenaan dengan soalan Sungai Pelek. Soalan Sungai Pelek tadi penjelasan yang diminta bukan yang ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak apa Yang Berhormat Kuang, jika Sungai Pelek rasa lari daripada tajuk dia akan bangun, biar dia yang bangun.

Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN: Saya minta supaya YB EXCO lebih pekalah kerana Bas Smart Selangor ini di luar bandar, 90% nya dinaiki oleh buruh asing.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak mengapa Yang Berhormat saya kira Yang Berhormat EXCO ada data dia tersendiri dan dia akan bagi jawapannya, silakan Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Untuk makluman Yang Berhormat Kuang, perkhidmatan Bas Smart Selangor disediakan secara percuma kepada semua lapisan masyarakat di Negeri Selangor tanpa diskriminasi mana-mana kaum atau bangsa. Ia merupakan inisiatif di atas keprihatinan Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini juga digunakan oleh penumpang bukan warga negara kerana golongan ini yang menetap dan bekerja di Negeri Selangor adalah terdiri daripada pekerja-pekerja industri, buruh dan ladang yang turut menyumbang di dalam pelbagai sektor pembangunan ekonomi sesuatu kawasan.

Kerajaan Negeri dan PBT sentiasa memastikan perkhidmatan Bas Smart Selangor dapat dinikmati oleh semua penduduk di Negeri Selangor. Warga tempatan seharusnya mengambil peluang ini untuk menggunakan sepenuhnya keistimewaan pengangkutan awam percuma yang telah disediakan oleh Kerajaan negeri. Pihak berkuasa Tempatan juga giat menjalankan hebahan serta promosi-promosi bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan Bas Smart Selangor oleh Kerajaan Selangor khususnya warga tempatan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Boleh ringkaskan Yang Berhormat Kinrara?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Salah satu kepincangan kualiti perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan Kuala Langat ialah hampir tidak ada atau pun kekurangan laluan bas dari Banting ke Putrajaya. Sekarang kalau di campur Bas Smart Selangor ada perkhidmatan dari Banting ke Klang, Banting KLIA tapi sangat kurang, hampir boleh dikatakan tidak ada laluan bas daripada Banting ke Putrajaya. Dan saya memohon adakah perkara ini boleh diatasi bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dalam perbincangan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Yang Berhormat Banting boleh kemukakan cadangan ini kepada saya, kami akan berbincang dengan PBT dan Kerajaan Persekutuan, terima kasih. Saya ingin masuk ke portfolio Kerajaan Tempatan. Tuan Timbalan Speaker YB Banting lagi dan juga Yang Berhormat Bukit Melawati ada membangkitkan isu menaik taraf Majlis Daerah. Untuk makluman Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum ini ada mengemukakan permohonan untuk menaik taraf kepada Majlis Perbandaran. Walau bagaimanapun, kerajaan Negeri ketika itu berpendapat bahawa kedua-dua PBT ini masih belum bersedia untuk di naik taraf kepada Majlis Perbandaran. Faktor-faktor lain juga perlu diambil kira oleh Kerajaan Negeri dalam mempertimbangkan permohonan menaik taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran iaitu satu kemampuan MDKL dan MDKS untuk menyediakan perkhidmatan kepada rakyat Selangor sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Yang kedua penarafan Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran turut akan menyebabkan kenaikan nilai tanah yang mana ini akan memberi kesan kepada rakyat yang akan terpaksa membayar cukai seperti cukai taksiran yang lebih tinggi. Yang ketiga kenaikan taraf kepada Perbandaran juga perlulah selari dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh MDKL dan MDKS. Justeru ini akan memerlukan MDKL dan MDKS menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih. Yang keempat akhir sekali kenaikan taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran juga akan menyebabkan MDKL dan MDKS terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi. Namun begitu Kerajaan Negeri akan sentiasa mempertimbangkan permohonan untuk menaik taraf sesebuah PBT termasuk permohonan MDKL dan MDKS apabila Kerajaan Negeri berpendapat semua pihak termasuk PBT dan rakyat telah bersedia dalam menerima kesan-kesan daripada naik taraf tersebut. Yang Berhormat Banting lagi, menyentuh isu prestasi KEDB. Untuk makluman proses pengurusan sampah oleh KEDB West Management di bawah kawasan majlis Daerah Kuala Langat baru diambil oleh KEDB West Management pada 1 Julai 2018. Berdasarkan statistik aduan yang direkodkan oleh *Centralize Command Centre* (CCC) KEDB West Management daerah Kuala Langat merupakan daerah yang paling rendah jumlahnya berbanding dengan daerah-daerah lain yang diuruskan oleh KEDB West Management. Bulan Julai bagi pembersihan awam hanya tujuh aduan kutipan domestik, 2 aduan jumlahnya 9 aduan. Bulan Ogos, pembersihan awam 2 aduan, kutipan domestik 2 aduan hanya 4 aduan. Statistik aduan adalah indikator utama yang digunakan pakai dalam menilai keberkesanan dan prestasi KEDB West Management di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Prestasi KEDB West Management sentiasa dipantau oleh MDKL

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

dan sebarang permasalahan di kawasan akan diberi maklum balas segera dan diselesaikan oleh KEDB West Management dalam tempoh 24 jam sebagaimana yang dijanjikan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya terima kasih. Ada 2 isu berkenaan CCC ini yang pertama integriti CCC ini kerana dan juga kebolehan sistem ini di urus oleh KEDB West Management itu sendiri. Saya yang *design* sistem itu, saya yang terima aduan, saya yang rekod, saya akan memastikan ia akan menentukan siapa dan macam mana ia dapat diatasi. Tidak ada audit, jadi kekurangan audit di situ. Yang kedua notis to *correct* yang dikeluarkan oleh pegawai MDKL. Saya kira angka yang ada dalam CCC itu perlu dibandingkan dengan notis to *correct* yang dikeluarkan oleh MDKL dan kita perlu tengok sama ada aduan-aduan yang diterima itu mencerminkan keadaan yang sebenarnya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya ingat Yang Berhormat boleh tamatkan penggulungan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ya, saya jawab Yang Berhormat Banting. Oleh itu saya ingin mencadangkan Ahli-ahli Majlis PBT, Yang-yang Berhormat untuk salurkan aduan terus ke CCC, ok. Yang Berhormat Banting, Yang Berhormat Sijangkang dan Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu ada menyentuh fasal kilang haram plastik. Tuan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri melalui PBT memandang serius kilang haram yang boleh mencemarkan alam sekitar. Sebagai makluman kepada semua Yang Berhormat, sebanyak 114 syarikat lesen import atau AP telah diluluskan oleh KPKT melalui JPSPN di seluruh Malaysia di mana 38 syarikat adalah di Negeri Selangor. Saya rasa mungkin Ketua Pembangkang yang baru Sungai Air Tawar tetapi beliau tiada di dalam Dewan yang mulia ini atau pun mungkin Sungai Panjang tolong kami untuk dapatkan jawapan daripada mantan Menteri KPKT. Yang Berhormat Tanjung Karang kenapa begitu banyak AP diberikan sejak 2015. Berkaitan dengan operasi kilang haram di Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan 2 kali operasi kilang haram iaitu pada 24 Julai 2018. Satu operasi penguatkuasaan bersepadu yang diketuai oleh MDKL telah dilaksanakan terhadap kilang haram di daerah Kuala Langat yang melibatkan seramai 111 pegawai. Operasi tersebut disertai oleh saya sendiri, YB Kajang selaku Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan juga YB Banting. Operasi yang kedua pada 2 Ogos 2018 dan sebanyak 8 premis kilang telah diambil tindakan yang meliputi sitaan aset dan peralatan penangkapan warga asing serta pemberian notis pelanggaran syarat. Dan pada 16 Ogos 2018 satu lagi operasi bersepadu bagi premis kitar semula tanpa lesen telah dilaksanakan di kawasan MPK yang diketuai oleh PDRM. Hasil siasatan MPK didapati premis berkaitan telah diberi notis pemberhentian aktiviti perniagaan oleh Jabatan Pelesenan MPK pada 6 Ogos 2018. Akan tetapi premis tersebut masih meneruskan aktiviti perniagaan semasa operasi penguatkuasaan tersebut dilaksanakan. Pihak PDRM mengarahkan supaya premis tersebut ditutup serta-merta. Harus saya ingat semua, bukannya semua kilang kitar semula plastik adalah kilang yang bermasalah atau kilang haram. Kerajaan Negeri menggalakkan kilang kitar semula yang berlesen dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensinya kerajaan seperti PBT dan Jabatan Alam Sekitar kerana dengan adanya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kilang-kilang kitar semula yang berlesen maka kita boleh mengurangkan sampah-sampah yang akan dihantar ke tapak pelupusan. Apabila sesebuah syarikat kitar semula mengemukakan permohonan lesen, Jabatan Alam Sekitar akan memberi ulasan adakah lokasi tapak tersebut sesuai. Sekiranya sesuai Jabatan Alam Sekitar akan memberi ulasan tiada halangan dengan ulasan ini PBT akan memberi kelulusan permohonan lesen dengan syarat-syarat tertentu. Selepas itu Jabatan Alam Sekitar akan membuat audit untuk memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar seperti pemasangan penapis air atau udara di patuhi. Ok, saya perlu 5 minit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat saya fikir kalau kita boleh hantar kepada yang berbahas.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ok, 2 minit.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, saya minta penjelasan sedikit.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Sebab tak ada masa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya ingat kita bagi Yang Berhormat ...

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya ingat ini agak penting ya, boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya terus bagi Yang Berhormat EXCO selesaikan dulu.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ok.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Bukit Melawati ada membangkitkan pertanyaan mengenai usaha bagi menaik taraf tandas awam. Untuk makluman Yang Berhormat salah satu hala tuju 5 tahun yang sedang dirancang dan bakal dilaksanakan termasuklah isu menaik taraf tandas awam di Negeri Selangor. Cadangan awal Kerajaan Negeri adalah pengusaha-pengusaha restoran akan turut mengambil bahagian untuk menjadikan tandas premis restoran sebagai tandas awam. Kerajaan akan memberi insentif kepada pengusaha restoran yang menyertai program ini. Kerajaan Negeri melihat sekiranya tandas yang berada dalam premis restoran dapat dijadikan tandas awam ia akan memberi kemudahan kepada orang awam kerana restoran-restoran berada di mana-mana saja. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa ia merupakan salah satu langkah yang jauh lebih berkesan dari segi penjimatan kos pembinaan dan penambah bilangan tandas awam. Kini Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan aksessti dan ada kemungkinan tidak lama di Selangor akan ada satu lagi aksessti Smart Selangor Toilet. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi dalam peringkat kajian untuk mengeluarkan satu piawaian untuk menjadikan tandas di premis restoran sebagai tandas awam, sekian saja terima kasih Tuan Timbalan.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat EXCO dan Yang Berhormat Kajang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya ingatkan saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya ingat kita bagi Yang Berhormat Kajang, boleh?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Sebab ini berkaitan dengan Yang Berhormat Kinrara.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kajang teruskan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Sungai Kandis membangkitkan isu kebocoran gas ammonia di kawasan Desa Latania Seksyen 36, Shah Alam. Pada 16 Ogos 2018 seramai 8 orang iaitu 7 pelajar dan seorang guru Sekolah Jenis Kebangsaan SJK Chung Hua telah dikejarkan ke hospital selepas mengadu sesak nafas dan muntah akibat kebocoran gas ammonia di sebuah kilang ais Everest Sdn Bhd. Ini merupakan kejadian kebocoran kedua, yang pertama berlaku pada 13 Ogos di mana 2 meninggal, 18 masuk ke hospital yang melibatkan semua pekerja asing. Susulan daripada kejadian tersebut, pihak MBSA telah pun menjalankan siasatan ke atas kilang tersebut dan hasil siasatan mendapati terdapat masalah kebocoran gas ammonia pada mesin yang digunakan di dalam kilang tersebut. Selain itu, kilang tersebut juga didapati tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah. Oleh yang demikian pihak MBSA telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja serta-merta. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 26/2018 yang bersidang pada 23 Ogos 2018 telah bersetuju agar pengusaha kilang tersebut mengalihkan mesin tangki ammonia dengan kadar segera dan pemindahan operasi kilang dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan. Justeru itu, pihak MBSA akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah Tanah Klang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Kimia Malaysia akan memantau dan memastikan operasi pemindahan gas ammonia tersebut dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Seterusnya memastikan kawasan tersebut selamat dan bebas daripada gas ammonia.

Yang Berhormat Sungai Kandis juga membawa isu pembakaran terbuka di Johan Setia. Tuan Speaker, aduan pembakaran terbuka selain daripada pembakaran aktiviti pertanian di tanah gambut di Johan Setia. Jabatan Alam Sekitar juga menerima aduan pembakaran kecil sampah yang dilakukan oleh penduduk di sekitar tepi jalan dan terdapat juga pembakaran di lokasi pembuangan sampah haram. Bagi kes-kes seperti ini siasatan akan dijalankan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang melakukan pembakaran di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti mengeluarkan notis kompaun atau tindakan mahkamah. Yang Berhormat Sijangking ada membangkitkan isu tentang *return of advisement* dengan izin penanaman pokok-pokok. Tuan Speaker amalan pemindahan serta pengurusan hutan yang menitik beratkan aspek ekologi dan alam sekitar untuk menjamin sumber hutan serta perolehan hasil hutan yang berkekalan. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengemukakan aspek

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

ini dengan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti penanaman pokok di seluruh Negeri Selangor. Jumlah keseluruhan pokok yang telah ditanam pada tahun 2015 sehingga Julai 2018 adalah sebanyak 327,000 batang pokok dan jumlah tanaman mengikut kategori jenis hutan adalah sebanyak 17,368 pokok bagi hutan darat. 87,629 pokok bagi hutan paya laut dan 222,003 batang pokok bagi paya gambut. Aspek *return on advisement* yang dapat dilihat di sini adalah bukan dari segi nilai komersial pokok tersebut. Tapi lebih kepada impak dan faedah kepada masyarakat dari segi persekitaran ekonomi dan sosial. Aktiviti-aktiviti serta program-program penanaman pokok yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah bertujuan untuk perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar serta memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan dan peranan hutan dalam hidupan harian mereka. Melalui kempen kesedaran saja sebanyak 102,000 pokok ditanam pada tahun 2015 hingga Julai 2018 yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan juga IPTA, IPTS, masyarakat awam, badan bukan kerajaan, NGO serta lain-lain agensi. Aktiviti penanaman pokok ini dilaksanakan tiap tahun. Keberkesanan program penanaman pokok serta pengurusan hutan paya gambut di Selangor dapat lihat apabila telah mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui kuiz *Commonwealth Canopy Award*. Penanaman pokok secara amnya akan meningkatkan biodiversiti kawasan itu sekali gus menjadi tempat perlindungan flora dan fauna. Selain itu, pengkayaan melalui aktiviti penanaman pokok satu hutan tersebut akan menyalakan lagi fungsi dan peranan hutan itu yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dari segi ekonomi dan sosial. Ia turut menjadi benteng kehakisan pantai dan juga bencana alam seperti tsunami melalui aktiviti penanaman pokok di kawasan pesisiran pantai. Ini memberi faedah kepada masyarakat daripada segi keselamatan dan juga kemusnahan harta benda. Secara keseluruhan ROI yang dapat dilihat melalui aktiviti penanaman pokok meningkatkan serta memperkayakan kesejahteraan masyarakat pada segi persekitaran, ekonomi dan sosial. Untuk Yang Berhormat Pandamaran, ada membangkitkan isu berkenaan penggunaan beg plastik serta kesannya terhadap alam sekitar. Kerajaan negeri melaksanakan kempen bebas plastik selama 7 hari seminggu di seluruh negeri Selangor. Bermula 1 Januari 2017 berbanding hanya setiap hari Sabtu sebelumnya. Sehubungan itu, semua jenis perniagaan di negeri Selangor tidak dibenarkan untuk menyediakan beg plastik *single used* secara percuma dan menghentikan penggunaan polisterin di semua premis perniagaan termasuk premis makanan. Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak peniaga terutamanya peniaga-peniaga pasar raya besar, peruncit, pengusaha makanan dan penduduk negeri Selangor. Perkara ini dapat dilihat apabila para peniaga memainkan peranan mereka dalam mempromosikan kempen bebas plastik dengan meletak notis pemberitahuan dan juga mengenakan caj 0.20 sen bagi setiap beg plastik yang dikeluarkan. Selain itu, pengguna juga sudah mula membiasakan diri membawa beg sendiri dan tidak lagi membawa plastik *single used* sewaktu membeli belah. Yang Berhormat Pandamaran turut membangkitkan tentang pengharaman beg plastik di negeri Selangor. Pengharaman penggunaan beg plastik secara total bukanlah

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Mudah untuk dilaksanakan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kerana perkara ini akan menjejaskan banyak pihak termasuk pengilang plastik para peniaga dan pengguna

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti ya, bagi habiskan. Oleh yang demikian, kerajaan ini akan melaksanakan keberkesanan kempen bebas plastik negeri ini bagi memastikan keputusan yang diambil tidak akan membebankan setengah-setengah pihak. Selain itu, dengan peralihan kerajaan Persekutuan yang baru, kerajaan negeri turut akan bekerjasama dengan Kementerian Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan juga Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan pembaharuan iklim dalam melaksanakan kempen sekatan penggunaan beg plastik di seluruh negara pada tahun 2019.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya mengambil maklum dan juga mengalu-alukan keputusan kerajaan baik Persekutuan dan Negeri untuk mengurangkan *single used plastic* tapi saya kira kita perlu lebih drastik kerana *single used plastic* ini nampaknya sudah pun memasuki ke setiap kehidupan kita dari *bottle*, daripada *straw*, daripada macam mana..tukar setakat beg plastik sahaja. Saya memohon dahulunya kerajaan ada satu dasar supaya tidak menggunakan air-air yang dibungkus dalam botol ataupun cawan plastik tetapi sekarang nampaknya pekeliling itu tidak begitu diikuti. Adakah mungkin kita *enforce*kannya sekali lagi?

TIMBALAN SPEAKER : Mohon pencerahan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya.

TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, buat pencerahan apa yang Yang Berhormat tanyakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ya, *single used plastic*. *Single used plastic*, dasar kerajaan supaya

TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat minta pandangan ataupun minta pencerahan?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta pencerahan, iaitu sama ada kita kuatkuasakan pekeliling dan tegaskan bahawa kita tidak akan guna botol-botol air yang seperti ini dan yang .. ialah itu adalah satu perkara yang saya rasa perlu disegerakan, yang boleh disegerakan pada masa sekarang.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TIMBALAN SPEAKER : Sila Yang Berhormat EXCO jawab dulu baru yang kemudian.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya amat mengalu-alukan apa yang berlaku di mana pihak swasta Mc Donald telah pun untuk ban kan straw dan juga kita menggalakkan pihak swasta supaya juga mengambil langkah yang perlunya untuk mengurangkan penggunaan beg plastik. Dan saya mengambil cadangan Yang Berhormat dari Banting dan kita akan bawa ke mesyuarat yang akan datang di mana saya sendiri sangat bersetuju supaya kita ada satu kempen yang berkesan terutama di kalangan agensi kerajaan di mana kita masih nampak banyak lagi kita menggunakan botol-botol plastik yang mana sememangnya kita tidak menggalakkan.

TIMBALAN SPEAKER : Sg. Kandis, soalan tambahan?

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Pencerahan.

TIMBALAN SPEAKER : Sg. Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Mohon penjelasan. Merujuk kepada kes kebocoran ammonia di DUN Sg. Kandis, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk membina satu kawasan zon di mana industri-industri yang mempunyai bahan bahaya menyebabkan risiko tinggi kepada nyawa manusia.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Buat masa ini tidak, di mana kita menggalakkan dan pastikan semua industri yang ada kaitan dengan mengenai gas ammonia ini boleh dipindah ke satu kawasan kilang industri bukannya di kawasan perumahan. Di kawasan Sg. Kandis, bukan setakat di kilang tersebut, ada satu kilang lain berdekatan 2km juga kita sudah panggil supaya pindah kerana kalau berlaku kebocoran gas ia memang memberi kesan kepada penduduk sekeliling.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat EXCO soal berkaitan dengan beg plastik tadi, sekarang ni kalau andai kata kita pergi ke pasar raya-pasar raya kalau kita nak beg plastik, dia minta 0.20 sen, jadi kita nak tau, 0.20 sen ni dia salurkan ke mana. Adakah 0.20 sen ni pasar raya tu ambil ataupun 0.20 sen ni dia kembalikan kepada kerajaan negeri sebab ialah, kalau seorang memanglah kecil 0.20 sen, seorang, tetapi kalau andai kata sejuta orang dikalikan dengan 0.20 sen, banyak tu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Buat masa ini kita tidak ada kawalan tentang 0.20 sen tapi kita menggalakkan pihak swasta, pasar raya supaya mereka mengadakan program-program CSR mereka. Kita menggalakkan mereka untuk mereka buat *recycle bag* bagi percuma kepada pengguna dan juga kita menggalakkan mereka supaya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

mereka buat program-program untuk tanam pokok di kawasan-kawasan tertentu dan mereka telah pun buat so, kita daripada segi pemantauan memang kita tidak..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker. Minta mencelah.

TIMBALAN SPEAKER : Saya kira kalau Yang Berhormat ringkaskan dan tamatkan gulungan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ok, seterusnya..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Mencelah, minta celah.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tak payahlah.

TIMBALAN SPEAKER : Tidak, tidak Yang Berhormat Sg. Pelek. Kita minta Yang Berhormat EXCO habiskan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Untuk Yang Berhormat daripada Kuang membangkitkan isu tanah orang asli dan pencerobohan. Terdapat 8 buah penempatan orang asli di Gombak di mana satu penempatan telah pun diwartakan iaitu Kampung Orang Asli Hulu Kelang. Manakala 7 lagi masih menunggu tindakan dari Jabatan Orang Asli (JAKOA) untuk proses pewartaan oleh PTD Gombak. Terdapat satu permit bahan batuan iaitu pasir yang telah diluluskan. Pengusaha turut memohon meluaskan kawasan operasi yang mana termasuk di dalam kawasan orang asli. Hal ini telah mendapat kebenaran JAKOA dan masih dalam tindakan PTD Gombak untuk proses kelulusan. Tuan Speaker, saya juga ingin nak memberi maklumat tentang Yang Berhormat Banting yang mencadangkan Unisel untuk mengadakan program Industri Revolusi IR 4.0 dengan kerjasama pihak industri dan agensi kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. yang menjadikan peneraju bidang IR 4.0 di Jerman dicadangkan dalam pembangunan teknologi IR 4.0. Untuk makluman Yang Berhormat Banting, pihak Unisel akan mengadakan program pemeraksanaan agenda industri 4.0 di negeri Selangor pada bulan Oktober tahun 2018 yang melibatkan penyertaan pakar IR 4.0 daripada negara Jerman, Switzerland dan juga United Kingdom terutamanya dalam bidang kemahiran *artificial intelligence* dan juga *technical education vocational training (TVET Programme)*. Ini akan melibatkan penyertaan agensi kerajaan negeri Selangor dan pihak industri di Malaysia. Yang Berhormat Bukit Gasing juga mencadangkan menggunakan *open data* dan paparan dalam *website* bagi perbelanjaan kewangan bagi projek kerajaan negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini kerajaan negeri Selangor telah berkolaborasi dengan kerajaan Persekutuan dan MAMPU untuk menggunakan *open data policy* terutama dalam menyediakan sebanyak 50 data yang merupakan KPI kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tahun 2018. Data-data tersebut sedang dimuat naik melalui www.data.gov.my. Yang Berhormat juga mencadangkan semua jenis perkhidmatan kerajaan hendaklah dibuat secara *online* 100% bagi memberi kemudahan kepada rakyat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat berdasarkan kepada laporan pencapaian perkhidmatan dalam talian sektor awam 2017, yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU sebanyak 86.17% daripada

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

282 perkhidmatan kerajaan negeri Selangor yang didaftarkan telah disediakan dalam talian. Kategori perkhidmatan dalam talian yang direkodkan adalah perkhidmatan pendaftaran ataupun permohonan, semakan ataupun carian dan pembayaran dan lain-lain. Kerajaan negeri Selangor akan memastikan perkhidmatan secara dalam talian mencapai 100% dan dilancarkan secara peringkat-peringkat. Yang Berhormat juga mencadangkan penggunaan *smart traffic light*. Untuk makluman Yang Berhormat, *Service Selangor Delivery Unit* atau SSDU MBI telah melaksanakan inisiatif *Smart Selangor* iaitu projek rintis sistem pemantau aliran trafik bertujuan untuk mengkaji dan menganalisa kaedah-kaedah yang berkebolehan untuk mengurangkan kesesakan aliran trafik di samping melaksanakan pengujian teknologi analitis data raya iaitu *big data*, *sensor* dan lain-lain. Tempoh penyediaan pelaksanaan projek ini adalah pada Disember 2018. Pihak SSDU telah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk pelaksanaan projek ini iaitu di kawasan persekitaran Sunway City Subang Jaya yang melibatkan persekitaran jalan Lagun Timur, jalan Lagun Selatan, Lebuh raya Baru Pantai iaitu *New Pantai Expressway*, Persiaran Kewajipan, Jalan SS13, Jalan PJS 11.

Tuan Speaker, setakat itu sahaja penggulungan saya dalam isu yang berkaitan dengan alam sekitar sains teknologi dan inovasi dan hal ehwal pengguna. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat, dengan ini dewan menjemput Yang Amat Berhormat Sg. Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Dewan dan semua Ahli-Ahli Dewan yang telah berbahas dengan begitu baik sempena dengan usul menjunjung kasih dalam sesi pembukaan dewan dan juga sidang dewan kali ini. Sudah pasti begitu ada keterujaan di kalangan Ahli-Ahli Dewan sehingga lebih 35 Ahli-Ahli Dewan telah berbahas sepanjang sidang ini ataupun ketika kita membahaskan usul menjunjung kasih ini dan sudah pasti walaupun tempoh masa yang diberikan agak pendek namun saya boleh berikan satu ucapan tahniah kepada semua Ahli Dewan pembangkang dan kerajaan di atas usaha dan ikhtiar untuk membahaskan kepada terma dan topik-topik yang dibahaskan cuma secara jujurnya banyak perkara yang mungkin boleh diperbaiki terutamanya untuk kita sama-sama lebih menjurus kepada persoalan dasar dan menjurus kepada polisi-polisi yang boleh dicadangkan kepada kerajaan berbanding pergi kepada perkara-perkara spesifik yang mungkin itu boleh diselesaikan di peringkat pentadbiran dan peringkat pengurusan. Perlu diingat, dewan ini adalah untuk kita bincangkan dasar, polisi, pendekatan, kebijaksanaan kerajaan berbanding kita menyelesaikan acara ataupun program ataupun projek yang tertumpu fokus di kawasan masing-masing. Saya cukup faham dengan semangat yang ada dalam diri tuan-tuan dan Ahli-Ahli Dewan terutamanya mewakili kawasan dan sebagainya namun di dalam dewan ini, selain menjadi perwakilan kepada kawasan saudara-saudara dan tuan-tuan, saudara-saudara dan Ahli-Ahli Dewan semua harus juga melihat secara menyeluruh dan secara lebih dekat bagaimanakah kita ingin membangunkan dan menguruskan negeri kita ke arah sebuah negeri yang disegani dan negeri yang boleh mencatatkan kemajuan dan pembangunan yang dicapai. Terima kasih kepada semua Ahli Dewan. Rata-rata sepanjang perbahasan ini berlangsung, saya dapat mengesan dan saya dapat melihat

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Ahli-Ahli Dewan cukup teruja dengan keputusan pilihan raya 9 Mei 2018 sama ada daripada pembangkang ataupun kerajaan dengan pandangan dan juga dengan fokus yang tertentu. Antara topik yang paling dekat dan selalu diucapkan oleh Ahli-Ahli Dewan iaitu berkenaan dengan hubungan negeri dan juga pihak Persekutuan. Sudah pasti selepas 60 tahun, ini kali pertama pertukaran dan peralihan kerajaan di Putrajaya dan selepas 10 tahun ini kali pertama pentadbiran kerajaan negeri Selangor di bawah Pakatan Harapan mempunyai rakannya di peringkat *Federal* juga daripada kerajaan Pakatan. Sudah pasti kita rasa sangat gembira dan kita sangat rasa berbesar hati dan kita dapat menghayati serta memastikan bahawa amaran Federalisma yang baik itu dapat kita amalkan yang akhirnya akan membawa kebaikan dan maslahat kepada rakyat dan penduduk negeri Selangor. Kalau ditanya ada soalan spesifik dalam soalan dewan yang tak sempat ditanya ataupun tak sempat dikemukakan, ada diberi pandangan adakah kerajaan negeri akan mengubah apa-apa pendekatan kita atau dasar kita kepada kerajaan pusat? Sudah pasti tidak sebab daripada dahulu sejak 2008 sampai sekarang dan sampai masa depan selagi ditadbir oleh kita dan sebagainya, kita akan mengamalkan konsep mentadbir dan pengurusan dan bekerjasama dengan kerajaan pusat. Yang masalahnya dahulu beberapa keputusan-keputusan kerajaan pusat yang luar dan abnormal daripada pengurusan biasa. Bermula dengan pelantikan ketua kampung sampailah kepada isu pembangunan di bawah ICU hinggalah kepada penyelesaian isu air yang boleh diselesaikan. Buktinya tak sampai 2 bulan selepas peralihan kerajaan. Bila ada kerjasama, kita boleh selesaikan isu yang tertunggak 10 tahun yang melibatkan 3 Menteri Besar di negeri Selangor ini, *Alhamdulillah*. Saya tak nak ambil kredit bahawa ini kerja saya seorang tapi saya boleh sebutkan bahawa hal ini disebabkan ada kesepakatan, persefahaman dan juga perbincangan yang menang-menang di antara kedua-dua pihak untuk memastikan kita sentiasa mendapat sesuatu yang terbaik untuk negeri kita dan hak kita selaku penyumbang terbesar kepada KDN negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu bila Bukit Lanjan dan ada seorang atau dua orang lagi membangkitkan kemungkinan untuk kita mencari dan mengesan apakah mungkin kita boleh meminta dan memohon dana yang lebih daripada kerajaan Persekutuan, ya sudah pasti betul. Sebab, selama ini sumbangan kepada kerajaan negeri walaupun kita menyumbang lebih 23%, 23% sekarang. Sebelum ini, 22.7%, kali ini 23% tahun 2017. Kadar pertumbuhan kita juga lebih baik daripada *national rate*, dengan izin, ataupun kadar nasional bila kita, kadar pertumbuhan kita 7.1% berbanding dengan kadar nasional 5.9% 2017. Namun begitu, peraturan yang sedia ada daripada pihak negeri dan pihak persekutuan, Perlembagaan Persekutuan menetapkan sumbangan diberikan dalam bentuk peruntukan Marris. Marris, kita pernah menerima RM600 juta, kadang-kadang kita menerima RM450 juta berdasarkan daftar jalan yang telah diberikan antara negeri dan persekutuan. Ada juga peruntukan dalam bentuk sumbangan berdasarkan daripada per kapita namun begitu saya lihat di peringkat federal ada juga sumbangan-sumbangan kepada kerajaan negeri berdasarkan daripada sumber bumi mereka. Sebagai contoh royalti minyak di negeri Terengganu, negeri Sarawak dan juga negeri Kelantan dan juga beberapa buah negeri yang lain. Dituntut dan angkanya sekarang daripada 5% boleh mencecah 20% jika dibenarkan oleh kabinet kerajaan tidak lama lagi.

Namun sebagai sebuah negeri yang menyumbang terbesar 23% saya kira sudah sampai masanya juga untuk negeri Selangor yang menyumbang hasil daripada tenaga dan keringat warganya dan rakyatnya yang rajin bekerja, hasil daripada usaha dan ikhtiar pentadbiran kerajaan negeri memanggil dan mendapatkan pelaburan dan *investment* yang berkualiti kepada negara dan negeri untuk diberikan peruntukan tambahan dan juga peruntukan nilai. Mungkin dalam bentuk insentif tertentu. Mungkin dalam nilai-nilai tertentu yang boleh disumbangkan. Justeru, *InshaAllah*, saya akan bersedia berbincang dengan pihak pentadbiran kerajaan negeri khususnya Pegawai Kewangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memohon lebih dan justifikasinya adalah kerana kita adalah penyumbang terbesar kepada KDNK dan kita penting kepada pembangunan dan juga kemajuan negeri walaupun negeri-negeri lain mempunyai sumber asli mereka seperti minyak dan sebagainya yang dibayar dengan royalti namun bagi saya, tenaga kerja, sumber manusia, modal insan dan juga pembangunan negeri Selangor sama ada dari segi perkhidmatan dan *services* boleh juga dinilai sebagai *contribution* yang patut diberikan timbalan balik oleh pihak kerajaan pusat.

Y.B. TUAN MOHD SANY HAMZAN : Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Boleh tak kalau dikata kita nak tahu berapa sebenarnya peruntukan daripada kerajaan Persekutuan yang sepatutnya diberikan kepada kerajaan dahulu yang dinafikan oleh kerajaan UMNO Barisan Nasional kepada kita kerajaan negeri Selangor sehingga mereka terpaksa menubuhkan Majlis Pembangunan Persekutuan? Terima kasih Timbalan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Kalau ikut yang wajib, kalau ikut yang wajib Yang Berhormat, yang saya sebut tadi terlalu kecil berbanding sumbangan. Bukan maksud dinafikan. Ada yang datang melalui projek-projek pembangunan, melalui ICU sebagai contohnya, Jabatan Perdana Menteri. Sepatutnya kalau sebelum ini, taktiknya mereka akan masuk berbincang dengan pihak kerajaan negeri atau masuk ke kantung kerajaan negeri, sebaliknya mereka membina jajaran lain. ICU mempunyai sistemnya sendiri dan ini saya rasa bertentangan dengan prinsip federalisma yang patut diamalkan *Alhamdulillah* sekali lagi selepas berubah kerajaan mereka bersedia berbincang dan kita akan pastikan setiap saluran program pembangunan dan projek pembangunan kali ini dikawal selia dan diselaraskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri mahupun pihak Setiausaha Kerajaan Negeri supaya tidak berlakunya *redundancy* ataupun berlakunya perkara-perkara yang tidak sewajarnya daripadalah sekecil-kecil program sosial, kampung tercantik, sampailah kepada pembinaan jalan, longkang dan kemudahan-kemudahan fizikal lain kepada rakyat. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itu, bila dibangkitkan oleh pihak pembangkang terutamanya berkenaan dengan apakah benar tentang kemajuan dan pembangunan negeri Selangor ini, benar-benar berlaku ataupun indah khabar dari rupa khususnya bila Ketua Pembangkang membangkitkan dan bertanyakan kepada kerajaan negeri dan ditanyakan di dalam dewan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itu di sini saya ingin kemukakan beberapa fakta yang saya rasa akan menjelaskan keadaan tersebut. *Income* kerajaan negeri pada tahun 2005 adalah berjumlah RM967 juta. Pada tahun 2006, RM1.1 bilion. Pada tahun 2008, *income*

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kerajaan negeri adalah pada RM1.5 bilion. Dan apa sasaran *income* dan pendapatan kita pada tahun 2018? 2018 sasaran kita ialah pada kadar RM2.28 bilion. Apakah pendapatan kita pada tahun 2017? Pendapatan kita, kita sasarkan RM2.5 bilion dan kerajaan negeri mencatatkan lebih kepada RM2.8 bilion. Kalau diukur, jangan nak ukur pakai *percentage*, ikutlah daripada angkanya. Angka pendapatan ini menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat yang kemudiannya bertukar menjadi Pakatan Harapan membuktikan bahawa kita telah menambah *income* negeri lebih daripada sekali ganda berbanding yang telah dijana dan digerakkan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Dan ini sekali gus menolak tohmahan-tohmahan dan tanggapan-tanggapan buruk, cerita-cerita yang khurafat yang telah dibangkitkan sebelum ini bahawa kalau selain parti lain perintah maka bankrap lah negeri kita, maka rosaklah negeri kita, hancurlah negeri kita. Saya masih teringat di kerusi itu, Sg. Panjang yang dahulu, yang dulu betul. Dah 3 kali tukar Sg. Panjang. Dia bangkitkan, kalau bagi air percuma, bagi Skim Mesra Usia Emas, kita laksanakan IPR Merakyatkan Ekonomi, *reserve* kita akan habis, *reserve* kita akan hilang, taraf negeri maju akan hilang. *Alhamdulillah*, kita bukan sahaja kekal sebagai negeri maju malahan kita kekal penyumbang KDNK terbesar kepada negara kita pada kadar 23%. Sebab itu, kalau ditanyakan apa benar atau tidak, angka yang menunjukkan ini adalah angka yang benar, angka ini adalah angka yang betul dan angka ini adalah angka yang diterima dan disahkan oleh Jabatan Audit dan Lembaga Statistik negara. Dan saya percaya dengan kejayaan kita di negeri Selangor dalam tempoh 10 tahun telah memberi gambaran untuk menguja rakyat dan rakyat beralih hati, *oh negeri Selangor yang dulu maju dulu pun dah berubah*, mereka tidak kurang menjadi negeri maju, mereka tidak luntur ataupun tidak hilang status negeri maju, rakyatnya juga mendapat nikmat daripada kemajuan itu dan itulah di antara faktor-faktor yang telah membawa perubahan yang besar di Putrajaya pada 9 Mei yang lalu. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itu bila dibangkitkan pula oleh Ketua Pembangkang, apakah benar kita gagal untuk membangunkan *oh ini dah tak ada beza dah*, adakah pembangunan yang dijana dan digerakkan. Peningkatan *reserve* yang meningkat dengan besar dan juga pendapatan yang besar. Tidak ada bezanya dengan pencapaian Barisan Nasional. Ya, boleh saya katakanlah kalau lihat angkanya, lihat *performance* nya, tak ada beza. Tapi, bezanya apa? Bezanya kita telah mengubah kepada program-program Peduli Rakyat yang kita telah belanjakan dengan cukup besar. Ini yang membezakan kita. Kalau dulu mereka cukup bangga pencapaian 20% lebih sumbang kepada kerajaan Persekutuan. Tapi dulu tidak ada program Pengangkutan Bas Percuma, dulu tidak ada program IPR, dulu tidak ada program Tiusyen Rakyat, dulu tidak ada Program Hadiah Masuk Universiti, dulu tidak ada program TAWAS. Dalam tempoh 3 tahun sahaja kita berbelanja RM1.13 bilion untuk program-program IPR Inisiatif Peduli Rakyat. Saya masih ingat ketika Sijangkang dalam kerajaan, taklimat saya dengan ketua kampung, sampai ke bulan Ogos tahun 2017 yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan negeri semenjak 2008 sampai 2017 adalah sebanyak RM2.6 bilion kepada rakyat dan juga program negeri Selangor dalam bentuk program-program IPR. *This is the difference RM2.6 billion between Pakatan Harapan and Barisan Nasional*. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ialah sedarkah Yang Amat Berhormat bahawa sebelah sana Ketua Pembangkang tidak hadir untuk mendengar ulasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sejak petang tadi. Jadi, adakah itu adalah satu tindakan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai Ketua Pembangkang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Dia jawablah kejam. Dia dah biasa dah begitu dan dia amalkan. Teruskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sg. Panjang.

Y.B. DATO MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Amat Berhormat Sg. Tua dan juga Yang Berhormat Banting. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sg. Tawar ada *urgency*. Dan dia tidak dapat bersama dengan kita pada petang ini, bukan sengaja untuk meninggalkan dewan. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Oh, itu sahaja. Itu boleh bercakap dengan *reporter* dekat luar ni. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tak apa..tak apa. *Never mind*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab itu lah, itu bezanya kita dan ketika ucapan Ketua Pembangkang, mengusik kriteria kita seolah-olah apa yang dibuat oleh kerajaan negeri ini sama dengan BRIM. Bila kita status BRIM itu adalah satu bentuk seperti menggantikan wang itu dengan duit, ia adalah satu yang berbeza kerana kita mempunyai program yang tersusun. Ini yang dipanggil *social safety net*. Bila kita sebut *social safety net*, untuk memastikan mengangkat masyarakat daripada pendapatan B40 kepada golongan pertengahan, kita mempunyai jaringan program-program yang tertentu daripada lahir sampailah kepada mereka yang meninggal dunia. Mungkin ada sebahagiannya program kebajikan tapi program HIJRAH, HIJRAH dalam bentuk pinjaman lebih 50,000 pinjaman telah kita keluarkan. Lebih 46,000 yang terlibat. Kita telah belanja lebih daripada RM400 juta dalam tempoh 3 tahun untuk program-program HIJRAH sebagai contoh. Itu adalah satu yang berbeza daripada program BRIM yang mana BRIM itu untuk dan hasilnya tidak lain dan tidak bukan diperkenalkan untuk mengimbangi apa yang dikatakan program-program IPR dan ternyata akhirnya walaupun dahulu bila kita sebut Inisiatif Peduli Rakyat, Merakyatkan Ekonomi hanyalah dianggap *code uncode populis programme* yang lebih seperti membeli hati orang yang tidaklah menjana pendapatan ekonomi dan menggerakkan ekonomi ternyata perlahan-lahan ditiru. Bila kita buat TAWAS, mereka buat ADAM tetapi terlewat 10 tahun. Bila terlewat 10 tahun, tunggulah *another 10 years* baru nak melihat kesannya dan hasilnya. Sebab itu Ahli Yang Berhormat sekalian, formula dan juga canayah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam merangka dan menggerakkan ekonomi ini sudah pasti sangat penting dan kita akan mengekalkan sebagaimana yang disebutkan oleh Hulu Kelang, nilai integriti dalam pentadbiran itu kita kekalkan dan kita pasakkan menjadi jati diri dan hasrat pentadbiran kita. Sebab itu kalau kita ingat, sewaktu Sungai Pinang sekarang nama apa? Bandar Baru Klang. Dulu nama Sungai Pinang menjadi Speaker Dewan Negeri Selangor, kita tidak buru-buru untuk melaksanakan apa yang dikatakan tentang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

dasar IPR – Merakyatkan Ekonomi tetapi yang boleh dilaksanakan adalah program-program pembaharuan di dalam Dewan, *reform*. Di mana ada institusi *reform* dan institusi *reform* ini ditunjukkan dengan adanya SELCAT dan jawatankuasa-jawatankuasa Dewan yang akan kita lantik pada hari ini. Terbukti jawatankuasa-jawatankuasa itu telah berjaya menjadi satu sudut imbang dan periksa dan Ahli Dewan bukan hanya datang bersidang. Sebab itu bila Hulu Kelang membangkitkan masa bersidang kita. Bagi saya masa bersidang ini mungkin aturcara dan peraturan mesyuarat yang harus kita ikuti. Tetapi dengan adanya jawatankuasa-jawatankuasa nanti, tuan-tuan selaku Ahli-Ahli Dewan yang ada disini boleh bertindak menjadi *Legistator*. Boleh bertindak menjadi penggubal undang-undang, menyemak undang-undang, menyemak polisi Kerajaan Negeri. Setiap hari kalau mahu dalam peraturan-peraturan dan jawatankuasa-jawatankuasa Dewan yang akan dilaksanakan atau pun yang telah dilaksanakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu bila kita melihat sebenarnya ada juga beberapa peranan dan juga perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan usaha-usaha Kerajaan Negeri ini dapat menambah dan meningkatkan hasil kita.

1. Memaksimumkan pemberian yang diterima kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya pemberian penyelenggaraan jalanraya Negeri MARRIS supaya kaedah pembaikan bersesuaian dengan intensiti aliran trafik yang tinggi di Negeri Selangor pada masa kini.
2. Cadangan meningkatkan nilai syiling yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup atau dinamakan tahap. Ini adalah kerana terdapat pertambahan projek-projek yang dikemukakan oleh jabatan seperti JKR, JPS, Pertanian, JAIS dari tahun ke tahun tetapi tidak dapat menuntut secara maksimum walaupun terdapat pertambahan projek akibat daripada nilai syiling yang telah ditetapkan.
3. Cadangan meningkatkan bayaran perkhidmatan 10% kepada penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek Persekutuan kerana kadarnya lebih tinggi. Perkara ini kali terakhir semakan dibuat adalah pada tahun 2016.
4. Cadangan meningkatkan kadar pemberian mengikut kepala atau pun *capitation grant* yang dibayar kepada Kerajaan Negeri berdasarkan unjuran kependudukan tahunan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini.
5. Cadangan tuntutan hasil pampasan daripada penggunaan jajaran lebuhraya melalui kawasan hutan simpan kekal Negeri Selangor daripada pihak Persekutuan.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

6. Menguatkuasakan fee bahan sumber hasil hutan dan perkhidmatan hutan seperti yang terkandung dalam kaedah Hutan Selangor pindaan 2017.
7. Caj fee bagi pokok getah, kelapa sawit dan kelapa dan tanah yang dimiliki oleh tanah Kerajaan sepertimana dalam keputusan Majlis Tanah Negara ke – 71.
8. Untuk mendapatkan bayaran premium yang belum diterima oleh pihak Kerajaan Negeri yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan ke atas tanah yang dibangunkan oleh syarikat konsesi lebuhraya seperti tapak komersial, stesen minyak, restoran, hotel, kedai dan gerai. Perkara ini sedang dalam tindakan Kementerian Kerja Raya. Ini sahaja kita tidak dapat mengutip lebih kurang RM200 juta daripada hasil yang sepatutnya diberikan daripada Kerajaan Pusat di mana R&R dan sebagainya itu ditakrifkan sebagai lebuhraya sedangkan ia bertindak sebagai komersial dan ini sedang juga dituntut oleh pihak Kerajaan Negeri.

Selain itu juga, kita sedang melihat dan mengkaji semula beberapa *income-income* dan hasil yang dapat daripada Kerajaan Pusat sebagaimana contohnya bila kita kehilangan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Pada waktu ini kita menerima pemberian RM18.3 juta setahun untuk perjanjian serahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1974 dan juga kita menerima lebih kurang RM7.5 juta iaitu perjanjian kehilangan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tahun 1995 dan kita juga telah menerima RM200 juta sebelum ini selain RM800 juta. Jadi Dengkil, bila Dengkil bangkitkan, saya rasa agak sebak dan agak sedih sebab dalam faktanya ketika penyerahan Putrajaya kita dapat RM200 juta dan kita dapat juga RM800 juta dan disebutkan di situ bahawa RM800 juta dengan maksud untuk pembangunan kawasan Sepang dan sekitar Putrajaya termasuk Dengkil. Tetapi malangnya pada waktu itu, wang itu masuk di akaun yang disatukan dan wang itu telah siap difaraidkan di seluruh Negeri Selangor. Jadi kalau tidak saya rasa Sepang akan menerima pembangunan. Jadi wang itu telah habis, tetapi tak apa Sepang kita akan cuba tuntutan hal-hal lain untuk bangkitkan atau pun bangunkan kawasan yang ada di kawasan Dengkil, khususnya di pinggiran Putrajaya sebagaimana yang diadakan. Ada satu projek, nanti saya akan masukkan yang telah dibuat daripada sumbangan RM800 juta yang telah dikemukakan sebentar tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam penggulungan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas penghargaan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, yang pernah menjadi Menteri Besar sebelum ini. Ketika beliau telah mengutip dan mengambil kata-kata daripada Thomas Paint, saya suka juga untuk menukilkan kata-kata Edmond Burgh di sini yang menulis dalam *Reflection On The Revolution In France*. Kalau kita nak tahu, Thomas Paint ini mengujakan kepada revolusi Perancis. Edmond Burgh agak stabil menyokong *reform* tetapi setia kepada rajanya. Jadi boleh saya katakan, *to make us love our country, our country out to be lovely*, untuk membuatkan kita menyayangi negeri kita, maka negeri ini wajiblah menjadi negeri yang penyayang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, itulah yang cuba dibentuk dan dihasilkan oleh pihak Kerajaan Negeri dengan menjadi sebuah negeri penyayang. Selepas ini kita akan *move* lagi setapak atau bergerak lagi ke depan dengan melahirkan sebagai sebuah masyarakat yang penyayang. Di mana sifat kasih sayang, pengorbanan dan membantu

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

antara satu sama lain itu tidak hanya menjadi tanggungjawab negeri sebaliknya menjadi amalan dan budaya dalam komuniti kita. Justeru itu, apabila program-program pembangunan dibangkitkan, rakan saya daripada Gombak Setia membangkitkan tentang masjid dan kita telah menemui beberapa pendekatan baru di mana kalau dahulu banyak menumpukan hanya kepada negeri menggunakan segenap peruntukan yang sedia ada. Sebaliknya, sekarang kita juga menggunakan konsep wakaf di mana adanya juga sumbangan komuniti untuk membangunkan di samping Kerajaan Negeri membantu bersama-sama membangunkan masyarakat dan juga komuniti kita bersama. Sementara itu, baiklah saya akan menghuraikan sedikit sebanyak beberapa perkara-perkara yang mungkin telah dibangkitkan secara spesifik di dalam Dewan ini agar kita boleh lebih jelas. Ada dibangkitkan tentang rezab daripada Ketua Pembangkang. Rezab Kerajaan Negeri pada tahun 2005 adalah sebanyak RM813 juta dan rezab itu telah meningkat kepada 75.1% kepada RM1.42 billion pada tahun 2008 dan ini adalah peningkatan yang terbesar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Tua, silakan duduk sebentar untuk memberi laluan, jam menghampiri 4.30 petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul. Dipersilakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawakan suatu usul yang berbunyi "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut Peraturan 11, Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan Dewan".

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Maka saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila katakan "YA".

YA.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila katakan "TIDAK".

Usul ini dipersetujui.

Saya menjemput Yang Amat Berhormat Sungai Tua untuk menyambung.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Bila dibangkitkan tentang rezab, ya kita sebagai sebuah negeri yang maju, yang membangun ada angka pembangunan yang sangat mengujakan. Semua orang bercakap Negeri Selangor sebagai gerbang ekonomi. Namun gerbang ekonomi itu kurang bermakna bagi pentadbiran Kerajaan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Negeri kalau masih ada lagi yang tertinggal, masih ada lagi yang miskin, masih ada lagi yang sukar. Bukan maksudnya kita nak *clear*kan semua, bukan itu agak mustahil. Namun ikhtiar Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Daripada situlah masyarakat penyayang atau pun negeri penyayang itu dapat dilahirkan dan ditunjukkan melalui lebih 40 program-program IPR, Inisiatif Peduli Rakyat yang telah kita laksanakan sehingga kini. Kalau kita lihat berkenaan dengan rezab ini, seterusnya rezab Kerajaan Negeri terus meningkat pada tahun 2015 kepada RM3.26 billion. Rezab pada tahun 2017 adalah sebanyak RM2.84 billion, setelah ia digunakan bagi perbelanjaan pembangunan yang memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara dan juga rakyat. Peningkatan perbelanjaan pembangunan bermula 2015 berbanding tahun-tahun sebelum itu. Tahun sebelum itu iaitu RM781 juta pada tahun 2014 kepada RM1.6 billion pada tahun 2017 dan keperluan perbelanjaan pembangunan ini penting bagi menjana ekonomi negeri ke arah pembangunan sosial ekonomi yang lebih mampan. Peningkatan kutipan hasil bermula daripada 2014 yang saya sebut tadi. Sebanyak RM2.23 billion kepada RM2.8 billion pada 2017 merupakan kutipan yang tertinggi dalam sejarah kutipan kewangan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor telah menggunakan kutipan hasil semasa untuk menampung perbelanjaan mengurus. Di antara komponen terbesar perbelanjaan mengurus bagi tahun 2015 sehingga kini adalah kenaikan syiling Kumpulan Wang Pinjaman Negeri sebanyak RM150 juta iaitu untuk menampung pinjaman bagi pelaksanaan projek-projek di bawah program SMART Selangor *Delivery Unit*, seperti pengurusan sisa pepejal KDEB Waste Management, projek pemuliharaan dan pembangunan sungai-sungai di Negeri Selangor, projek-projek penggantian paip lama serta pelaksanaan program Hijrah yang saya sebut tadi. Hijrah, RM400 juta kita belanja bantu lebih 40,000 orang peminjam, lebih RM50,000.00 pinjaman. Penggantian paip-paip lama kita ada 22,000 kilometer paip-paip lama yang perlu digantikan dan Kerajaan Negeri berbelanja lebih kurang RM500 juta dalam menggantikan paip-paip lama. Itu pun kita hanya dapat ganti sekitar 400 kilometer. Dengan penggantian 400 kilometer tersebut sahaja, kita telah berjaya menurunkan *Non Revenue Water* (NRW) daripada kadar sekitar 35 – 36% kepada 31 - 32%. Satu pencapaian yang baik telah dilaksanakan oleh Air Selangor hasil daripada bantuan dan juga pencapaian kewangan Kerajaan Negeri. Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menampung kenaikan elaun guru KAFA, elaun Iman-Iman pada tahun 2016 dengan jumlah sebanyak RM21.4 juta. Kenaikan emolumen kakitangan awam sebanyak RM20.3 juta berikutan penetapan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Bahagian Bilangan 1 Tahun 2016 iaitu Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia serta pembayaran ganjaran Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri berjumlah RM15.4 juta. Walaupun jumlah kutipan hasil meningkat setiap tahun, ianya tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan semasa. Oleh itu, rezab digunakan apabila jumlah hasil yang dikutip tidak dapat menampung dan memenuhi keperluan mendesak bagi tujuan pembangunan negeri, kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri telah memanfaatkan rezab Kerajaan Negeri berjumlah RM868.52 juta sejak tahun 2015 sehingga kini melalui pelaksanaan projek dan program-program pembangunan. Saya kira dengan penggunaan rezab Negeri yang ditujukan untuk program pembangunan yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat, ini satu tindakan yang cuba untuk menggerakkan ekonomi khususnya dalam kemalapan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

ekonomi dalam tempoh dua tiga tahun kebelakangan ini. Bagi tempoh 2015 hingga 2017 komponen utama perbelanjaan pembangunan adalah bagi menjana ekonomi berjumlah 4 bilion dan sektor sosial adalah berjumlah 1.73 bilion. Antara perbelanjaan aktiviti ekonomi termasuk projek pembangunan bekalan air sebanyak 775 juta. Pembinaan jalan dan jambatan 935 juta dan projek tebatan banjir dan saluran sebanyak 242.49 juta serta pembangunan institusi-institusi kerohanian sebanyak 287 juta dan sebagaimana saya sebut tadi semenjak 2014 sehingga 2017 di mana kita telah mengembangkan program-program merakyatkan ekonomi daripada 13 ke 14 sampailah ke 40 program kita telah berbelanja lebih kurang 1.37 bilion yang dibelanjakan dalam tempoh 3 tahun tersebut. Perbelanjaan ini tidak termasuk inisiatif pengecualian cukai-cukai pintu, rumah kampung dan *fee lesen penaja* 2017 sebanyak 133.05 juta yang ditampung secara kontra dengan peruntukan Ahli-Ahli Majlis. Justeru kalau ditanya secara asasnya adakah Negeri Selangor mempunyai pelan perancangan yang bagus Alhamdulillah. Kita berada di dalam keadaan yang baik. Adakah kita boleh menambah? Ya kita boleh menambah. Adakah kita perlu mencari bahan-bahan baru ataupun nilai ekonomi baru? Ya saya setuju dan ini sedang difikirkan dan *Insyallah* kita akan cuba bentangkan bagaimanakah pelan itu dalam sesi belanjawan pada akhir November nanti. Dan salah satu daripada cara atau kaedah yang paling mudah iaitu dengan menetapkan beberapa hubungan yang baik dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan tidak ada *over lapping* dan *redundancy* dengan izin, tidak ada perkara-perkara yang *redundant* dengan pentadbiran Kerajaan Pusat dan pentadbiran Kerajaan Negeri dan sekali gus kita dapat menguruskan pentadbiran ekonomi kita secara *cause effective* masa depan. Saya terpanggil dengan cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Sabak yang telah membangkitkan bagaimana di Daerah Sabak terutamanya dibangkitkan tentang masalah emolumen Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB). Permohonan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor oleh MDSB pada 15 Ogos 2018 dengan jumlah sebanyak 4.9 juta bagi menampung perbelanjaan emolumen kakitangan dan elaun Ahli-Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam dari bulan Ogos hingga September. Majlis Mesyuarat Kerajaan Yang Ke-25 yang diadakan pada 15 Ogos juga telah bersetuju untuk menampung sejumlah RM4.93 juta bagi pembayaran emolumen kakitangan dan elaun Ahli-Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam bagi tempoh 5 bulan daripada Ogos hingga Disember Tahun 2018. Jadi Yang Berhormat sekalian untuk mengerakkan ekonomi di Sabak ini, saya percaya memerlukan pandangan-pandangan baru dan dengan adanya *West East Coast Expressway* yang akan siap nanti dan beberapa inisiatif *Insyallah* saya akan kemukakan dalam sidang dewan nanti berdasarkan pada keadaan dan isu semasa di kawasan Sabak Bernam, Kuala Selangor sampailah di anjung utara Selangor itu, *Insyallah* Sabak Bernam ataupun Daerah Sabak akan mampu, namun saya ingin menyeru kepada wakil-wakil rakyat, kepada pimpinan-pimpinan Sabak harus bersedia dengan perubahan-perubahan ini. Apabila datangnya proses urbanisasi ataupun perbandaran ataupun proses peningkatan taraf hidup, sudah pasti kita tidak boleh membiarkan dan kena ada perubahan sikap di kalangan masyarakat. Selama ini kita mengekalkan beberapa perkara sebagai contoh. Sebagai contohnya ialah ketiadaan *charge* untuk *parking-parking* di Sabak Bernam. Saya tahu perkara ini cukup sensitif. Tapi kalau untuk kita maju ke depan bagaimana negeri ingin dapat hasil? Saya tahu saya cakap ini mungkin Speaker akan halang saya bercakap.

TUAN SPEAKER : Saya setuju! Saya setuju!

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Namun perkara ini kena dibangkitkan sebab itu apabila saya amati ucapan-ucapan di Dewan, kita kena *fair* dan kita kena adil pada Kerajaan Negeri, kena adil. Maksudnya bila sebut Kerajaan Negeri jangan lagi bayar cukai, tak boleh lagi, kita kena kurangkan lagi. Di saat kita kena kurangkan lagi hasil kita, anda semua minta kita tambah lagi kepada rakyat. Ini sukar, ini sukarnya sebagaimana sukarnya kita meningkatkan kadar kesuburan Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya hendak *share* kat sini, di saat di Negeri Selangor ini semuanya meningkat, ada satu yang turun iaitu kadar kesuburan di Negeri Selangor, itu satu. Kadar kelahiran disebutkan juga kadar kesuburan. Ia pada kadar 1.7% lebih rendah daripada kadar Nasional 1.9% dan Speaker menyumbang kepada kadar itu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu, ini perbandingan maksudnya kalau kita tidak pecahkan ruyung mana dapat sagunya. Kalau kita tidak berusaha mana dapat hasilnya. Jadi kena ada timbang rasa itu. Kena ada timbang dan rasa di saat kita hendak tambah lagi setiap program, kita juga kena ada rasionalnya kerana bertahun-tahun kita biarkan. Saya bukan maksudnya ini petanda kita hendak naikkan cukai, tidak. Tapi Kerajaan Negeri kena menimbang sebab kali terakhir sekitar 2006 2007 puluhan tahun dah kita tangguh sedangkan di tempat-tempat lain ada peningkatan-peningkatan. Kita dah puasa dah, jimat dah jimat. Kalau lihat peruntukan jabatan-jabatan tiap-tiap tahun apa yang diminta itu bukan kurang separuh, mereka hilang hampir 2 /3 permohonan belanjawan untuk pengurusan sebab kita hendak tumpukan pembangunan dan menguruskan ekonomi negeri walaupun belanjawan kita agak besar. Ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu saya berharap agar bila Y.B Sungai Pelek membangkitkan Yang Berhormat cadangan rizab negeri untuk digunakan sepenuhnya untuk pembangunan negeri, ya kita menyambut baik gunakan tapi dalam masa yang sama kita juga berhati-hati nak elakkan pembaziran, nak elakkan perkara-perkara yang tidak sewajarnya yang akhirnya akan menyebabkan kita tidak ada *safety* ataupun tidak ada penampungan jika berdepan dengan masalah-masalah ekonomi dan isu-isu yang dibangkitkan di masa kelak atau masa depan. Terima kasih, itu yang pertama saya rasa dari segi ekonomi.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Minta celah boleh? Terima kasih Tuan Speaker. Saya amat setuju Dato' Menteri Besar katakan kita perlu orang kampung ke orang di mana-mana pun ada sikaplah untuk berubah. Saya bagi satu contoh macam Pulau Ketam, saya difahamkan masih sampai sekarang dia masih belum ada *title* dan sebagainya. Kalaulah...

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat ini bukan masa untuk memberi andaian dan kesimpulan..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Cadangan boleh?

TUAN SPEAKER : Saya nak minta kalau ada pertanyaan terus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terus kalau tidak saya tidak akan benarkan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Ada, ada. Saya nak tanya Pulau Ketam. Saya difahamkan Pulau Ketam dia tidak ada *tittle*, dia T.O.L pun macam tak ada. Jadi kalau perancangan..

TUAN SPEAKER : Ini perkara Yang Berhormat Sungai Pelek, Yang Berhormat Sungai Pelek ini perkara yang tidak dibahaskan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Saya nak tanya..

TUAN SPEAKER : Ini perkara baru, tidak adil untuk Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk jawab pada..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tapi ini ada kaitan dengan..

TUAN SPEAKER : Saya rasa tarik baliklah yang itulah yang lain..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Ini ada berkaitan dengan apa yang dikatakan tadi Dato' Menteri Besar tadi sikap kena berubah itu, ada berkaitan. Saya bagi contoh Pulau Ketam. Kalaulah adakah saya nak tanya Kerajaan ada pelan ataupun rancangan memberi *tittle* kepada Pulau Ketam supaya mereka boleh menaikkan taraf itu maksud saya. Jadi pada masa yang sama saya diberitahu ada orang yang di Pulau Ketam dia tidak mahu bermakna kalau ada *tittle* tersebut dan sebagainya dia ada masalah..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya rasa ini tidak relevanlah. Yang Berhormat duduklah. Yang Berhormat duduklah. Saya bagi laluan terus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Okaylah, saya rasa ada relevanlah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tak apa, secara prinsipnya saya rasa sangat jelas. Di saat kita inginkan program rakyat, kerajaan menyantuni rakyat, ia akan mengeluarkan kos yang besar. Saya sebut 3 tahun sahaja kita belanja 1.3 bilion.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Sebelum itu 2.6 bilion maknanya lebih daripada berapa? 4 bilion dah, hampir 4 bilion kita belanjakan untuk program-program Merakyatkan Ekonomi yang kemudiannya kita namakan IPR. Dalam masa yang sama kita tidak dapat lebih hasil disebabkan tidak ada tambahan daripada Kerajaan Persekutuan, itu *Inshaallah* kita akan aturkan termasuk juga menuntut kembali 425 juta wang yang kita belanjakan untuk membina Jambatan Ke-3 Raja Muda yang sebenarnya tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini sebut bila kita baik tidak semestinya kita hendak serah semua percuma macam pantun-pantun cinta

“ Terik mentari tidak terkata
Tetap menuai si padi huma
Sehangat mana kasihnya kita
Tidak semua kuberi percuma “

Jadi kalau itu kita buat walaupun baiknya kita dengan Kerajaan Pusat kita akan tetap menuntut hak kita sebagaimana hak kita sebagai rakyat dan warganegara Malaysia. Saya minta kita kesepakatan pembangkang dan kerajaan kerana yang penting akhirnya kita akan dapat memperoleh hasil dan juga nikmat kepada rakyat dan masyarakat di dalam negeri kita. Tak apa itu nanti kita akan ikuti semua pandangan termasuk Pulau Ketam dan sebagainya dan kita akan menuntut hak itu sesuai dengan carta dan hak Perlembagaan yang ada di dalam negeri. Sementara itu kita juga kena berhati-hati. Saya ikut juga selepas satu perkara iaitu hubungan *federal* dan Kerajaan Negeri satu perkara yang agak lazim dibangkitkan di dalam Sidang Dewan kali ini iaitu berkenaan dengan kecenderungan untuk kita berhati-hati tentang penggunaan alam sekitar dan kesan kepada alam sekitar. Ini satu perkembangan yang sangat sihat dan satu perkembangan yang sangat maju dan ia selaras dengan cita-cita kepada Kerajaan Negeri ke arah pembangunan lestari ke arah pembangunan yang *sustainable* dan *Inshaallah* sebab itu Kerajaan Negeri walau bagaimana sekalipun kita kekal mengekalkan konsep pembangunan yang rancak dan dalam masa yang sama kita kekal menjaga hutan-hutan kita sebab itu kita masih mempunyai rizab hutan lebih daripada 30% ataupun 34% walaupun kita merupakan negeri paling maju dan paling membangun di Malaysia ini. Dan kita harus kekalkan prinsip-prinsip itu jadi saya bangkit dan saya dengar pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan kitar semula termasuk daripada Sijangkang dan ini saya bangkitkan sendiri sebenarnya dalam Mesyuarat-Mesyuarat EXCO sebelum perkara itu terkeluarkan pun di dalam media, saya dah bangkitkan supaya kita mengambil tindakan walaupun sedikit lewat tapi *Inshaallah* kita akan pastikan kita tak akan benarkan sebarang pencemaran-pencemaran yang akan merosakkan alam kita yang kita akan wariskan kepada anak-anak cucu cicit kita di masa depan.

TUAN SPEAKER : Ya celahan yang terakhir.

Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya masih ada kerisauan lagi disebabkan oleh kilang-kilang kitar semula ini sama ada kilang haram ataupun kilang yang dapat kelulusan. Adakah pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak Jabatan Alam Sekitar membuat analisa udara sama ada kilang-kilang ini menghasilkan udara membahayakan kita ataupun tercemar kerana sebagai mana yang saya katakan laporan daripada WHO 9 daripada 10 di global sekarang ini menghidu udara yang tercemar dan ini menyebabkan 11.7 bilion kematian disebabkan oleh masalah pencemaran udara ataupun 11.6 secara keseluruhan kematian dan pagi tadi kita mendengar penggulungan daripada Bandar Baru Klang bahawa Dasar Kerajaan Negeri hanya membenarkan kilang kitar semula untuk plastik-plastik kitar semula dalam Negeri Selangor ataupun dalam negara. Tetapi hari ini yang digambarkan kepada kita begitu banyak yang ditunjukkan melalui gambar-gambar ini begitu besar jumlahnya sampah kitar plastik kitar semula yang mana AP nya telah diluluskan begitu cukup besar dan dihentikan 3 bulan kemudian dan sekarang ini disambung semula. Apakah bentuk pemantauan daripada Kerajaan Negeri untuk menghalang plastik-plastik daripada luar negara yang akhirnya lambakan di Negeri Selangor yang mana kita mempunyai dasar hanya membenarkan plastik kitar semula daripada negara kita. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Saya hendak tegaskan kembali sebenarnya bila dia melibatkan plastik-plastik daripada luar kita akan pastikan perkara itu tidak akan berlaku dan sebarang lesen tidak akan dibenarkan maknanya bila ada aduan-aduan yang dibangkitkan maknanya ketika isu itu berbangkit itu sekitar seminggu dua minggu sahaja memberi kesan apabila viral di laman-laman sosial dan kita telah ambil tindakan dengan segera dan kita akan ambil tindakan dengan tegas. Kebocoran ammonia juga akhirnya kita dapati kilang tersebut tidak mempunyai lesen untuk menyimpan ammonia dan sebagai mana yang saya sebut pagi tadi sebahagian isu-isu ini melibatkan kerjasama semua pihak untuk membuat satu operasi bersepadu. Ia tidak boleh hanya ditanggung kepada Jabatan Alam Sekitar, apatah lagi kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Kerana Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai limitasi yang tertentu. Namun begitu kita bersedia menerima sebarang arahan-arahan dan juga menerima sebarang isu-isu yang berbangkit untuk menangani isu dan persoalan ini. Malahan apabila datang kepada kita satu pelaburan yang sangat besar, pelaburan untuk membuat kertas daripada kitar semula. Kita juga sedang menilai dasar persekutuan dan projek persekutuan. Walaupun nampak baik sumbangannya juga agak besar kita jugak menilai kerana kita ingin pastikan aspek alam sekitar dan penjagaan alam sekitar ini dapat dipelihara, dapat dijaga dan kita dapat kekalkan alam sekitar yang kita cintai ini dan kita sayangi ini untuk anak cucu cicit kita. Mungkin

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

jawapan saya kurang jelas Yang Berhormat. Saya faham sebab ia melibatkan pelbagai STANCO dan lapisan tapi *commitment* Kerajaan Negeri jelas bahawa kita tidak akan membenarkan pembukaan kilang kitar semula dan menjadikan negeri kita sebagai tempat longgokan sampah daripada negeri-negeri luar yang tak nak melabur dan mengitar semula sampah-sampah yang dibangkitkan tadi. Itu satu pendirian yang saya rasa sangat jelas. Akhirnya, sesuai dengan tugas saya jugak pada waktu sama saya sedang memangku tugas daripada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, saya ingin memberikan maklum balas terhadap beberapa pandangan-pandangan dan juga isu yang ditimbulkan berkenaan dengan kandungan kuliah di masjid-masjid dan juga berkenaan tauliah yang telah dikeluarkan dan juga berkenaan dengan kebenaran di kalangan ahli-ahli politik untuk menyampaikan kuliah-kuliah di masjid. Baik, saya terangkan secara prinsip. Secara prinsipnya kita menjunjung kasih di atas Titah DYMM Tuanku yang mengharapkan semoga masjid-masjid yang ada di Negeri Selangor ini dijaga dan dipelihara daripada menjadi medan kebencian dan medan membenci antara satu sama lain. Apatah lagi untuk membangkitkan semangat sentimen politik antara satu sama lain. Justeru itu pandangan yang sangat jernih ini yang mana kita berharap masjid menjadi pusat kesatuan umat, masjid menjadi pusat pertemuan semua umat Islam, dapat kita kekalkan. Justeru pada pandangan tersebut jika ada kes-kes yang terlibat boleh dilaporkan dan bagi pihak Yang terhormat- yang terhormat pertamanya yang sebelum ini mempunyai tauliah, yang sebelum ini mempunyai tauliah pihak Jabatan Agama Islam berpandangan daripada masa ke semasa bolehlah mendapatkan kebenaran daripada pihak Pejabat Agama kerana kita tidak mahu menjadikan tradisi ni sangat akhirnya nanti lesen mudah nak menjadi penceramah di masjid ialah dengan menjadi Ahli Dewan Negeri. Kalau sebelum ni ada tauliah tak apa. Jalankan laksanakan tugas selaku Wakil Rakyat. Banyak perkara yang perlu ditangani, banyak polisi yang harus kita lihat. Ada masa untuk ke masjid menjadi medium, sebagai medium penyampaian, boleh dipohon dan saya kira dengan ilmu yang ada pada saudara-saudara sebagai pendakwah atau tahfizah sebelum ini boleh dimanfaatkan untuk kebaikan masyarakat dan golongan semuanya. Saya dalam pertemuan dengan pihak Jabatan ataupun Lembaga Muzakarah, muzakarah dengan Lembaga Fatwa Negeri Selangor. Saya mengambil maklum terhadap beberapa perkara. Antara perkaranya ialah kebangkitan ajaran-ajaran yang membangkitkan keresahan dalam masyarakat. Amalan politik dan juga amalan-amalan ajaran yang ekstrim yang menggalakkan kepada keganasan seperti DAISH, seperti ISIS, haruslah kita bendung. Justeru itu saya menyarankan kepada mereka dan In sha Allah ini akan diteliti oleh pihak Jabatan Agama Islam supaya masjid-masjid dan surau-surau di Negeri Selangor meletakkan beberapa buku-buku ataupun kitab-kitab yang wajar dan layak dibincangkan dan dibahaskan di masjid dan surau-surau. Ketika kita berdepan dengan ancaman-ancaman aqidah sebagai contoh, bila saya tanya dengan Jawatankuasa Fatwa atau Jabatan Agama Islam, kita belum mewajibkan Kitab Ahli

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Sunnah Wal Jamaah ataupun SUNYI yang menjadi amalan majoriti di negeri ini untuk diajarkan kepada publik dan komuniti. Ini saya rasa boleh dipandangkan kerana saya percaya dalam sudut agama ini yang paling pentingnya adalah pendidikan kepada rakyat dan umat berbanding dengan menggunakan kekerasan apatah lagi menggunakan paksaan. Dan inilah satu perkara yang mungkin boleh diteliti oleh Jabatan Agama termasuk perkara-perkara lain, berkenaan dengan Fekah, Muamalat, Munakahat dan sebagainya yang boleh diajarkan boleh mencadangkan kitab-kitab tertentu yang boleh diamalkan dan diajarkan dan saya pasti JAIS mempunyai senarai kitab yang Muktabar yang boleh diajarkan diperingkat masjid-masjid dan surau-sarau. Yang Berhormat sekalian, Gombak Setia, Sg. Kandis, Jeram dan Kota Damansara masing-masing membangkitkan isu berhubung pembinaan masjid. Terima kasih kepada Gombak Setia yang membangkitkan berhubung Masjid Sg. Cincin. Pihak JAIS mengambil maklum berkaitan sejarah pembinaan masjid tersebut yang diasaskan oleh ulama tersohor dan akan memberi perhatian terhadap keadaan masjid tersebut, seterusnya mengambil tindakan sewajarnya untuk baik pulih berdasarkan keperluan kariah. Seterusnya pihak JAIS mengambil maklum berhubung permohonan untuk membina masjid di Kampung Sg. Pusu dan Bandar Puteri Klang buat masa ini. Cadangan tersebut akan dimasukkan dalam rancangan-rancangan Malaysia selepas Rancangan Malaysia ke 11. Berhubung permintaan Sg. Kandis untuk menambah masjid di Jalan Kebun Kerajaan Negeri baru sahaja selesai membina Masjid baru di Jalan Kebun pada tahun lepas. Justeru pembinaan masjid baru bukanlah keutamaan terutamanya pada pandangan perancangan Jabatan Agama Islam untuk pembinaan masjid. Bagi pembinaan masjid Kota Damansara 2, Seksyen 9 dan masjid di Subang Bistari, pembinaannya akan mula dilaksanakan pada tahun depan untuk Kota Damansara. Berhubung tapak surau yang tidak didirikan. Surau, dasar semasa yang digunapakai di Kerajaan Negeri Selangor ialah pihak pemaju disyaratkan menyediakan tapak-tapak kemudahan awam termasuk tapak surau mengikut piawaian yang disediakan. Walau bagaimanapun bangunan tersebut tidak menjadi syarat. Ia merupakan tanggungjawab komuniti tapi bagi pembangunan kediaman bertingkat dan perniagaan ruang kemudahan surau perlu disediakan oleh pihak pemaju – pemaju. Tentang guru-guru tahfiz dan guru-guru KAFA,

TUAN SPEAKER: Ya Sg. Kandis

Y.B.TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI: Permohonan daripada Jalan Kebun bukan pembinaan tetapi pembesaran. Jadi harap dapat pencerahan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR: Sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita baru membina satu masjid yang baru kemungkinan pada pandangan pihak perancang melihat kedua-dua tapak ini cukup. Mungkin ada tapak faktor keselesaan untuk pembesaran dan sebagainya. In sha Allah kita akan sedia

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

mengambil kira pandangan Sg. Kandis untuk melihat pembesaran terhadap cadangan yang telah dikemukakan kelak.

Y.B.TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Celahan

TUAN SPEAKER: Ya Jeram

Y.B.TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Berkenaan dengan tapak surau tu seperti mana yang dikatakan oleh YAB Menteri Besar kalau tidak disyaratkan kepada pemaju dia akan memberikan bebanan kepada Kerajaan Negeri di mana penduduk akan bertanyakan kepada Wakil Rakyat untuk menyediakan kemudahan itu. Jadi sekiranya kita memberikan syarat saya yakin dan percaya sebelum-sebelum ini memang developer telah menyediakan kemudahan itu. Saya nampak pembangunan yang sekarang iaitu development-development ataupun taman-taman yang baru hanya disediakan tapak sahaja. Jadi saya rasa dengan kuasa yang Kerajaan Negeri ada jadikan ia sebagai satu syarat yang wajib supaya tidak membebankan Kerajaan Negeri sebab dia akan mengambil kira kos pembinaan sekiranya ADUN memohon kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR: Saya sedia untuk berbincang dengan pihak Perancang khususnya di pihak Majlis-majlis Tempatan untuk maksud tersebut. Namun begitu saya juga mengambil maklum kadang-kadang tapak-tapak ini biar dibiarkan untuk *other flexibility* dengan izin. Bukan maksudnya kita nak ambil dan sebagainya. Kadang-kadang ada mungkin tapak ini tapak untuk dewan, tapak untuk surau. Tapi daripada segi *locality* nya selepas jalan disiapkan, selepas ada penduduk terutamanya ia akan lebih dekat dengan komuniti dan *locality*. Sebagai contoh di satu bahagian dan di satu lorong utara di satu kawasan, di sana lebih banyak orang Islam dan di sanalah disediakan tapak dewan. Tapi lebih sesuai dibina tapak masjid dan surau. Mungkin faktor-faktor ini telah diambil kira sebelum ini. Namun begitu saya menyokong kalau ia benar-benar diperlukan dan saya tahu di saat ini tapi biasanya untuk pembinaan-pembinaan surau dan masjid ini kita akan, kita akan bersedia untuk merangka dan bersedia untuk berbincanglah. Sebab itu antaranya bila Lembaga Wakaf Negeri Selangor sebagai contoh yang telah mengusulkan share profit ataupun bukan share profit, share pembinaan, share bajet kita untuk membina masjid-masjid ini jadi saya anggap ini satu pendekatan yang baik dan mungkin untuk kemajuan dan pembangunan surau-sarau ini kita boleh bincangkan dengan Lembaga Wakaf Negeri Selangor untuk membina rumah-rumah ibadat terutamanya surau bagi komuniti Islam. Dan kadang-kadang *locality* itu menentukan. Kita ada perancangan tapi akhirnya kalau 80% penduduk di sana bukan beragama Islam akhirnya surau itu tidak akan berfungsi dan digunakan dengan baik. Itu mungkin beberapa perkara yang harus dipertimbangkan. Tadi juga dibangkitkan oleh Sg.Kandis berkenaan dengan sekolah-sekolah Tahfiz. Sebenarnya dalam Negeri Selangor kita ada lebih kurang 300 sekolah-sekolah Tahfiz dan melalui persatuan Tahfiz Negeri Selangor, PITAS, kita telah berhasrat merangka dan merancang bersama-sama mereka untuk pendaftaran sekolah-sekolah Tahfiz di Negeri Selangor. Setakat ini yang kita kesan lebih daripada dua ratus lebih, hampir tiga ratus sekolah-sekolah telah berdaftar dan ada 54 sekolah

lagi yang belum didaftar di Negeri Selangor dalam senarai yang telah dikenalpasti oleh PITAS dan oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan pendaftaran dari sekolah-sekolah ini In sha Allah kita sedang menyelenggara pula, menyusun pula dengan pihak majlis-majlis tempatan, pihak kesihatan dan jabatan-jabatan tertentu untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah-sekolah Tahfiz ini selamat dan boleh digunakan mengambil pengajaran daripada kes kebakaran yang berlaku di Keramat dalam tempoh beberapa tahun yang lalu. In sha Allah kita akan menguatkuasakan peraturan kita namun sebagai sebelum itu kita akan memastikan semuanya akan diberitahu dan dimaklumkan apa kelengkapan-kelengkapan keperluan kepada mereka terutamanya untuk memastikan sekolah-sekolah agama atau sekolah-sekolah tahfiz ini betul-betul sempurna dan baik boleh digunakan pada masa ini. Keduanya, saya juga mengambil maklum usaha yang telah dilaksanakan oleh Universiti Selangor ataupun UNISEL. Membuat program-program tertentu dengan pelajar-pelajar sekolah tahfiz. Daripada maklumbalas yang telah dikemukakan, ternyata mungkin kita boleh merancang, pada ketika ini ada dekat tujuh belas ribu lebih tujuh belas ribu enam ratus kalau tidak silap saya angkanya yang penting tujuh belas ribu lebih, angka-angka pelajar-pelajar sekolah tahfiz yang belajar di negeri Selangor. Ini satu perkara yang kita harus teliti kerana tujuh belas ribu ini sebahagian besarnya akan menjadi hafuz hufaz ataupun hafiz Al-Quran tapi dalam masa yang sama juga mereka tertinggal beberapa aspek pendidikan seperti peperiksaan SPM dan PMR. Jadi In sha Allah kita akan meneliti persoalan ini bagaimana usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak UNISEL sebelum ini, kesannya dan mungkin kita boleh munafatkan supaya adanya keseimbangan kepada pelajar-pelajar sekolah tahfiz ini di mana mereka juga menjadi hafiz Al-Quran mereka juga mendapat pendidikan duniawi dan kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran bahasa dan kemahiran penggunaan teknologi yang sangat diperlukan pada masa kini. Akhirnya saya ucapkan lagi terima kasih kepada seluruh ahli-ahli Dewan yang membangkitkan tentang persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Mungkin ada perkara-perkara yang tidak sempat untuk saya kemukakan saya akan sampaikan secara bertulis. Sebahagiannya berkenaan dengan sukan, belia dan sebagainya. Sebahagian besarnya sebenarnya saya dah jawab dalam sesi-sesi ucapan, sesi jawapan sebentar tadi dan In sha Allah ini adalah sebagai tanda kasih sayang kita kepada DYMM Tuanku Sultan di atas titah baginda dan apa yang kita bincangkan pada hari ini In sha Allah akan menjadi salah satu lagi platform ataupun pelantar untuk kita meneruskan kecemerlangan dan pembangunan Negeri Selangor. Terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli yang berhormat sekalian, adapun di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua Pembukaan Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor pindaan 2018. Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya memperincikan mengenai fasal-fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini izinkan saya terlebih dahulu memberikan serba sedikit gambaran berkenaan dengan latar belakang pindaan yang dicadangkan. Betul ya? Susulan daripada pernikahan yang melibatkan seorang kanak-kanak warga negara Thailand yang berumur 11 tahun dengan pasangannya yang berwarganegara Malaysia berumur 41 tahun. DYMM Sultan Selangor telah menitahkan Majlis Agama Islam Negeri Selangor, MAIS untuk mengkaji semula had umur minimum untuk perkahwinan bagi orang Islam di negeri Selangor. Secara perbandingan di Malaysia had umur minimum perkahwinan bagi orang bukan beragama Islam di bawah akta memperbaharui undang-undang perkahwinan dan penceraian 1976 adalah 18 tahun bagi laki-laki dan perempuan tetapi dengan syarat perlu mendapatkan lesen untuk berkahwin kepada Ketua Menteri dalam konteks akta memperbaharui Undang-undang Perkahwinan Dan Penceraian. Ketua Menteri ditakrifkan sebagai Ketua Menteri atau Menteri Besar sesuatu negeri bagi Wilayah Persekutuan ertinya Menteri bagi Kedutaan Suruhanjaya Tinggi, Pejabat Konsulat Malaysia ertinya Duta Pesuruhjaya Tinggi dan Konsul Malaysia masing-masing. Bagi orang Islam, undang-undang yang terpakai bagi hal perkahwinan di bawah umur adalah enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri bagi negeri Selangor seksyen 8 enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 telah menetapkan bahawa umur minimum perkahwinan bagi lelaki Islam adalah tidak kurang daripada 18 tahun manakala bagi perempuan Islam yang berumur tidak kurang daripada 16 tahun. Walau bagaimanapun perkahwinan di bawah umur minimum masih boleh dibuat dengan syarat perlu mendapat kebenaran daripada Hakim Syarie di bawah seksyen 18 enakmen tersebut. Berdasarkan kajian yang dibuat pernikahan melibatkan kanak-kanak di bawah umur adalah fenomena global yang berlaku di seluruh dunia. Terdapat beberapa negara yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak secara total. Namun begitu masih terdapat beberapa buah negara yang membenarkan pernikahan di bawah umur selain daripada Malaysia. Negara-negara itu ialah Indonesia, Pakistan, Brunei, India, Algeria dan Afrika. Walau bagaimanapun had minimum bagi setiap negara adalah berbeza-beza. Di Selangor Pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor merekodkan sebanyak 419 permohonan pernikahan bawah umur dari tahun 2013 hingga tahun 2018 Jun 2018. Daripada jumlah 419 permohonan tersebut hanya sebanyak 355 permohonan telah dibenarkan oleh mahkamah syariah dalam negeri Selangor. Manakala Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia merekodkan sebanyak 6,268 kes perkahwinan bawah umur orang Islam di seluruh negara dari tempoh 2010 hingga 2015. Bagi tempoh yang sama rekod Jabatan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Pendaftaran Negara, JPN telah mencatatkan sebanyak 2,775 kes perkahwinan bawah umur untuk orang bukan Islam. Menjunjung titah DYMM Sultan Selangor, maka awal Julai 2018 satu perbincangan telah dilaksanakan di bawah anjuran Jabatan Kehakiman, Majlis Agama dan JAIS melibatkan pelbagai agensi kerajaan Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan, Jabatan Pendakwaan Syariah, Jabatan Mufti, Ahli-ahli Akademik dan NGO, perbincangan ini bertujuan untuk membicarakan isu pernikahan bawah umur secara mendalam dan mencadangkan kaedah penyelesaian bagi menangani isu yang terbabit. Secara ringkasnya resolusi perbincangan tersebut adalah seperti berikut :-

- i) Pernikahan kanak-kanak di bawah umur adalah suatu yang diharuskan oleh hukum syarak.
- ii) Tindakan bagi mengharamkan pernikahan kanak-kanak di bawah umur adalah tidak selaras dengan syarak.
- iii) Terdapat keperluan bagi meminda had umur minimum kanak-kanak bagi perempuan yang berumur 16 tahun kepada 18 tahun selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah akta kanak-kanak 2001.
- iv) Terdapat keperluan bagi memperkemas dan memperketat prosedur serta tatacara permohonan pernikahan yang melibatkan kanak-kanak bawah umur.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suatu kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh MAIS, juga telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2018, yang memaklumkan keputusan MAIS untuk meminda had umur minimum perkahwinan dan beberapa peruntukan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri Selangor 2003 selaraskan dengan resolusi perbincangan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat Speaker, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda beberapa seksyen dan memasukkan seksyen baru dalam enakmen rang undang-undang keluarga Islam negeri Selangor 2003. Cadangan pindaan yang dibuat adalah untuk memperkemas dan memantapkan lagi tatacara berkaitan permohonan kebenaran berkahwin yang melibatkan permohonan di bawah umur 18 tahun. Secara asasnya pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

- a) Fasal 1, rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuatkuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2, rang undang-undang bertujuan untuk meminda umur minimum bagi perkahwinan seorang perempuan daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Berdasarkan kemaslahatan semasa untuk memastikan kebajikan perempuan di bawah 18 tahun dipelihara. Peruntukan ini juga selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah akta kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan bahawa kanak-

kakak ialah seorang di bawah umur 18 tahun. Penetapan umur ini juga tidak bercanggah dengan hukum syarak. Berdasarkan kepada kaedah fiqah, tasarruf al-iman A'laa Arrokyat munuutun bil al maslahah yang bermaksud tindakan pemerintah ke atas rakyatnya tertakluk kepada kepada masalah. Oleh itu, peruntukan itu menepati prinsip-prinsip siasah syariah. Ini juga menghindari kemudaratan berdasarkan kaedah fiqah iaitu darul mafasid, muqaddom alaajal al masalih yang bermaksud menghindari keburukan lebih diutamakan daripada membawa kebaikan.

Fasal 3, rang undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 8A ke dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri Selangor 2003 yang berhubungan dengan tatacara permohonan kebenaran untuk berkahwin bagi lelaki dan perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun. Fasal ini juga memperincikan kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi oleh pemohon dan Mahkamah Syariah sebelum satu kebenaran untuk berkahwin dikeluarkan. Kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun. Peruntukan ini menekankan keperluan bagi ibu bapa atau penjaga bertindak sebagai pemohon bagi pihak kanak-kanak yang berumur minimum hendaklah disertakan dengan suatu affidavit oleh ibu bapa atau penjaga. Ini adalah selaras dengan kehendak seksyen 24 enakmen tatacara Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 yang menyatakan bahawa mana-mana yang tidak berkeupayaan termasuk kanak-kanak yang belum mencapai umur dewasa hanya boleh membawa tuntutan di mahkamah melalui penjaga ataupun **intermnya**. Dalam permohonan pernikahan yang melibatkan lelaki ataupun perempuan yang berumur di bawah 18 tahun di Mahkamah Syariah ini hanya salah seorang iaitu ibu atau bapa atau penjaga kepada lelaki dan perempuan itu diperlukan untuk memulakan tindakan melalui suatu notis permohonan. Ini bagi membolehkan permohonan difailkan. Walaupun salah seorang ibu bapa tidak dapat dikesan atau enggan memberikan kerjasama terhadap permohonan perkahwinan yang dicadangkan. Notis permohonan di Mahkamah Syariah itu hendaklah disertakan bersama dengan affidavit sokongan ibu bapa atau penjaga kepada lelaki dan perempuan yang berumur di bawah 18 tahun itu. Selain itu, affidavit sokongan daripada bakal isteri kepada lelaki itu atau bakal suami kepada perempuan itu juga perlu disertakan bersama dengan permohonan kepada Mahkamah Syariah yang mana affidavit itu hendaklah menyatakan alasan-alasan perkahwinan. Kemampuan daripada segi kesihatan dan kemampuan untuk memberi nafkah juga pernyataan sama ada dirinya pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah ataupun tidak. Selepas Mahkamah Syariah, menerima permohonan untuk perkahwinan daripada lelaki dan perempuan yang berumur di bawah 18 tahun itu mahkamah hendaklah mengeluarkan perintah bagi tujuan mendapatkan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

laporan-laporan berkaitan dengan permohonan tersebut seperti laporan kesihatan bagi lelaki dan perempuan yang berumur di bawah 18 tahun bersama pasangan masing-masing. Laporan sosio ekonomi lelaki dan perempuan yang berumur di bawah 18 tahun itu dan rekod jenayah lelaki atau perempuan yang berumur di bawah 18 tahun itu bersama pasangan masing-masing daripada jabatan-jabatan kerajaan iaitu seperti Hospital Kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia. Sebagai menjamin ketelusan dan mengendalikan permohonan untuk perkahwinan tersebut mahkamah hendaklah mengadakan siasatan dengan memanggil semua pihak yang terlibat dalam perkahwinan yang dicadangkan itu termasuk ibu bapa penjaga bakal isteri atau bakal suami kepada lelaki ataupun perempuan yang berumur di bawah umur 18 tahun bagi mengesahkan maklumat yang didapati dari laporan tersebut dan mahkamah hendaklah menentukan sama ada mereka patuh dan layak dilangsungkan perkahwinan. Fasal ini juga memberi kuasa kepada mahkamah syariah untuk memanggil mana-mana orang yang berkaitan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir di Mahkamah Syariah bagi memberikan keterangan berkaitan dengan permohonan sebagai rujukan kepada mahkamah syariah dalam pertimbangan suatu permohonan itu. Fasal ini juga menetapkan dalam pertimbangan untuk memberikan kebenaran untuk berkahwin Mahkamah Syariah hendaklah mengutamakan kebajikan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun itu supaya perkahwinan tersebut tidak akan menyebabkan kemudaratan kepada lelaki dan perempuan itu. Selanjutnya fasal ini juga memberi kuasa kepada mahkamah syariah untuk memerintahkan lelaki atau perempuan yang berumur di bawah umur 18 tahun untuk menghadiri sesi rundingan cara kekeluargaan sebagai persediaan menghadapi alam perkahwinan dan seterusnya pada masa yang sama menentukan pembayaran nafkah oleh bakal suami kepada perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun itu selepas perkahwinan itu untuk mengeluarkan apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar untuk menjaga kebajikan lelaki ataupun perempuan berumur kurang daripada 18 tahun itu.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 18 dengan memasukkan rujukan kepada seksyen baru 8a ke dalam subseksyen 18 (2) enakmen no.2 tahun 2003 selaras dengan perwujudan seksyen baru 8a itu.

Fasal 5 memperkatakan peruntukan pengecualian yang mana peruntukan tersebut memberikan kebenaran bagi prosedur yang sedia ada diguna pakai bagi mana-mana permohonan untuk perkahwinan di bawah umur minimum sebelum kuatkuasa enakmen pindaan ini. Yang Berhormat sekalian, perlu ditekankan di sini bahawa pindaan yang dinyatakan tersebut adalah bertujuan bagi yang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

pertama menambah baik proses permohonan kebenaran perkahwinan bawah umur melibatkan kanak-kanak. Mahkamah syariah yang akan dilaksanakan dalam mahkamah tertutup. Yang kedua memastikan setiap kanak-kanak lelaki atau perempuan yang bercadang untuk berkahwin dinilai daripada aspek mental, jasmani, sistem reproduksi, akhlak dan sosiologinya serta diberi hak untuk memberi pendapat terhadap perkahwinan yang dicadangkan. Ini bagi membolehkan Mahkamah Syariah membuat penilaian yang menyeluruh terhadap kanak-kanak tersebut sebelum kebenaran berkahwin diberikan termasuk soal kebajikan dan pembelajaran kanak-kanak perempuan dan lelaki yang dikahwinkan itu.

- c) Membantu mahkamah membuat penilaian secara holistik terhadap suatu permohonan bagi mengelakkan kemudaratan kepada kanak-kanak selepas pernikahan dan yang keempat;
- d) Memastikan kepentingan kanak-kanak yang terlibat menjadi kriteria dan pertimbangan utama mahkamah sebelum sesuatu kebenaran berkahwin dikeluarkan. Justeru, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan ini ada dua perkara iaitu pada kadar umur perkahwinan di bawah 18 tahun dan prosedur-prosedur yang perlu dilalui jika ada permohonan-permohonan untuk perkahwinan di bawah usia 18 tahun yang mana sebelum ini kita tidak ada prosedur yang begitu ketat ditetapkan untuk memastikan maslahat umat sebagaimana terkandung dalam kertas ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini pun telah disokong. Saya kemukakan rang undang-undang ini untuk dibahaskan. Ya saya bagi lima minit ya setiap orang ya. Minta Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ha? Banting. Banting ya.

TUAN SPEAKER : Ya, Banting. Banting. Minta maaf ya Kampung Tunku. Dah biasa. Dah biasa.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin jimat masa. Saya berdiri untuk menyokong pindaan rang undang-undang pindaan ini dan saya berasa bahawa ini adalah satu pindaan yang memang perlu dilakukan pada masa sekarang. Tapi ada dua, tiga perkara yang saya kira perlu diberi perhatian oleh pihak Eksekutif. Yang pertama seperti yang dinyatakan oleh YAB Menteri Besar tadi bahawa

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

undang-undang ini adalah hanya terpakai di negeri Selangor sahaja. Dan kita sedia maklum dan kita juga sedia maklum bahawa terdapat beberapa undang-undang atau beberapa ketidakserasian yang berlaku di dalam undang-undang kita sekarang ini. Ketidakserasian pertama ialah antara undang di Selangor dengan undang-undang di negeri yang lain. Kita tidak mahu bahawa sekiranya undang-undang walaupun undang-undang ini diteruskan tetapi undang-undang di negeri ini diluluskan tetapi undang-undang di negeri lain masih di tahap yang lama iaitu kekal pada 16 tahun dan ini masih lagi keadaannya di Wilayah Persekutuan. Jadi, mungkin ada mereka yang hendak mendaftarkan ataupun mengakadnikahkan perkahwinan ini mereka akan melakukannya di negeri lain termasuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, di mana kita tidak ada kuasa untuk mengawalinya. Yang kedua, adalah ke tidak serasian antara Undang-undang Sivill dengan Undang-undang Muslim. Seperti apa yang dinyatakan tadi bahawa *law before marriage and divorce act* masih menetapkan minimum *Marriage Age* untuk *non Muslim* untuk wanita *non Muslim* adalah pada 16 tahun. Dan saya kira ini adalah sesuatu yang perlu dipinda di peringkat Parlimen untuk memastikan tidak akan berlaku ke tidak serasian dan tidak akan berlaku ke tidakadilan di dalam aspek ini. Yang kedua saya juga ingin membawa perhatian kepada ke tidak serasian berkenaan dengan *Age Of Majority act*. Ianya serasi dari segi minimum *marriage age* untuk Muslim iaitu 18 tahun tetapi untuk *Non Muslim* dia nyatakan sebagai 21 tahun. Jadi, saya kira ini adalah isu-isu undang-undang yang perlu kita lihat walaupun yang kita bincang sekarang ini adalah Enakmen di Negeri Selangor tetapi saya berharap negeri-negeri yang lain termasuk Kerajaan Persekutuan dia akan ikut rentak negeri Selangor dan memulakan proses pindaan undang-undang yang saya katakan tidak serasi itu supaya apa yang kita lakukan di Selangor ini akan juga diikuti oleh negeri-negeri yang lain akan juga diikuti oleh Kerajaan Persekutuan. Yang kedua, saya ingin membawa perhatian kepada cadangan pindaan iaitu Seksyen 8A Sub Satu berkenaan dengan keperluan mendapat notis permohonan ataupun affidavit daripada ibu atau bapa atau penjaganya. Dan ini adalah satu kelonggaran di situ supaya kita memberi satu fleksibiliti untuk permohonan ini dilakukan. Saya kira ini adalah sesuatu yang tidak ada masalah tetapi bagi saya sekiranya ada mereka ataupun mana-mana pihak sama ada ibu atau bapa ataupun penjaga yang merasakan tidak setuju maka saya kira mereka perlu diberi peluang untuk membentangkan alasan mereka melalui notis permohonan ataupun affidavit. Saya kira ini perlu diperketatkan melalui pindaan terhadap ataupun Sub Seksyen 6 perlu memasukkan satu perkara pada masa depan seperti mana sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak setuju ataupun mempunyai pendapat yang berbeza, mereka harus diberi peluang untuk memberi ataupun menghantar affidavit mereka dan mahkamah perlu dan mesti mendengar memastikan bahawa keputusan ataupun pandangan mereka diberi perhatian di bawah Sub Seksyen 6. Buat sementara waktu apa yang kita lihat, baca Sub Seksyen 6 ini ia tidak memperuntukkan perkara ini. Dan saya rasa itu adalah sesuatu yang boleh diperketatkan sekiranya perlu

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

pada masa depan. Seterusnya, ya berkenaan dengan Subseksyen 8A ini pula, kerana *sprit* atau semangatnya adalah untuk menaikkan hak minimum tetapi ini saya kira mungkin menjadi baik sekiranya kita juga memasukkan satu perenggan untuk menetapkan bahawa perkahwinan di bawah umur 16 tahun secara total tidak dibenarkan. Itu saya kira boleh dimasukkan di dalam sini supaya apa yang boleh dibenarkan ataupun diluluskan oleh mahkamah hanyalah perkahwinan di antara selepas umur 16 tahun sebelum sehingga sebelum 18 tahun dan semua permohonan di bawah 16 tahun tidak boleh diakadnikahkan. Untuk melindungi hak dan juga kepentingan kanak-kanak wanita ini. Dan ini sebenarnya perlu dilakukan kerana di dalam *Law For Marriage Divorce Act* ini perkahwinan wanita bukan Muslim di bawah 16 tahun adalah tidak boleh dibenarkan sama sekali. Dan kalau, ianya hanya boleh dibenarkan untuk lelaki 18 tahun dan ke bawah sekiranya mendapat kelulusan daripada Ketua Menteri. Jadi, ada peruntukan di dalam undang-undang. Jadi, ketidakserasian ini saya kira perlu diselaraskan supaya ianya tidak menimbulkan salah faham ataupun kekeliruan pada masa depan nanti. Apa-apa pun saya kira ini adalah suatu perkara yang perlu dipercepatkan dan saya harapkan, amat berharap Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain boleh melakukan perkara yang sama kerana pada pendapat saya kekuatiran saya yang paling besar ialah sekiranya terdapat ketidak serasian ini, maka apa yang pernah kita lihat berlaku sebelum ini berkenaan dengan kekeliruan dari segi akad nikah, harta sepencarian, nafkah kehidupan, soal berkenaan dengan perkahwinan perceraian kerana undang-undang yang berbeza di setiap negeri maka ada sesetengah pihak hendak mencari satu peluang untuk mendaftarkan perkahwinan mereka di luar negeri Selangor. Jadi ini akan menimbulkan masalah. Oleh sebab itu saya memohon supaya usaha ini kita mulakan dulu tetapi kemudian kita berharap negeri-negeri yang lain boleh mengikut rentak negeri Selangor dan pindaan-pindaan undang itu boleh dibuat secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini dan untuk mencadangkan satu, satu sahaja penambahbaikan iaitu kepada Seksyen 5 Rang Undang-undang tersebut. Kepada saya, apa yang saya fahamkan kepada Seksyen 5 tersebut adalah bahawa Enakmen yang lama akan kekal digunakan sehingga tarikh penguatkuasaan Rang Undang-undang ini. Masalahnya adalah bahawa Rang Undang-undang ini akan melibatkan beberapa jabatan iaitu Jabatan Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia dan JAIS. Jabatan-jabatan ini dan agensi-agensinya mungkin memerlukan masa, mungkin beberapa bulan untuk menyelaraskan usaha mereka untuk menampung keperluan Rang Undang-undang tersebut. Kerisauan saya adalah bahawa semasa menunggu tarikh penguatkuasaan ini mungkin terdapat kemungkinan besar, ya, kemungkinan besar bahawa terdapat kanak-kanak yang mungkin akan dikahwin di luar syarat Seksyen 8A tersebut. Oleh itu saya ingin mencadangkan satu moratorium atas permohonan yang akan atau telah dimasukkan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

ke dalam Mahkamah Syariah sehingga, ya sehingga tarikh penguatkuasaan Rang Undang-undang ini. Dan saya diharapkan moratorium ini akan diberikan kuasa undang-undang dan dimasukkan sebagai salah satu sub-seksyen dalam rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Saya berdiri di sini untuk menyokong Usul Pindaan Undang-undang ini dan juga menyokong apa yang telah disebut, dinyatakan oleh Yang Berhormat Subang Jaya iaitu satu penangguhan pelaksanaan sehingga sekiranya sesuai dengan syarat-syarat yang telah dicapai. Bagi pengetahuan dan peringatan kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa yang kita hadapi pada hari ini ialah untuk kita membuat dua pindaan kepada dua enakmen, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang merupakan undang-undang sub-*stand if* yang teras, yang utama dan akan kita utamakan juga ialah Enakmen Pindaan Tatacara MAL yang merupakan undang-undang tatacara. Jadi, kedua-dua perkara ini adalah satu perkara yang sangat penting bagi kita fahami kerana dalam konteks apa yang dikehendaki oleh pindaan ini adalah kemaslahatan. Kemaslahatan yang utama adalah untuk menegakkan keadilan, keharmonian dan kesaksamaan dan di sana ada keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat. Maknanya pindaan-pindaan yang hendak dibuat ialah pindaan teknikal yang merupakan untuk menutup dan mengekalkan kemaslahatan dalam bidang-bidang yang telah menjadi adat, resam sesebuah masyarakat ataupun pegangan agama. Dengan ini saya ingin menekankan di sini bahawa apa yang dinyatakan sebagai kebajikannya adalah undang-undang ini dikawal oleh mahkamah. Walau bagaimanapun mahkamah tertakluk kepada SOP peraturan ataupun tatacara. Sekiranya tatacara ini baik, berkesan dapat dilaksanakan dengan baik pelaksanaannya maka dia akan merupakan satu pindaan yang kemas. Jadi apa yang saya dapati di sini, kalau kita *test* sebagai satu perkara, kita uji dia, kita akan lihat bahawa satu SOP yang berkaitan dengan pengurusan mahkamah dalam meluluskan perkahwinan adalah mahkamah telah diselia oleh satu garis panduan SOP yang baik dan satu SOP yang baik adalah SOP yang mana orang-orang yang berkahwin di bawah umur perkahwinan di bawah umur 18 tahun diberikan izin dan cadangan tersebut yang saksama dan teratur dan dalam masa yang sama SOP itu juga boleh digunakan untuk perkahwinan yang bertentangan dengan kehendak Seksyen 8A. Saya ingin ulang ya, maknanya SOP yang baik dia boleh guna kedua-dua pihak. Dan apa yang kita lihat di sini, tidak ada, yang saya faham, saya lihat di sini dengan kajian saya di luar keupayaan undang-undang saya, saya mendapati bahawa apa yang ada di sini adalah syarat-syarat yang menjadi panduan kepada mahkamah untuk membuat kelulusan berdasarkan SOP yang membenarkan. Tetapi apa yang telah berlaku di sesebuah negeri di Semenanjung mereka berkahwin, sebelum menggalakkan perkahwinan, membenarkan perkahwinan dan kemudian mendaftarkan. Jadi perkahwinan yang tak sah menurut Seksyen 8 contohnya, sama ada disahkan dan kemudian didaftarkan selepas perkara itu berlaku. Jadi, ini satu perkara yang ingin saya cadangkan sebagai peringatan kepada kita semua. Tujuan kita adalah untuk menjadi kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat Islam dan masyarakat kita di Malaysia. Kebaikan enakmen ini ataupun pindaan undang-undang yang kita buat ini

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

bukan hanya untuk orang Islam tetapi baik untuk masyarakat dan rakyat Malaysia ianya saya tekankan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker atas peluang yang diberikan untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Keluarga Islam. So, saya berdiri untuk menyokong pindaan tersebut. Ahli-ahli Dewan sekalian, Malaysia merupakan satu negara yang membenarkan pasangan muda berkahwin walaupun mereka belum berusia 18. Walaupun ada beberapa Akta seperti Akta Kanak-kanak 2016 dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang tujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada bagi mengekang perbuatan mendera atau gangguan seksual tetapi terdapat lagi undang-undang yang masih memberi ruang atas perkahwinan kanak-kanak yang menyebabkan kes-kes berlaku yang seperti di atas. Dan ia telah bercanggah dengan motif-motif penubuhan akta-akta tersebut untuk melindungi kanak-kanak. Menurut data yang didapati terdapat 10,000 permohonan perkahwinan kanak-kanak daripada golongan yang beragama Islam sejak 2005 sehingga 2015. Mengikuti purata daripada 2005 sehingga 2010 mempunyai 849 permohonan perkahwinan kanak-kanak yang seperti tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan. Manakala purata pada tahun 2010 hingga 2015 menunjuk peningkatan mempunyai 1,029 permohonan perkahwinan kanak-kanak setiap tahun. Peningkatan itu sebanyak 180 permohonan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut hasil kajian bertauliah oleh UNISEL Malaysia, terdapat 4 faktor yang menyebabkan perkahwinan kanak-kanak bawah umur di Malaysia.

- (1) Pendapatan rendah isi rumah.
- (2) Kekurangan intervensi sokongan ibu bapa.
- (3) Kekurangan akses kepada pendidikan.
- (4) Kekurangan akses pendidikan seksual.

Untuk mencegah isu perkahwinan kanak-kanak boleh bermula dengan pendidikan dan usaha sama antara kerajaan, masyarakat dalam meningkatkan taraf hidup golongan miskin.

Selain daripada pindaan undang-undang untuk melindungi kanak-kanak saya juga turut mencadangkan kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk mengakhiri perkahwinan seperti berikut:

- (1) Membasmi kemiskinan dengan program-program seperti IPR.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

- (2) Memastikan akses kanak-kanak kepada pendidikan yang berkualiti dengan memberi bantuan persekolahan kepada golongan memerlukan terutamanya golongan B40.
- (3) Menganjurkan kempen antara kanak-kanak supaya meningkatkan ilmu-ilmu pendidikan seksual kepada kanak-kanak. Mewujudkan kepada ibu bapa terhadap perlindungan kanak-kanak.

Manakala perlindungan kanak-kanak atas undang-undang perlu diberikan keutamaan. Hari ini saya menyambut baik dengan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor yang menjadi negeri yang pertama untuk menjalankan pindaan Undang-undang ini tetapi terdapat keliruan bahawa kanak-kanak boleh berkahwin dengan cara pendaftaran di negeri lain. Oleh itu saya berharap negeri-negeri lain juga mengambil inisiatif seperti Negeri Selangor untuk pindaan Undang-undang ini.

Akhirnya saya menyokong atas cadangan pindaan Rang Undang-undang ini atas tujuan untuk melindungi kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya menjemput Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan dalam isu Rang Undang-undang ini. Tuan Speaker, saya kira berkaitan dengan pindaan undang-undang ini. Tetapi terdapat kekeliruan bahawa kanak-kanak boleh berkahwin dengan cara pendaftaran di negeri lain. Oleh itu, saya berharap negeri-negeri lain juga mengambil inisiatif seperti negeri Selangor untuk pindaan undang-undang ini.

Akhirnya, saya menyokong atas cadangan pindaan rang undang-undang ini atas tujuan untuk melindungi kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya jemput YB Sijangkang.

Y.B. DATO' DAR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan dalam isu rang undang-undang ini.

Tuan Speaker,

Saya kira berkaitan dengan pindaan ataupun membuat atau memperkasakan prosedur itu adalah satu langkah yang baik dan perlu dilihat juga beberapa perkara-perkara yang akan memberikan faedah yang lebih baik di masa akan datang. Cuma saya suka melihat isu berkaitan dengan perkahwinan ini seperti mana di dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada pembukaan Sidang 2015 menyebutkan '*apa juga dasar-dasar yang akan dibuat oleh kerajaan negeri mestilah melihat kepada maqasid syariah*'. Dan perkahwinan ini adalah salah satu daripada tuntutan maqasid syariah untuk menjaga keturunan dan bermakna perkahwinan ini bukan sahaja semata-mata untuk suka-suka,

tetapi untuk menjaga keturunan, nasab keturunan itu sendiri, bahkan untuk mengelak daripada persetubuhan yang tidak sah. Dan ini saya kira antara perkara-perkara yang sangat penting. Cuma daripada sudut Islam, kita melihat bahawa pendewasaan itu ataupun kematangan itu adalah daripada sudut akil baligh yang mana umurnya adalah sangat berbeza. Wanita ada yang akil baligh pada peringkat umur 9 tahun, lelaki ada yang umur baligh pada peringkat umur 12 tahun, dan 15 tahun sekiranya tidak apa-apa tanda ditakrifkan sebagai akil baligh. Dan saya kira ini juga menjadi pertimbangan untuk kita melihat had umur yang baik. Cuma saya melihat antara perkara perkataan yang saya nak sentuh di sini adalah berkaitan dengan menjaga kebajikan perempuan itu sendiri. Apakah bentuk kebajikan? Kalau kebajikan yang kita takrifkan ini sebagai pendidikan, saya kira di bawah Akta Pendidikan juga mewajibkan kepada setiap individu itu mendapat pendidikan sehingga peringkat rendah. Kalau mungkin kebajikan itu dilihat daripada sudut ekonomi atau sebagainya takrifan-takrifan ini harus diperjelaskan dengan lebih tepat lagi. Apabila peningkatan had umur daripada 16 hingga 18 tahun, kalau kita lihat di sini adalah selaras dengan takrifan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001, Akta 611 dan akta yang ada di negara kita ini juga akta-akta yang kadang-kadang kita rasa agak keliru. Kanak-kanak umur 18 tahun. Hari ini kalau kita panggil anak kita yang berusia 18 tahun kanak-kanak, mungkin mereka tidak terima. Begitu juga ada lagi akta-akta yang lain termasuklah Akta Imigresen yang meletakkan takrifan kanak-kanak itu 21 tahun. Akta Pengambilan Anak Angkat, kanak-kanak 21 tahun. Adakah seorang ibu yang telah diceraikan di bawah umur 21, bila kita nak angkat itu sebagai kanak-kanak? Mungkin boleh jadi isteri angkat pula dah. Jadi takrifan-takrifan ini saya kira dia agak-agak longgar walaupun kita merujuk kepada takrifan Akta Kanak-kanak yang ada di sini. Cuma saya melihat daripada segi gender, bukan bermakna saya bias gender hatta dalam kita nak menetapkan 30% keterlibatan wanita dalam apa-apa juga urusan menjadi dari perjuangan kita. Begitu juga daripada sudut perkembangan fizikal itu sendiri ada perbezaan seperti mana yang saya katakan akil baligh wanita dan juga lelaki. Mungkin ada baiknya juga diletakkan kalau kita meletakkan sebagai satu unsur pendidikan yang sebenarnya akan memberikan kebaikan untuk jangka masa panjang, mungkin pendidikan menengah sehingga 17 tahun sebagai contoh. Selepas 17 tahun (sekolah menengah), boleh dibenarkan untuk berkahwin tanpa mendapat kebenaran daripada keluarga. Apa pun saya melihat bahawa demi kebaikan janganlah sampai sehingga perkahwinan di bawah 18 tahun ini, jangka masa panjangnya ada yang menyebutkan bahawa harus diharamkan kerana ianya tidak diharamkan dalam Islam. Alhamdulillah YAB Dato' Menteri Besar tadi menyebutkan antara klausanya maknanya tidak diharamkan untuk perkahwinan di bawah umur 18 tahun. Jadi ini sedikit pandangan daripada saya untuk menjadi pertimbangan-pertimbangan walaupun saya kira dengan rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini akan mendapat kelulusan dan saya kira isu yang berkaitan dengan agama Islam ini adalah di bawah kekuasaan negeri masing-masing dan isu mungkin kalau tak dapat berkahwin di negeri Selangor, berkahwin di tempat lain juga ada kebenaran daripada negeri itu sendiri supaya akhirnya walaupun pada masa ini tidak selaras, ianya adalah perkara yang boleh diselesaikan. Cuma kekhuatiran saya, kalau ini menjadi halangan sehingga mungkin kahwin di luar negara pula ataupun terjebak dalam pelbagai bentuk maksiat, zina dan sebagainya disebabkan kepayahan-

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kepayahan ini. Saya tidak menyebutkan bahawa prosedur ini akan menyebabkan kepayahan, tapi ini adalah untuk menjaga masalah yang lebih baik.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan YB Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih YB Tuan Speaker. Saya secara peribadi daripada Sungai Panjang bersetuju dengan apa yang diterangkan ataupun diberikan pencerahan oleh YB Sijangkang berkenaan dengan isu perkahwinan ini di dalam agama Islam sendiri ianya adalah satu tuntutan yang mana ianya adalah satu yang digalakkan supaya sesebuah perkahwinan ataupun hubungan untuk ke arah perkahwinan itu dipermudahkan. Namun begitu, kita sedia maklum dengan perkembangan dan juga masalah semasa yang mana kita telah lihat berbagai-bagai kecenderungan terhadap hak-hak kepada kanak-kanak. Namun begitu, dengan pindaan yang telah dicadangkan yang telah pun diusulkan ini, saya yakin klausa-klausanya dan juga segala proses dan juga prosedur mahkamah yang telah ditetapkan yang melibatkan pemohon itu sendiri, penjaganya dan sebagainya memberikan ruang kepada pihak mahkamah untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Yang paling mustahak di dalam sesebuah perkahwinan itu adalah daripada segi umur itu adalah sangat subjektif. Ia bergantung kepada perkembangan kanak-kanak itu sendiri untuk mereka meningkat dewasa. Mungkin kita sedia maklum daripada segi gender itu sendiri, perkembangannya mungkin berbeza. Mungkin kalau kita lihat daripada kanak-kanak perempuan mungkin lebih cepat matang berbanding daripada kanak-kanak lelaki. Itu sebabnya undang-undang sebelum ini menetapkan umur 18 tahun untuk lelaki dan juga 16 tahun untuk perempuan. Namun begitu, apabila ianya diselaraskan ianya lebih memudahkan proses dan juga urusan permohonan di peringkat mahkamah untuk perkahwinan di bawah umur. Dan apa yang kita perlu beri perhatian adalah yang paling mustahak ianya mestilah dipermudahkan dan apa juga keputusan mahkamah berdasarkan affidavit dan juga prosedur-prosedur ini perlulah berasaskan prinsip asas iaitu perkahwinan itu secara gender prinsipalnya perlu diberi kebenaran di bawah 18 tahun dengan syarat ianya tidak memudaratkan. Hanya selepas mahkamah berpuas hati dengan *evidence-evidence* ataupun keterangan-keterangan yang telah diberikan sekiranya tidak mendatangkan sebarang mudarat, baik kepada lelaki ataupun perempuan, maka permohonan perkahwinan itu perlulah diberikan kebenaran. Dan dalam masa yang sama, mungkin pihak JAIS ataupun pihak Jabatan Agama Islam ataupun Jawatankuasa Agama mungkin boleh mempertimbangkan cadangan supaya perkahwinan-perkahwinan di bawah umur ini diletakkan syarat-syarat tambahan. Sebagai contoh, sebelum kita nak berkahwin kita ada kursus pra perkahwinan. Mungkin untuk perkahwinan di bawah umur ini, Jabatan Agama Islam mungkin boleh menetapkan kursus-kursus tertentu ataupun kursus-kursus pra syarat ataupun kursus-kursus tambahan untuk persediaan kepada pasangan di bawah umur ini. Dan saya yakin benda ini adalah suatu yang *evolve* ataupun yang berkembang kerana mungkin sebelum ini kanak-kanak ataupun remaja yang berusia di bawah 16 tahun mungkin mereka ini sudah tidak bersekolah dan mempunyai tanggungjawab masing-masing yang boleh membina ataupun membawa keluarga masing-masing. Namun sekarang

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

proses dan juga sistem yang kita ada, umur 16 tahun ini masih lagi bersekolah menengah (tingkatan 4). Mungkin mereka ini tidak bersedia untuk menghadapi cabaran berkeluarga. Jadi dengan adanya pindaan ini, ianya adalah sangat seimbang dan pindaan ini juga adalah selaras dengan syiar Islam dan ianya adalah menepati maslahat dan saya menyokong pindaan yang dikemukakan ini. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Saya jemput YB Meru.

Y.B. TUAN USTAZ MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ok, terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya dengan ini menyokong Pindaan Rang Undang-undang Enakmen Undang-undang Islam Negeri Selangor tetapi perlu saya pertegaskan di sini dan juga memberi penerangan supaya mungkin pihak di luar sana khususnya tidak menyalahertikan seolah-olah kerajaan negeri (Pakatan Harapan) nak mengubah hukum Islam ya. Sebab ini satu undang-undang yang perlu kita wujudkan untuk tujuan kita menjaga kebajikan dan juga melindungi kanak-kanak khususnya yang mana kita bimbang sekiranya tidak difahami dengan telus seolah-olah kerajaan negeri nak ubah hukum Islam. Sebab dalam perkahwinan ini, akil baligh itu dia tak masuk syarat pun untuk sah. Umur dia tak masuk syarat untuk sah nikah. Kalau dia umur 10 tahun dia menikah cukup syaratnya, maka sahlah (kalau ikut hukum Islam). Kita bukan nak ubah yang itu. Tetapi kita nak mengawal undang-undang ini diwujudkan untuk mengawal dengan realiti, keadaan, *waqi'* ataupun suasana kita yang mana umur bawah 18 tahun ini

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Mohon ruang kepada Meru.

Y.B. TUAN USTAZ MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Sekejap, nanti saya

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Saya nak betulkan fakta saja. Akil berakal kena. Baligh tak.

Y.B. TUAN USTAZ MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Baligh, ya.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Ha, kalau tak berakal tak sah nikah tu.

Y.B. TUAN USTAZ MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ha baligh. Ok tak apa. Terima kasih kepada Taman Medan ya. Ok. Dan saya nak jelaskan juga bahawa dalam hukum Islam, kita tidak boleh menghalang dan perkahwinan ini nak jaga nasab. Itu yang penting. Nak menjaga nasab keturunan. Dan sebenarnya kalau untuk makluman khususnya kepada mungkin juga di kalangan rakan-rakan saya yang bukan Islam dan juga yang Islam sendiri pun, kita dapat melihat kebaikan apabila tingkat umur ini dapat dinaikkan, kita dapat menjaga kebajikan kanak-

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

kanak tersebutlah. Kalau ikut apa yang kita buat ini memudahkan sebenarnya untuk negeri-negeri lain ikuti untuk kita ikut Akta Kanak-kanak 2001. Definisi kanak-kanak yang umur dia bawah 18 tahun dan juga Akta Umur Dewasa 1971 yang mana definisi umur dewasa ini 18 tahun juga. Jadi kita selaraskan. Itu lebih memudahkan. Bukan bermaksud kita nak ubah hukum Islam itu. Tidak. Tetapi kita nak memudahkan, nak mengawal dan juga melindungi. Itu yang perlu kita faham. Tetapi bukan bermakna, saya tegaskan sekali lagi. Bukan bermakna kita nak mengubah hukum Islam yang sudah sedia ada. Yang itu tidak salah. Kalau dia nak kahwin juga, maknanya dia akan dihukum di mahkamah syariah atas kesalahan dia melanggar undang-undang kahwin di bawah umur tanpa kebenaran. Dari situ. Tapi dari segi hukum dia tetap tidak berubah. Dan perlu kita ingatkan juga perkara ini sebenarnya kalau ikut khususnya kepada *non-Muslim*, sebab kalau berlaku hubungan seks (saya minta maaf sebut ni). Hubungan seks di bawah 16 tahun, suka sama suka tapi tak berlaku perkahwinan dikira rogol. Bila naik 18 tahun, makna kita dapat tingkatkan lagi sebab biasanya umur 16 tahun, 17 tahun ni orang Malaysia ni tak kira lelaki ke perempuan masih belum matang lagilah. Realitinya masih belum matang secara umumnya. Tapi ini boleh melindungi khususnya kepada golongan wanita yang bawah 18 tahun untuk kita bela mereka kalau berlaku hubungan seks di luar nikah dan sebagainya yang boleh menyebabkan mereka ini melepaskan diri ataupun orang kata orang yang nak mengambil kesempatan kepada mereka melepaskan diri dan boleh didakwa mereka ni atas sebab merogol menjalinkan hubungan seks di bawah 18 tahun tadi. Ini perkara yang cukup besar yang perlu kita perhatikan bersama.

Dan Tuan Speaker,

Suka juga saya nak menjelaskan di sini, dengan wujudnya enakmen ini nanti bukan sahaja kita akan memudahkan perkahwinan sebenarnya. Apabila kita dah selaraskan dengan undang-undang di peringkat persekutuan, tetapi juga memudahkan pihak pengurusan Jabatan Agama Islam dan sebagainya untuk memudahkan perkahwinan sebab kita tidak terikat lagi dengan umur di bawah 18 tahun. Sebab realiti sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kebanyakan kita ni di bawah 18 tahun ni tidak matang lagi. Jangan samakan pada zaman dulu. Suasana zaman dulu tak sama dengan zaman sekarang. Kehidupan orang zaman dulu tak sama zaman sekarang. Zaman sekarang ni, umur 18 ni masih lagi belajar. Jadi kadang-kadang mungkin sebab perkahwinan, mereka ini berhenti belajar. Kita tak nak begitu. Kita nak pastikan mereka bukan saja berpengetahuan tetapi mereka boleh meneruskan kehidupan dan juga kebajikan mereka terpelihara. Demikianlah sedikit apa yang boleh saya sampaikan untuk mengelakkan fitnah kepada kerajaan Pakatan sebenarnya. Seolah-olah kalau tak dijelaskan, nanti orang anggap Pakatan ni cuba nak mengubah hukum Islam. Kita tak ubah hukum Islam. Kita tetap pertahankan Islam. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya YB Taman Medan.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan pada perbahasan kali ini terlebih dahulu menyokong Pindaan Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003, Seksyen 8 yang merujuk kepada untuk menaikkan umur perkahwinan tentang kebenaran tanpa mahkamah syariah daripada 16 tahun ke 18 tahun bagi lelaki dan juga perempuan ya. Tapi untuk kes ini yang berkait dengan seorang perempuan yang mana dinaikkan umurnya dari 16 ke 18 tahun. Sebetulnya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Meru sebentar tadi saya amat menyokong iaitu tentang tujuan pindaan ini ialah lebih kepada nak menjaga kebajikan dan juga dari segi hukum Islam ataupun prinsip Usul Fikh dalam kaedah akar kepada hukum itu ada satu istilah nama dia dengan izin *Sabdhu Zaraik*, menutup jalan, maknanya menutup jalan kepada sebarang keburukan yang selari dengan ajaran. Walaupun sebenarnya ia sesuatu yang tidak ada kekangan dan halangan tapi kita nak menutup keburukan. Disebabkan kerana banyak perkahwinan-perkahwinan yang dilaksanakan diperingkat umur yang amat muda, sebenarnya dilakukan dengan cara tergesa-gesa ya tanpa persediaan sehingga saya lah kalau di kawasan saya, saya pernah jumpa satu kes seorang wanita umur 40 tahun dukung bayi. Saya tanya ini, siapa ini? Cucu. Saya terkejut. Maknya umur berapa?. Maknya umur 23 tahun. Sebab apa? Sebab ketidak sediaan dan terbiar anak itu. Ia ini berlaku dan ia juga berpunca sepertimana dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua daripada kes yang telah menjadi tular bilamana seorang lelaki daripada sebuah negeri Malaysia telah berkahwin dengan seorang kanak-kanak dari Negara Thailand. Di Negara kanak-kanak itu tapi nak bawa balik ke Malaysia untuk didaftarkan dan itulah yang menjadi satu polemik yang akhirnya kemudian kalau terjadi di Negara kita macammana? Jadi dengan adanya Undang-Undang ini dipinda, dia boleh mencegah golongan-golongan *opportunist* mengambil kesempatan daripada situasi yang dijelaskan mungkin kerana faktor kemiskinan, mungkin kerana faktor kesedaran pendidikan yang begitu rendah yang dijadikan sebab ya memanglah ya kita lihat ia tidak melanggar dari hukum syarak tetapi tujuannya ialah lebih kepada mencegah segala keburukan ya, kalau ikut statistik dan data, negeri Selangor negeri yang paling tinggi kadar perceraianya. Saya rasa ini dipersetujui ikut statistik. Tapi bila orang tanya kepada saya, saya kata mana tak tinggi penduduk ini bila dia nak nikah dia balik negeri asal, tang bercerai tak balik negeri asal dua pula. Dia bercerai. Tetapi tujuan apa kita lihat bahawa nak mencegah berlakunya sebarang bentuk kemudaratan-kemudaratan yang akan terjadi disebabkan kerana dilaksanakan perkahwinan di bawah umur ini. Jadi umur 18 tahun ini memang wajar. Kalau di beberapa aspek-aspek yang lain umur 18 juga dijadikan sebagai satu penanda aras, satu batas umur hingga kalau umur untuk had mengundi sekarang 21 tahun nak turunkan ke 18 tahun. Kalau ada cadangan. Tetapi, untuk ini eloklah dengan ini saya secara asas dan secara dasarnya menyokong penuh Enakmen ini pada Seksyen 8 ini dipinda untuk dinaikkan umur daripada 16 tahun

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

ke 18 tahun bagi mana-mana wanita yang nak berkahwin ya. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menggulung atau memberi apa-apa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih Speaker dan saya ucap terima kasih dan agak teruja dan terkejut dengan respon dan maklumbalas yang sangat ramai untuk membincangkan tentang peraturan dan perubahan Enakmen ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan terutamanya daripada Banting yang menimbulkan mungkin berlakunya pertindanan dan ketidak serasian diantara Undang-Undang yang ada di pihak yang kita gubal hari ini dengan undang-undang yang akan dipraktikkan di beberapa negeri lain mahupun diperingkat persekutuan dan untuk pelarasan yang dibangkitkan tadi saya memang sarankan dan saya kira kita telah mengetuai perbincangan ini dengan komitmen yang jelas untuk meningkatkan kadar umur perkahwinan ini dan In Sha Allah sebagai peneraju dan keyakinan kita pada sebelum ini, ia akan turut diikuti oleh negeri-negeri lain mahupun oleh Undang-Undang di bawah kelolaan ataupun di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Jadi kalau dikatakan berlaku ketidakseimbangan saya rasa yes, namun kita bawa bagi masa dan ruang In Sha Allah ruang dan masa ini sedikit sebanyak akan menguja serta menimbulkan perbincangan-perbincangan yang lebih sihat untuk memastikan apa yang dikatakan tentang ketidakseimbangan itu dapat diwujudkan serta dapat diselaraskan dengan lebih berkesan dimasa hadapan. Ahli Yang Berhormat sekalian, sementara itu ada juga pandangan yang menyebutkan tentang bahawa ia mungkin akan menimbulkan masalah yang berbeza, apabila ada orang yang mengambil kesempatan dengan berkahwin di negeri lain ataupun di luar negara dan ini di luar bidang kemampuan kita kerana inilah bidang kuasa yang ada pada kita. Namun dalam masa yang sama saya turut dimaklumkan bahawa jika ada anak-anak negeri ingin berkahwin di negeri lain, mereka juga harus mendapat kelulusan daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Jadi tidak timbul saya kira salah satu perkara ruangan ataupun kelompongan yang tinggal untuk kita menyelaraskan aktiviti dan perjalanan Undang-Undang ini ada diambil kesempatan untuk mereka melakukan pernikahan di bawah umur di negeri lain. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak ingatkan sekali lagi disini bahawa sebelum ini memang sudah ada peraturan pernikahan di bawah umur. Kali ini Undang-Undang ini menaikkan lagi daripada 16 ke 18 dan tambah nilai keduanya ialah dengan menetapkan beberapa prosedur dan peraturan yang perlu diikuti untuk perkahwinan di luar bawah umur 18 tahun. Kalau sebelum ini ada peraturan tapi peraturan itu biasanya terletak kepada budibicara para Hakim yang tidak ada perkara-perkara spesifik yang ditetapkan. Jadi hari ini kita telah tetapkan beberapa perkara yang spesifik itu, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Sijangkang, saya rasa

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

apa isu kebajikannya. Ada beberapa perkara yang meliputi soal nafkah, kerana kita ingin melihat bahawa anak-anak tersebut tidak menjadi hamba dan tidak dipersiapkan selepas perkahwinan itu berlaku dan apakah ia mampu untuk memberikan nafkah kepada anak tersebut ataupun kanak-kanak tersebut yang masih lagi belum cukup umur termasuk membiayai pendidikan dan sebagainya. Jadi perkara-perkara ini akan ditelusuri, diperhatikan dan ada ruang kepada mana-mana lawyer untuk mencelah jika perbicaraan ataupun peraturan itu dibincangkan di mahkamah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin mendapatkan kepastian. Terima kasih. Menteri Besar dan juga Speaker. Tentang Seksyen yang baru iaitu Seksyen 8(a) ini, adakah ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan di bawah Seksyen 8(a) ini akan memberi kuasa ataupun alasan yang cukup baik untuk *disagree party* untuk mengemukakan rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi. *Is it a good ground for agree party who is agree due to any non-compliance to the new section, section 8(a), that is good ground or him or her to appeal to the higher level of our court.*

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Dengan tidak memenuhi ataupun comply prosedur, affidavit dan peraturan yang telah ditetapkan, maka mahkamah tidak membenarkan untuk pasangan tersebut melangsungkan perkahwinan dan adakah mereka boleh appeal? Ya, Undang-Undang kita membenarkan untuk mereka mengemukakan rayuan di pihak mahkamah yang lebih tinggi untuk memastikan hak masing-masing dapat dibincangkan nanti terjamin. Sementara itu ada juga pandangan misalnya Hulu Kelang mengatakan bahawa pindaan ini bukan bermaksud semua permohonan akan diluluskan. Sebaliknya kita juga meletak syarat yang perlu dipatuhi. Hakim akan ada kuasa untuk pertimbang sama ada permohonan ini wajar ditolak atau diluluskan. Data yang dibentangkan dalam usul tadi telah dibuktikan bahawa tidak semua pemohon diluluskan oleh mahkamah. Pada tahun 2013 sehingga Jun 2018 daripada 419 yang dipohon, hanya 355 yang telah ditolak. Namun sebelum ini tidak ada peraturan dan prosedur. Sebelum ini tidak ada jalan kerja dan peraturan yang tertulis. Kini kita tuliskan beberapanya, antaranya affidavit, penjelasan dan didetailkan pula itu dalam soal kebajikannya dan sebagainya untuk dilaksanakan satu-satu perkahwinan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sementara itu bila Sungai Panjang membangkitkan tentang kemungkinan boleh diadakan kursus dan sebagainya. Saya ingin mengajak Sungai Panjang untuk melihat Perkara 5(8) ke 5 (8) dalam Undang-Undang ini yang telah menetapkan bahawa bagi kes nikah bawah umur JAIS akan membuat kursus khas untuk kanak-kanak tersebut dengan modul yang akan digubal dengan umur mereka. JAIS juga telah menetapkan kursus wajib pra perkahwinan untuk pasangan yang hendak berkahwin. Bagi kanak-kanak disyaratkan untuk hadir ke kursus sebagai kursus khas sebagai tambahan kepada kursus yang sedia ada dan memang ia telah ditetapkan supaya ada rundingan kekeluargaan di dalam peraturan ini dan sebagaimana yang dicadangkan tadi itu boleh dilaksanakan dan boleh ditetapkan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

sehingga kini. Ahli Yang Berhormat sekalian, ada juga pandangan daripada Subang Jaya supaya kita meletakkan monotorium ataupun penangguhan secara menyeluruh kerana bimbang *lupusol* ini akan digunakan seramai mungkin untuk mereka-mereka yang ingin mengadakan perkahwinan di bawah umur. Cadangan monotorium ini sukar untuk dipertimbangkan kerana buat masa ini walaupun Undang-Undang belum dipinda, namun Mahkamah Syariah telah melaksanakan secara pentadbiran SOP yang hampir sama seperti cadangan-cadangan pindaan tersebut. Sebagai contoh, pemohon perlu mendapatkan laporan social daripada JKM, perlu ada laporan daripada PDRM dan laporan perubatan daripada Pegawai-Pegawai Perubatan. Oleh itu, tidak perlu ada kebimbangan terhadap tarikh kuatkuasa Undang-Undang ini kerana ia akan dilakukan pada Januari Tahun 2019 dan Mahkamah Syariah sendiri pada tahun 2019. Maknanya kita hanya ada beberapa bulan sahaja dan beberapa bulan ini pelaksanaan dan sebenarnya beberapa perkara yang dibangkitkan secara Undang-Undang di sini telah dilaksanakan secara pentadbiran cuma ia nya belum diwajibkan dan dengan adanya masukkan di dalam perubahan ataupun penggubalan Enakmen ini ia akan sedikit sebanyak menetapkan dengan secara bertulis dan secara rasmi Peraturan-Peraturan Prosedur yang perlu dilalui untuk perkahwinan di bawah umur. In Sha Allah selepas ini yang berumur 18 tahun.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan..

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Yang Berhormat Tuan Speaker, mohon mencelah. Boleh?

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Kampung Tunku, dah Yang Amat Berhormat Sungai Tua telah tamat ya. Jadi saya tidak benarkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan dihadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli- Ahli Yang Berhormat sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang Undang-Undang ini fasal demi fasal.

Y.B. PUAN RODZIAH BIN ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2

TUAN SPEAKER : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 3

TUAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan tentang 8A (b) iaitu tentang affidavit yang disediakan oleh ibu atau bapa atau penjaga, ibu atau bapa penjaganya juga affidavit bakal suami pada perempuan. Penjelasannya apakah status bapa ataupun bakal suaminya. Adakah status ibu bapa dan penjaga sebagai wali tetapi status suami apa? Saya nak penjelasan. Kedua (2) a(ii) Alasan-alasan. Penjelasannya adalah pilihan perkataan ini adakah sengaja atau kebetulan apabila saya semak dalam *google dictionary* di dalam bahasa Malaysia Indonesia alasan-alasan ini digunakan dalam konteks fakta yang belum nyata. Sedangkan sebab adalah perkara yang telah terbukti. Saya lebih nampak yang diperlukan bukan alasan bagi perkahwinan tapi adalah sebab. Kemudian yang ketiga di bawahnya roman tiga, kemampuan lelaki berumur lebih kurang daripada 18 tahun itu memberi nafkah kepada bakal isteri. Definisi nafkah itu hendaklah diperhalusi, nafkah itu mungkin gambaran kita generasi saya mak saya, nafkah itu cincai cincai makan ubi makan keladi boleh siap, tapi sekarang ini anak-anak muda makan KFC Mc Donald jadi nafkah itu kena dibincangkan dalam konteks yang *real* pada hari ini. Kemudian yang lain itu, muka surat tiga b(iii) alasan-alasan minta penjelasan dan c(iii) pernyataan berhubung tahan kesihatannya. Kesihatan ini satu perkara ini juga perlu diberi panduan SOP yang *detail* hendak *refer* pada siapa jika ada pertikaian. Doktor pakar ke, doktor biasa ke, penyakit dan sebagainya. Jadi itu adalah perkara yang ingin saya timbulkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya persilakan pihak Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberi penjelasan kalau ada.

Y.A.B. MENTERI BESAR : Saya kira sebab atau alasan itulah maknanya. Maknanya apakah kenapa nak berkahwin alasannya begitu dan begitu dan begitu dan

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

mengenai nafkah saya rasa memang kita meletakkan hakim-hakim yang akan menilai dakah ia akan mampu membiayai kehidupan waktu terkini dan waktu seharian dan isu yang paling penting adakah dapat terus meneruskan pendidikan dan pelajaran dan sebagainya mengikut daripada keperluan-keperluan semasa terhadap anak-anak keluarga yang telah ditetapkan. Jadi itu sikit sebanyak.

TUAN SPEAKER : Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 4

TUAN SPEAKER : Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 5

TUAN Pengerusi : Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Minta kuat sikit ya. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Pengerusi, saya mohon memaklumkan Dewan ini supaya Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan untuk Kali Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali ketiga. Rang Undang-undang ini boleh dinamakan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tujuan pelarasan yang buat cadangan pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2003 melibatkan tatacara permohonan mendapatkan kebenaran untuk berkahwin di Mahkamah Syariah terdapat juga keperluan bagi pindaan yang perlu dibuat kepada Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memansuhkan Seksyen Baru 7A ke dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 bagi membolehkan Tatacara untuk apa-apa permohonan pernikahan yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur mengguna pakai peruntukan baru Seksyen 8A yang dimasukkan ke dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor. Selain itu Seksyen Baru 7A juga memperuntukkan bahawa mana-mana tatacara yang tidak dinyatakan secara khusus dalam peruntukan Seksyen Baru 8A Enakmen Rang Undang-undang Keluarga Islam di Selangor hendaklah mengguna pakai tatacara yang telah dinyatakan dalam Enakmen TatacaraMMal mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon untuk mencadangkan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mempersilakan pihak Kerajaan tidak ada ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibaca Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

YAB MENTERI BESAR : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1

TUAN Pengerusi : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2

TUAN Pengerusi : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker saya mohon maklumkan supaya Dewan ini bahawa Rang Undang-undang yang dipertimbangkan dalam Jawatankuasa telah dipersetujui oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TUAN SPEAKER : Ahli- ahli Yang Berhormat adalah di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No 6 Tahun 2018, Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan.

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa Usul yang berbunyi seperti berikut: -

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa kira-kira Wang Kerajaan”

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri Selangor yang keempat belas:

Pengerusi :

YB Tuan Rizam bin Ismail

Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar

Ahli-Ahli :

1. YB Elizabth Wong Keat Ping
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Lanjan
2. YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Anggerik
3. YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pelek

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

4. YB Puan Lim Yi Wei
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampung Tunku
5. YB Tuan Shaari bin Sungib
Ahli Dewan Negeri Hulu Kelang
6. YB Tuan Mohd Shaid bin Rosli
Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yan Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan’

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**

Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya . Usul No 7 tahun 2018 Usul Ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68A Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor yang keempat belas:

Pengerusi :

YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman

Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Ahli-ahli :

1. YB Tuan Lau Weng San
Ahli Dewan Negeri Kawasan Banting
2. YB Puan Juwairiya binti Zulkifli
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Melawati
3. YB Tuan Rajiv A/L Risyakaran
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing
4. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer
5. YB Tuan Adhif Syan bin Abdullah
Ahli Dewan Negeri Kawasan Dengkil
6. YB Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, "bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 68 (a) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah JP Padat."

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 8 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 68 (b) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan ataupun JPPBT.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan bagi Dewan Negeri Selangor untuk Penggal Yang Ke 14

Pengerusi

Yang Berhormat Puan Dr. Daroyah binti Alwi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sementa.

Ahli-ahlinya Yang Berhormat Tuan Azmizam bin Zaman Huri, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelabuhan Klang.

Yang Berhormat Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya. Yang Ketiga, Yang Berhormat Tuan Ean Yong Hian Wah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Kembangan.

Keempat, Yang Berhormat Tuan Shatiri b. Mansor, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Damansara.

Yang Kelima, Yang Berhormat Tuan Bakhtiar bin Mohd. Nor, Ahli Dewan Negeri Kawasan Semenyih dan

Yang Keenam, Yang Berhormat Datuk Rosni binti Sohar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Bernam.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 68 (b) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT).

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 9 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat JP ABBAS.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin sekali lagi membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 68 (c) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat bagi Dewan Negeri Selangor untuk Penggal Yang Ke 14,

Pengerusinya

Yang Berhormat Tuan Hasnul Bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib.

Ahli-ahlinya adalah

Yang Berhormat Tuan Haji Dr. Idris bin Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Ijok. Yang Berhormat Puan Lee Kee Hiong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Bharu.

Yang Berhormat Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pelek.

Yang Berhormat Tuan Borhan bin Aman Shah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat.

Yang Berhormat Tuan Sallehudin bin Amiruddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang dan Yang Keenam, Yang Berhormat Dato' Mohd Imran bin Tamrin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 68 (c) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 10 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 69 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik atau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor untuk Penggal Yang Ke 14

Pengerusinya

Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan merangkap Speaker.

Ahli-ahlinya adalah

Yang Berhormat Tuan Muhammad Hilman bin Idham, Ahli Dewan Negeri Kawasan Gombak Setia

Yang Berhormat Tuan Gunarajah A/L George, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sentosa.

Yang Berhormat Tuan Tony Leong Tuck Chee, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pandamaran.

Yang Keempat, Yang Berhormat Tuan Ahmad Mustain bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabak.

Yang Kelima, Yang Berhormat Tuan Harumaini bin Haji Omar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali dan

Yang Keenam, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 69 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 11 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, "bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 70 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik atau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Selangor untuk Penggal Yang Ke 14

Pengerusinya

Speaker, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan

Ahli-ahlinya adalah

Yang Berhormat Tuan Lai Wai Chong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Teratai.

Yang Berhormat Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Medan.

Yang Berhormat Tuan Mohd Fakhurulrazi bin Mohd Mokhtar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru

Yang Keempat, Yang Berhormat Tuan Mohd Shaid bin Rosli, Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram.

Yang Kelima, Yang Berhormat Tuan Haji Mazwan Johar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Ramal dan

Yang Keenam, Yang Berhormat Datuk Rosni binti Sohar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Bernam.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, "bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 70 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 12 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Tranparency – SELCAT*) dengan izin

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, “bahawasanya menurut Perenggan 1 Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Tranparency – SELCAT*) dengan izin. Jawatankuasa SELCAT ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75, Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan. Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Tranparency – SELCAT*) bagi Dewan Negeri Selangor untuk Penggal Yang Ke 14

Pengerusinya

Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim, Speaker dan Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan

Ahli-ahlinya adalah

Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Lanjan.

Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras.

Yang Berhormat Tuan Haji Saari bin Sungib, Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Klang.

Yang Keempat, Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri Kawasan Banting.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Yang Kelima, Yang Berhormat Tuan Rizam bin Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Banting dan

Yang Keenam, Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sijangkang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, "bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Transparency* – SELCAT) dengan izin. Jawatankuasa SELCAT ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75, Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 13 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Khas Pembasmian Kemiskinan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, "bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut akan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor bagi Penggal Yang Ke 14

Pengerusinya

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Yang Berhormat Tuan Rajiv A/I Rishyakaran, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing.

Ahli-ahlinya adalah

Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Zawawi bin Ahmad Mughni, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Kandis.

Yang Berhormat Tuan Ahmad Mustain bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabak.

Yang Berhormat Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof, Ahli Dewan Negeri Kawasan Dusun Tua.

Yang Berhormat Puan Rozana binti Zainal Abidin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Permatang dan

Yang Keenam, Yang Berhormat Dato' Mohd Imran bin Tamrin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, "bahawasanya menurut mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Khas Pembasmian Kemiskinan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : USUL seterusnya USUL No. 14 Tahun 2018, USUL Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa USUL yang berbunyi seperti berikut, "bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan. Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan bagi Dewan Negeri Selangor bagi Penggal Yang Ke 14 dan disinilah sesaudara boleh berbincang sebahagian besar mengenai kebajikan-kebajikan Ahli-ahli Dewan.

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Pengerusinya

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan.

Ahli-ahlinya

Yang Berhormat Dato' Teng Chang Khim mewakili Ahli-ahli MMKN yang juga merupakan Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pinang.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras, Timbalan Speaker.

Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Lanjan.

Yang Kelima, Yang Berhormat Tuan Hasnul bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dan

Yang Keenam, Yang Berhormat Tuan Borhan bin Aman Shah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjong Sepat.

Saya mencadangkan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi, "bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

Ya

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

USUL ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan Mesyuarat seterusnya. USUL untuk menangguhkan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : *Bismillahirrahmanirrahim.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Persidangan kita kali ini telah tamat dengan jayanya dan sudah pasti saya ingin merakamkan rasa gembira dan rasa syukur dengan Persidangan kali pertama saya selaku Menteri Besar dan juga

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

saya percaya kepada sebahagian besar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sepanjang sesi ini berlangsung telah berbahas dan menunjukkan kualiti dan usaha untuk sama-sama menyampaikan suatu sudut pandang kita terhadap pembangunan, pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Di sinilah medan terbaik kepada kita untuk mengusulkan, mencadangkan, membawakan, mengeluarkan buah fikir kita, membincangkan secara terperinci, mencorak serta membawa hala tuju negeri kita yang sangat kita cintai. Di hadapan kita pelbagai cabaran-cabaran ke depan yang harus kita lalui. Di hadapan kita ada pelbagai rintangan yang harus kita temui dan kita hadapi. Antaranya cabaran-cabaran untuk memastikan kelangsungan pentadbiran ini kekal sebagai sebuah negeri yang paling maju dan memastikan juga kemajuan itu dinikmati sama dan dalam masa yang sama selepas kemajuan itu dinikmati pembangunan kita ini dirasai kita juga ingin memastikan negeri kita ini kekal sebagai negeri yang selamat. Negeri yang boleh diduduki dan tinggal dengan selesa dengan pelbagai isu seperti isu alam sekitar, pencemaran dan sebagainya. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, justeru ada tiga perkara yang kita telah lalui sepanjang Dewan ini. Pertama, kita telah mendengar, kita telah berbahas dan kita telah membincangkan apa yang dikatakan tentang hala tuju negeri ini sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Satu hari lebih kita berbincang. Tuan / Puan telah mendengar sendiri penjelasan-penjelasan Kerajaan Negeri dan selepas ini yang pentingnya adalah untuk kita merangka melaksanakan dan sebagaimana janji saya untuk sesi kali ini tidak ada perubahan besar yang kita lakukan kerana pengambilalihan tampok pemerintahan ini adalah pada pertengahan tahun dan kita ingin melengkapkan, menyempurnakan pelan-pelan yang telah dirancang pada tahun lepas untuk projek dan program serta acara yang patut dilaksanakan tahun 2018. Tidak lama lagi pada 23 November, saya kira sekitar hujung November kita akan melaksanakan satu lagi Sidang yang begitu penting. Nama Sidang itu ialah Sidang Belanjawan Negeri dan di sana nanti lah kita akan menentukan hala tuju negeri menjelang tahun 2019. Jadi in shaa Allah saya menyeru pada semua Ahli Dewan untuk bersedia dengan perancangan-perancangan dan pelan mereka untuk sama-sama kita kemukakan dalam Sidang yang akan datang. Keduanya, Sidang ini juga membuat sejarah. Sesedara Ahli Dewan kita telah mencipta sejarah sebagai negeri pertama yang mengambil langkah berani untuk menetapkan had minimum umur perkahwinan sebagaimana yang telah kita bincangkan sebentar tadi. Perlu diingat ini bukan persoalan hukum tetapi untuk maslahat umat sebagaimana yang telah dibincangkan oleh beberapa wakil rakyat dan saya lihat ada konsensus yang dipersetujui daripada semua Ahli Dewan termasuk yang bukan Islam walaupun ini Rang Undang-undang Enakmen Keluarga Islam dan saya percaya ini lah muafakat yang kita harus kekalkan hanya mungkin perkara-perkara detail dan terperinci yang patut kita detailkan dan bincangkan nanti ataupun telah dibincangkan sebentar tadi. Yang Ketiga, kita baru sahaja melepaskan Jawatankuasa-jawatankuasa. Ini lah yang saya sebutkan tadi melalui Jawatankuasa inilah sesedara boleh bertindak sepanjang tahun tidak memerlukan mesyuarat-mesyuarat rasmi Dewan seperti ini, kita secara lazimnya akan bermesyuarat tiga kali satu tahun tapi dengan Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dipertanggungjawabkan itu banyak bidang-bidang tertentu daripada Hal Ehwal Pengurusan Tanah Dan Daerah, Pengurusan Badan Berkanun Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Pengurusan Majlis-majlis Tempatan dan tidak ketinggalan beberapa isu seperti pembasmian kemiskinan dapat dilihat, diteliti dengan terperinci, dapat memanggil wakil

5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Kerajaan Negeri, dapat melihat pandangan-pandangan baru sebelum dibentangkan dalam sesi-sesi Dewan yang wajib yang kita akan laksanakan selama tiga kali satu tahun itu. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ucap terima kasih sekali lagi pada semua khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada ex-ex officio Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang yang telah menjayakan sepanjang Dewan ini berlangsung. Dengan itu Yang Berhormat, saya mencadangkan Dewan ini ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kelak. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan kali ini kita telah menambah masa ya, iaitu semalam kita lanjutkan sampai 7.45 iaitu tiga jam lebih tambahan dan hari ini kita dah sampai 6.40, kita juga ada tambahan jadi kehadiran sampai ketika dan saat ini termasuk semalam sangat memberangsangkan. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. (Tepuk meja). Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini saya mengambil peluang dan kesempatan ini di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapur-pelapur dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak daftar penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar Penyata Rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat Sekalian.

Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang)